

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 18</b>	<b>Selasa</b>	<b>8 April 2014</b>
----------------	---------------	---------------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2013 (Halaman 24)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 8 April 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh manakah kejayaan program jihad memerangi orang tengah setakat ini dan apakah kesannya kepada rakyat serta nelayan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat saudara Tanah Merah.

**Seorang Ahli:** Nyanyilah.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Nyanyi? Nyanyi nanti semua orang tidur. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tanah Merah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun melancarkan jihad memerangi orang tengah bagi sektor padi dan beras pada 16 Januari 2014 di Kota Bharu, Kelantan oleh Yang Berhormat Menteri.

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ataupun manipulasi serta penindasan berlaku di kalangan petani-petani padi itu. Pertamanya ialah kita telah menggerakkan pertubuhan peladang kawasan yang mana mereka telah pun diberikan peranan untuk mewujudkan pusat pembelian padi dengan tujuan mereka boleh membeli padi daripada petani-petani pada harga yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan pada kadar RM1,200 bagi satu metrik tan. Dengan ini, diharapkan bahawa petani-petani terbelah dengan peranan yang dilakukan oleh orang tengah sebelum ini kerana sebelum ini, kita mendapati harga padi adalah dimanipulasikan oleh orang tengah. Di Kelantan umpamanya harganya begitu rendah, RM950 satu metrik tan manakala di Perak RM1,100 dan tempat-tempat lain kurang daripada RM1,200.

Jadi dengan sebab itu bagi memastikan mereka mendapat pulangan yang berbaloi dengan titik peluh mereka sebagai pengeluar padi, harga telah ditetapkan pada kadar RM1,200 satu metrik tan dan PPK diwajibkan untuk membeli pada harga tersebut dan selain daripada itu, kita juga ingin melihat tidak ada lagi penipuan daripada segi pemotongan padi hendaklah dibuat

berdasarkan kepada permutuan sebenar dan untuk mengelakkan berlakunya penipuan ataupun salah guna kuasa daripada pihak orang tengah.

Pada masa ini, permutuan dibuat berdasarkan kepada penimbangan yang adil yang dibuat di pusat pengumpulan padi dan di situ bukan sahaja wakil PPK dan juga pengilang termasuk BERNAS yang ada mempunyai kilang dan juga petani yang menjual. Ketiga-tiga pihak mestilah berada dan menyaksikan penimbangan padi dan juga pemotongan yang dibuat.

Jadi, dengan itu tidak ada lagi akan timbul masalah pemotongan yang tidak adil ataupun sebarang penipuan oleh mana-mana pihak. Selain daripada itu, petani-petani padi juga dapat diberikan bantuan oleh kerajaan dalam segi untuk mengusahakan pertanian mereka dengan pinjaman daripada pihak TEKUN untuk membeli peralatan pertanian yang boleh meningkatkan hasil pertanian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor perikanan, pelancaran telah dibuat di Kuantan, Pahang pada bulan Februari yang lalu, Yang Berhormat Menteri telah melancarkan program untuk membanteras manipulasi orang tengah di kalangan nelayan dan langkah yang telah diambil ialah kita telah mengarahkan NEKMAT iaitu Persatuan Nelayan Kebangsaan untuk mengambil alih peranan yang dimainkan oleh orang tengah di mana mereka pada masa ini dikehendaki untuk membeli hasil tangkapan ikan nelayan-nelayan pada harga yang berpatutan.

#### ■1010

Selama ini ramai daripada nelayan, mereka terpaksa menjual ikan-ikan mereka kepada tauke-tauke, pemborong-pemborong yang menguasai dan mencengkam mereka kerana adanya kebergantungan mereka dalam bentuk kredit, pinjaman dan sebagainya dan mereka menjual kepada pemborong-pemborong ini pada harga yang ditetapkan oleh pemborong-pemborong dengan sewenang-wenangnya. Menjual hasil tangkapan kepada NEKMAT adalah ibarat menjual kepada mereka sendiri kerana mereka yang menganggotai NEKMAT.

Pada masa ini, NEKMAT telah pun membuka banyak pasar nelayan di tempat-tempat pendaratan ikan di mana nelayan-nelayan juga selain daripada menjual hasil mereka kepada NEKMAT, mereka juga boleh menjual hasil tangkapan mereka kepada pengguna, kepada pembeli di pasar-pasar nelayan tersebut. Jadi, peranan orang tengah juga dapat dikurangkan. Selain daripada itu, mereka mendapat harga yang lebih baik daripada menjual kepada pemborong-pemborong di tempat-tempat pendaratan ikan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, FAMA juga membuka ruang-ruang di pasar tani untuk memberikan *market access* ataupun ruang pemasaran kepada nelayan-nelayan untuk menjual hasil tangkapan ikan mereka dan adalah digalakkan kepada nelayan-nelayan untuk tidak menjual hasil tangkapan ikan mereka kepada pemborong. Mereka digalakkan untuk menangkap ikan dan seterusnya menjadi penjual hasil tangkapan mereka di tapak-tapak pemasaran yang disediakan oleh FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita juga memastikan bahawa nelayan-nelayan ini dibebaskan daripada keberhutangan mereka kepada orang tengah. Bagi tujuan tersebut, kementerian telah pun mengarahkan TEKUN untuk menyediakan satu tabung berjumlah RM40

juta untuk menebus nelayan-nelayan ini daripada berhutang kepada orang tengah. Pada waktu ini, NEKMAT dan persatuan nelayan sedang menyediakan senarai nelayan-nelayan yang berhutang dan berapa banyak hutang yang masih lagi terpaksa ataupun masih tertunggak dengan pemborong ataupun orang tengah ini.

Kita belum dapat angka yang penuh. Saya telah minta kepada NEKMAT dan juga persatuan nelayan untuk menyegerakan penyediaan senarai ini supaya kita boleh memastikan mereka ini dibebaskan dan dimerdekakan daripada cengkaman orang tengah. Banyak lagi yang kita ambil langkah-langkah untuk membantu nelayan dan petani daripada cengkaman orang tengah dan makan masa yang panjang untuk dihuraikan. Mungkin kalau perlu boleh nanti berjumpa dengan saya di kementerian atau pegawai-pegawai, kita akan boleh bagi keterangan yang lebih lanjut. Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih, jawapan yang cukup panjang lebar. Soalan tambahan saya, sesungguhnya orang tengah selalu melakukan eksploitasi terhadap nelayan dan petani. Ini kerana mereka ini memikirkan keuntungan lebih daripada kesejahteraan rakyat. Cengkaman yang mereka lakukan terhadap petani dan nelayan sebenarnya sudah sekian lama berlaku. Isunya, apabila orang tengah dan pembekal bertindak serentak menaikkan harga barangan komoditi, ia pasti memberi kesan kepada pengguna dan keresahan pengguna pasti akan menjejaskan imej kerajaan. Oleh sebab itulah pendekatan jihad memerangi mereka ini sesuatu yang bagi saya menuntut satu keberanian, strategi yang bijak, kesungguhan, iltizam supaya kartel ini dapat kita banteras dan dapat kita hapuskan.

Saya ada baca di mana Yang Berhormat Bera ada memaklumkan, seperti yang dimaklumkan tadi kerajaan akan bantu nelayan-nelayan iaitu dengan cara mengambil alih hutang mereka melalui TEKUN di mana difahamkan pihak TEKUN akan membayar secara langsung hutang nelayan terbabit daripada orang tengah. Selepas itu, nelayan itu hanya perlu membayar melalui yang mereka yang berhutang itu terus bayar dengan tabung. Jadi ini kerana seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, hasil kajian yang didapati dianggarkan 47 ribu nelayan Zon 'A' dan Zon 'B' berhutang dengan orang tengah menyebabkan mereka terikat dan terpaksa menjual hasil kepada orang tengah.

Jadi soalan saya, setakat ini apakah perkembangan dalam usaha membantu golongan nelayan mendapatkan pinjaman daripada TEKUN? Adakah skim pinjaman ini sudah dilancarkan dan apakah kaedah pelaksanaan bagi memastikan golongan nelayan benar-benar menggunakan wang itu untuk menyelesaikan hutang mereka dengan orang tengah atau mereka membeli bot dan peralatan lain? Adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan Institut Pengajian Nelayan dan Petani dalam usaha bukan sahaja untuk melahirkan pembekal dalam kalangan petani dan nelayan, tetapi juga untuk mencetuskan keinsafan dan kesedaran memerdekakan diri mereka daripada cengkaman orang tengah, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat pun juga bertanya dengan panjang lebar [*Ketawa*] Lagi panjang lagi bagus. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tanah Merah sama ada sudah dilancar atau belum.

Lancar-lancar ini tidak penting, yang pentingnya ialah kita telah pun umumkan tabung itu ada dan sedia untuk dimanfaatkan. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bera telah pun mengumumkan bahawa adanya tabung sebanyak RM40 juta disediakan oleh TEKUN untuk dimanfaatkan bagi menebus nelayan-nelayan yang berhutang kepada orang tengah.

Sekarang ini kita mengalu-alukan nelayan-nelayan untuk datang tampil ke hadapan mengemukakan butir-butir keberhutangan mereka itu kepada persatuan nelayan masing-masing. Selepas itu kita akan uruskan pemberian ataupun pembayaran-pembayaran tersebut dan semestinya ada satu perjanjian di antara pihak nelayan dengan persatuan nelayan bagaimana untuk membayar balik wang itu. Wang itu tidaklah percuma. Akan tetapi kita tidaklah menggunakannya sebagai untuk menekan nelayan. Jadi nelayan akan bayar balik dengan cara yang mudah kepada persatuan mereka iaitu hasil jualan dijual kepada persatuan nelayan dan NEKMAT pada harga yang munasabah, yang adil. Itu pun dibuat secara beransur-ansur dan tidak menyusahkan pihak nelayan itu.

#### ■1020

Jadi masalahnya sekarang ini, ada juga nelayan yang kurang mahu ke hadapan untuk mengemukakan masalah mereka. Kita tidak tahulah sebab apa, adakah harga diri, *pride* ataupun berasa malu dan sebagainya. Jadi ini yang melambatkan proses ini. Kita harap, apa pun, jangan malu dan jangan seganlah. Kita harap nelayan-nelayan bersedia untuk menceritakan masalah mereka dan dengan itu barulah kita boleh membantu mereka. Boleh, cukup? Okey, terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sungguh bijaksana memilih Kuala Langat untuk soalan tambahan. Kawal selia serta derita, sengsara nelayan dan petani menjadi isu yang dibangkitkan puluhan tahun, tidak selesai hari demi hari. Namun, kesengsaraan itu dirasakan oleh mereka. Sesuatu tindakan perlu diambil. Langkah utama ialah bagaimana untuk menyelesaikan masalah yang dihantui oleh nelayan dan juga petani ini? Mengawal selia adalah satu perkara yang penting.

Soalan saya, langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan, adakah langkah kerajaan untuk mengawal selia orang tengah ini untuk digantikan dengan kementerian sendiri atau kerajaan mengambil alih tempat orang tengah daripada mereka yang mengambil untung keterlaluan, dan di samping itu, menubuhkan koperasi untuk memastikan mereka ini dinaungi oleh koperasi dan juga mereka tidak terkeluar daripada kelompok itu?

Itu untuk petani serta nelayan diberi pengetahuan, seperti Yang Berhormat Tanah Merah kata tadi, institusi untuk memberikan mereka ilmu. Begitu juga koperasi perlu ditubuhkan di setiap kawasan nelayan supaya nelayan ini juga dikawal selia oleh kerajaan dan kementerian supaya mereka tidak terjebak dengan kumpulan pemerias tenaga hasil untung nelayan yang begitu tersangat dianiyai oleh mereka.

Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri penjelasan yang lebih konkrit supaya hidup nelayan dan petani dapat kita angkat martabat mereka. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Yang Berhormat boleh bercakap berapi-api

sekarang, saya tidak boleh. Jadi dengan sebab itu, saya tidak akan - di *provoke* macam mana pun saya *steadylah* [Ketawa]

Jadi, berhubung dengan peranan kerajaan, kerajaan tidak berniaga. Kerajaan sepatutnya tidak berniaga. Kerajaan membuat dasar dan juga membuat strategi. Soal perniagaan kita serahkan kepada sektor swasta. *It's a private sector and the entrepreneurs*, petani, usahawan, nelayan, mereka daripada *private sector*. Merekalah yang menjadi pemain ataupun orang-orang yang melakukan aktiviti perniagaan, perusahaan, pertanian dan sebagainya. Jadi kita hanya menetapkan dasar. Dasar kita pada hari ini kita harap dapat sambutan daripada pihak swasta. Umpamanya dalam sektor pertanian, kita telah pun letakkan peranan ini kepada Persatuan Pertubuhan Peladang (PPK) untuk memainkan peranan. Jadi merekalah yang akan membeli padi ini dengan cara yang memberi keadilan kepada petani-petani.

Di sini saya hendak juga beritahu kepada Dewan ini dan juga kepada petani-petani di luar sana. Apa pun dasar, apa pun program yang diperkenalkan oleh kerajaan dan juga bantuan yang diberikan kerajaan, tidak mungkin berjaya kalau petani-petani sendiri tidak menyambutnya dengan secara yang positif. Kita sudah menggalakkan sekarang ini meletakkan iaitu umpamanya pembelian padi kepada PPK, tetapi kalau petani hendak menjual juga kepada orang lain, kita tidak boleh sekat. Kita tidak boleh halang mereka. Akan tetapi, mereka kenalah berikan kerjasama kepada program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Begitu juga pihak nelayan, kalau masih lagi hendak berhutang dengan orang tengah, hendak jual ikan hasil tangkapan kepada orang tengah, kita tidak boleh halang. Akan tetapi, adakah itu cara yang akan dapat membela nasib mereka? Adakah orang tengah akan membela nasib mereka? Tentunya tidak. Yang hendak membela nasib mereka ini kerajaan. Walaupun terdapat kelemahan di sana dan di sini, tetapi tidak ada satu kerajaan yang berniat yang tidak baik kepada nelayan, kepada petani, kepada rakyat. Kita hendak yang baik, yang terbaik. Kita hendak bela nasib mereka. Ini hasrat kita.

Akan tetapi kalau sekiranya, oleh kerana ada sedikit sebanyak masalah pelaksanaan, masalah *delivery*, penyampaian, itu masalah bukan berhubung kait dengan nawaitu, iltizam, niat, hati kerajaan. Itu adalah pelaksanaan, masalah pelaksanaan. Kita boleh betulkan. Kita boleh ambil tindakan kepada pegawai kerajaan, kepada pihak pelaksana. Boleh marah kepada mereka, tetapi jangan marah kepada kerajaan. Jangan marah kepada Menteri, Perdana Menteri, kerana Perdana Menteri bersungguh-sungguh untuk membela rakyat. Menteri pun begitu, termasuk Timbalan Menteri... [Ketawa]

Jadi kalau ada yang tidak puas hati, beritahu, kita boleh betulkan. Mana pegawai yang perlu kita tukar, kita tukarlah. Mana yang perlu diberi teguran, kita tegurlah. Kita nasihatkanlah. Yang Berhormat Gombak tengok jam. Ada soalan kah selepas ini? Okey, terima kasihlah. Terima kasih, terima kasih.

**2. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik serta jenis jenayah di Pulau Pinang mengikut pecahan tahun dari 2008 sehingga kini dan mengikut kawasan polis.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pandai pantun Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ini propaganda sahaja ini. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan. Pihak polis mengkategorikan statistik jenayah kepada dua bahagian iaitu jenayah bukan indeks, *non index crime*, dan jenayah indeks ataupun *index crime*. Bagi statistik jenayah indeks pula, ia dibahagi kepada dua bahagian iaitu:

- (i) jenayah kekerasan melibatkan bunuh, rogol, samun berkawan senjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun senjata api, samun tanpa senjata api, mencederakan; dan
- (ii) jenayah harta benda melibatkan kes curi, curi motokar, curi van, lori, jentera berat, curi ragut dan pecah rumah dan curi.

Statistik sebagaimana yang dipinta oleh Yang Berhormat, bagi Pulau Pinang bagi tahun 2008 sehingga 2014 bulan Januari adalah seperti berikut. Kita mempunyai lima kawasan polis sebagaimana yang ditanya oleh Yang Berhormat. IPD Timur Laut- Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, ini panjang sikit hendak baca statistik, akan tetapi soalan dia. Berikut adalah statistik kes jenayah di IPD Timur Laut:

Tahun	Bilangan Jenayah
2008	5,346
2009	5,216
2010	3,896
2011	2,982
2012	2,559
2013	2,231
Sehingga Januari 2014	2,014

■1030

Yang Berhormat, saya boleh bagi salinan nanti. IPD Barat Daya.

Tahun	Bilangan Statistik
2008	2004
2009	1,781
2010	1,275
2011	1,192
2012	907
2013	844
Hingga Januari 2014	65

## IPD Seberang Perai Utara.

Tahun	Bilangan Statistik
2008	2,204
2009	2,722
2010	2,203
2011	1,477
2012	1,354
2013	1,353
Hingga Januari 2014	98

## IPD Seberang Perai Tengah.

Tahun	Bilangan Statistik
2008,	5,970
2009	6,067
2010	4,235
2011	3,354
2012	2,925
2013	2,894
Hingga Januari 2014	2,014

## IPD Seberang Perai Selatan.

Tahun	Bilangan Statistik
2008,	1,127
2009	1,033
2010	864
2011	753
2012	654
2013	614
Hingga Januari 2014	35

Jadi jenis jenayah yang dipinta oleh Yang Berhormat ialah jenayah bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api dan samun berkawan tanpa senjata api juga mempunyai fakta-fakta yang sama. Tuan Yang di-Pertua, sama ada saya dibolehkan membaca? Ini pun panjang sama



dengan yang saya sebut tadi kerana dipecah mengikut tahun. Boleh baca Tuan Yang di-Pertua? Saya boleh beri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bertanya itu, perlukah dibaca panjang lebar atau bertulis sahaja?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Boleh bagi bertulis, boleh bagi bertulis supaya boleh jawab lagi banyak soalan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

*Bukit Mertajam dipandang indah,*

*Dipandang indah di pinggir kota,*

*Berpantun sudah bernyanyi pun sudah,*

*Peraturan mesyuarat jangan di lupa.*

Sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:**

*Buah cempedak di luar pagar,*

*Ambil galah tolong jolokkan,*

*Saya budak baru belajar,*

*Kalau salah Tuan Yang di-Pertua tolong tunjukkan.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Ini bukan berbahas lagi, berbalas pantun sudah ini. Sila teruskan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada jawapan yang diberikan walaupun tadi saya hanya sempat salin beberapa tetapi nampaknya memang ada peningkatan dari segi keselamatan di negeri Pulau Pinang. Saya rasa ini merupakan hasil usaha sama dan kerjasama erat antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Pakatan Rakyat dan Polis Diraja Malaysia.

Di sini saya hendak tanya satu soalan tambahan iaitu di Pulau Pinang ada berapa buah CCTV dan juga berapa anggota PDRM, pasukan ronda bermotor di setiap kawasan Parlimen? Sila berikan *breakdownnya*, pecahannya mengikut kawasan Parlimen. Adakah Kerajaan Pusat terutamanya Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk jadikan Pulau Pinang ini sifar jenayah dengan menambahkan lagi kemudahan seperti CCTV dan Pasukan Polis Rondaan Bermotor. Jika ada bila dan berapa? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Fakta berhubung dengan berapa motosikal yang kita bagi dan berapa CCTV yang kita bagi tidak ada dalam simpanan saya pada masa sekarang. Walaupun saya mengetahui bahawa kerajaan telah mengagihkan beberapa motosikal ke tiap-tiap negeri di seluruh Malaysia. Tiap-tiap negeri juga mendapat CCTV untuk dipasang ke tempat-tempat yang strategik di seluruh kawasan yang dikenal pasti oleh pihak polis bersama dengan pihak berkuasa tempatan untuk memasang CCTV itu. Begitu juga motor, sekarang kita sudah mempunyai 1,800 motor untuk diberi, diagih-

agihkan ke seluruh Malaysia. Kita mempunyai ada 3,000 lebih lagi kerana janji Perdana Menteri dahulu ialah 5,000 motosikal akan kita beli. Ini akan kita hantar dari semasa ke semasa, berperingkat-peringkat Yang Berhormat. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat berhubung dengan jenayah sifar. Kalau ada kerjasama dengan semua pihak Yang Berhormat, pihak PDRM di bawah *Blue Ocean Strategy* kerajaan dan bersama dengan pihak tempatan khususnya majlis pentadbiran tempatan. Kita boleh mengusahakan, mengurangkan kesan jenayah ini. Oleh kerana Yang Berhormat telah menyebutkan kesan jenayah tadi saya ingin juga baca sebagai fakta yang khusus bahawa pada tahun 2008 Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 16,661 jumlah jenayah indeks. Akan tetapi pada tahun 2013 kita sudah menurun sampai 7,936 hampir lebih 60% menurun. Ini memang menunjukkan kesan tindakan daripada pihak polis, pihak *Blue Ocean Strategy* kerajaan telah mendatangkan kesan. Saya juga terima kasihlah kalau ada kerjasama daripada pihak kerajaan tempatan.

Soalannya, bila kita akan dikatakan mencapai tahap sifar? Kerajaan memang berusaha ke tahap itu tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita belum boleh menentukan bilakah peringkat kita boleh sampai ke tahap sifar jenayah dan apakah ertinya sifar jenayah. Ini belum kita takrifkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Mengenai isu tadi kita dengar ada CCTV dan motosikal kasi tiap-tiap negeri. Di Bintulu saya rasa CCTV belum ada. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong bantu sedikit, kalau boleh tambah lagi *motorbike* di Bintulu buat rondaan. Masalahnya di Bintulu ini jenayah satu hal, paling teruk sekarang dadah, meningkat tiap-tiap hari. Banyak masyarakat sudah bersuara, kenapa ini aktiviti dadah ini meningkat di kawasan Bintulu? Saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, macam mana ataupun adakah rancangan daripada kementerian untuk menyelesaikan masalah di Bintulu ini, aktiviti-aktiviti haram. Terutama sekali aktiviti dadah di kawasan Bintulu. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sendiri pun Tuan Yang di-Pertua, baru balik dari Bintulu. Tujuan saya pergi ke Bintulu ialah untuk melihat sendiri apakah masalah yang kita hadapi di Bintulu daripada sudut prasarana polis dan juga keanggotaan polis. Ini kerana Bintulu adalah satu bandar yang boleh dikatakan unik. Dia membangun dengan begitu pesat sekali, di luar jangka. Jadi, dalam keadaan sedemikian kalau kita lihat di kawasan Samalaju sahaja, hingga sekarang ini sudah mempunyai 6,000 orang asing jadi pekerja di tempat itu. Kesan-kesan kedatangan orang ini walaupun membantu dari sudut ekonomi juga membawa sedikit kesan berhubung dengan sosial dan jenayah.

Jadi, kita memahami dan mengetahui perkara ini berlaku. Saya berbincang dengan OCPD supaya mengambil tindakan yang lebih strategik. Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat oleh kerana Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah telah kita wartakan pada 1 hari bulan dan boleh dilaksanakan di Sarawak pada 2 hari bulan. Apa yang tinggalnya ialah polis merancang untuk menjalankan serbuan, tindakan secara strategik macam mana kita buat

berhubung dengan Ops Cantas dahulu. Jadi Yang Berhormat, saya minta berilah kita sedikit masa untuk polis membuat strategi serangan, *raid* dan sebagainya, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

**1040**

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum. [Kubang Pasu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar Sekolah Menengah Pusat Pendidikan Tun Abdul Razak, Jerantut ke Dewan ini [*Tepuk*]

**3. Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum [Kubang Pasu]** minta Perdana Menteri menyatakan, tentang pelarian Rohingya dari Myanmar. Berapakah bilangan mereka yang telah memasuki negara kita sejak lima tahun lalu. Apakah usaha kita bersama-sama *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) untuk menghantar balik mereka ke negara asal atau ditahan di kem sementara. Jika ada, apakah masalah ini tidak dibincangkan dan diselesaikan di peringkat pertubuhan ASEAN.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

Saya juga ambil kesempatan untuk mengalu-alukan tetamu ke Parlimen ini terutamanya Wanita UMNO Bahagian Arau, "Teras Perjuangan Ahli Parlimen Arau" [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur, sehingga 31 Januari 2014, terdapat 27,289 pelarian dan 7,079 pemohon SUAKA di kalangan etnik Rohingya, Myanmar. Kumpulan ini mewakili 25.9% dari jumlah keseluruhan pelarian dari Myanmar yang berjumlah 132,187 orang. Pelarian daripada Myanmar yang lain ialah terdiri daripada etnik Chin, Kachin, Mon, Karen, Bamar, Shan, Kayah, Karenni, Muslim dan lain-lain.

Isu pelarian ini merupakan isu sejagat yang memerlukan bantuan dan sokongan masyarakat antarabangsa. Dalam hal ini, kerajaan juga sentiasa mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan perwakilan asing yang mempunyai warganegaranya sebagai pelarian dan juga pejabat UNHCR di Kuala Lumpur bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang pelarian ke negara asal atau dihantar ke negara ketiga khususnya di kalangan 147 buah negara yang menjadi negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Dalam masa yang sama, pihak berkuasa Malaysia juga sentiasa meningkatkan pemantauan dan kawalan di pintu-pintu masuk udara, sempadan darat dan laut bagi menghalang kemasukan pelarian yang baru ke dalam negara ini.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum. [Kubang Pasu]:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi pada tahun 2004, kerajaan telah mengumumkan untuk mengeluarkan dokumen khas kepada pelarian etnik Rohingya bagi membolehkan mereka bekerja dengan sah di negara kita ini. Walau bagaimanapun, dua tahun kemudian, ia ditarik balik atas sebab-sebab yang tertentu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Apakah usaha yang kerajaan buat terutama sekali untuk mengawal mereka yang hari ini berada di negara kita ini yang bekerja. Ada juga yang terlibat dengan kes-kes jenayah dan ada yang berkahwin dengan rakyat di negara kita

ini. Apakah usaha yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan. Selain daripada itu juga, satu lagi soalan ialah berapa ramai pelarian yang ada di negara kita ini sekarang? Bilakah mereka akan dihantar balik mungkin ke *Myanmar* atau negara ketiga. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2004, seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat adalah orang yang terlibat secara langsung sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri. Jadi soalan itu sebenarnya berkait rapat dengan Yang Berhormat dan juga Timbalan Menteri Dalam Negeri. Akan tetapi, saya hendak beritahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mereka yang memegang kad UNHCR, kita tidak menganggap pelarian. Mereka ini datang ke Malaysia oleh kerana kita tidak terlibat dengan Perjanjian Konvensyen 1951. Maka kita anggap mereka ini pendatang tanpa izin (PATI).

Akan tetapi mereka yang mempunyai kad UNHCR, mereka dibenarkan untuk tinggal sementara di negara ini dan dikecualikan dari tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Imigresen 1959 (63) dan pelarian ini mereka mendapat hak, antaranya seperti berikut.

- (i) mereka boleh bergerak dan tidak ditahan. Akan tetapi kalau sekiranya mereka berada di negara ini, mereka terlibat dengan undang-undang negara ini termasuk undang-undang jenayah;
- (ii) tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip *non-reformant* melainkan secara sukarela ataupun *volunteer return*;
- (iii) tidak dinafikan hak untuk mendapatkan rawatan di klinik ataupun di hospital kerajaan dengan diberikan potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan *expatriate*;
- (iv) vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma; dan
- (v) mereka tidak disekat untuk kemudahan pelajaran di sektor swasta. Makna kata kalau mereka ada sekolah yang dibuat oleh komuniti yang berkenaan, itu hak mereka. Akan tetapi yang lain-lain, mereka mesti mengikuti peraturan yang telah ditetapkan.

Sehingga kini, di seluruh negara, terdapat 142,160 orang pelarian yang terdiri daripada Myanmar, Afghanistan, Iraq, Somalia, Sri Lanka dan juga lain-lain. Myanmar seperti yang saya sebutkan tadi ialah 142,187 orang dan yang memohon suaka untuk balik ke negara asal ataupun negara ketiga ialah 39,278 orang. Jadi sementara menunggu giliran untuk mereka kembali ke tanah air mereka ataupun pergi ke negara ketiga, mereka mendapat hak seperti yang telah saya sebutkan tadi dengan syarat mereka ada kad UNHCR. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Temerloh.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kalau kita lihat etnik Rohingya di Rakhine ini, mereka sedang berdepan dengan satu penghapusan etnik. Pembunuhan yang berleluasa di negara mereka oleh rejim *Myanmar* dan mereka juga dinafikan hak kewarganegaraan. Baru-baru ini rombongan kami pergi ke sana melihat makanan dan bantuan ubatan juga hampir habis di negara mereka. Jadi, kalau

perbincangan kita pada hari ini berkisar bagaimana usaha untuk menghantar balik mereka ke negara asal, saya rasa itu lebih menambah derita dan sengsara ke atas mereka dan ia suatu yang sangat tidak wajar. Walaupun saya akui bahawa secara perundangannya negara kita tidak menandatangani konvensyen tahun 1951 dan mereka tidak berhak mendapat perlindungan rasmi.

Akan tetapi atas nama kemanusiaan, sekurang-kurangnya lebih 27,000 yang disebut tadi sebagai yang berdaftar di UNHCR ini, mereka dapat diberikan perlindungan dengan baik. Sekurang-kurangnya satu usaha diberikan untuk mereka selamat. Rawatan umpamanya ataupun perubatan dan juga pendidikan jika perlu. Jadi ini adalah satu perkara yang perlu kita lihat atas nama kemanusiaan. Saya ambil contoh baru-baru ini di Persidangan Hak Asasi Manusia Negara ASEAN di Bangkok. Perwakilan dari Thailand telah mempersoalkan wakil negara kita, Malaysia, dalam usaha untuk memperjuangkan hak asasi manusia di peringkat antarabangsa khususnya berkait dengan isu Myanmar. Mereka lihat Malaysia seolah-olah tidak ada sifat kemanusiaan begitu.

Jadi saya harap pihak kementerian dapat melihat perkara ini dan persoalan saya ialah apakah pihak kementerian mengeluarkan satu dokumen khas imigresen ataupun pas lawatan lain yang seumpamanya untuk memastikan pelarian-pelarian Rohingya ini tidak dihantar pulang dan akhirnya hanya untuk dibunuh di negara mereka. Ini kerana sebahagiannya berbeza dengan parti. Berbeza dengan parti. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai membuktikan bahawa Malaysia ini adalah negara yang paling berperikemanusiaan dan kita telah menanggung banyak masalah kerana negara lain tidak mahu ataupun tidak mampu berbuat demikian.

#### ■ 1050

Contohnya macam pada masa yang lepas penghantaran balik PATI ini sering kali kita akan bertanya siapa yang akan membayar tambang kapal terbang? Jadi di akhirnya Malaysia terpaksa membayar tambang kapal terbang. Jadi kalau hendak kira dari segi kemanusiaan 50-50 tetapi nampaknya kita terpaksa menanggung banyak kos penerbangan. Kita cukup berperikemanusiaan. Banyak operasi yang lepas yang sepatutnya ditanggung 50-50, operasi yang melibatkan negara jiran tetapi akhirnya kita terpaksa tanggung semua.

Yang Berhormat, kadang-kadang kita lupa melihat kebaikan kita. Kita hanya tanya orang apa dia keburukan kita. Jadi kadang-kadang kita tahu bahawa kita telah buat yang terbaik tetapi kita tidak tahu dan kita tanya orang. Orang yang tidak suka kita tentulah dia kata kita buat tidak baik. Sebagai contoh Yang Berhormat, kita namakan PATI, kita tidak namakan pelarian mereka yang berada di negara ini. Akan tetapi kalau sekiranya mereka mempunyai kad UNHCR, mereka boleh berada di sini menikmati apa yang ada dan dikecualikan daripada Akta Imigresen 1959/1963.

Myanmar, kita ada seramai 132,187, Afghanistan seramai 325, Iraq seramai 791, Somalia pun ada seramai 1,137, Sri Lanka seramai 4,013 dan lain-lain seramai 3,070. Kita tidak akan menghantar mereka balik kecuali dengan cara sukarela tetapi kalau atas dasar paksaan

sehingga menyebabkan dia menghadapi masalah itu bukan polisi kita. Polisi kita yang kita panggil adat antarabangsa ini iaitu kalau dia sukarela untuk balik, kita benarkan dia balik. Akan tetapi kalau dia balik dia akan dibunuh, sudah pasti kita tidak akan berbuat demikian.

Akan tetapi kalau kita buka untuk Rohingya bahawa orang Rohingya ini dapat pas khas kalau datang ke Malaysia, saya percaya semua yang berada di sana akan datang ke Malaysia untuk mendapatkan pas khas. Kita ada sejuta lebih di sana yang sudah pasti mereka akan datang ke sini untuk mendapatkan pas khas. Jadi kita tidak boleh berbuat demikian. Kita masih lagi memegang prinsip antarabangsa. Mereka mesti ada kad UNHCR, maka mereka mendapat hak di sini...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kemudian..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sesi soal jawab tidak boleh mencelah seperti begitu. Sila.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak mengapa, kalau Yang Berhormat hendak tambah boleh. Saya maksudkan di sini bahawa mereka yang berada di sini diberi perlindungan. Kalau tanya orang-orang Rohingya yang berada di Malaysia, saya tengok laporan televisyen yang ditunjukkan bahawa mereka ada sekolah komuniti sendiri dan anak-anak mereka fasih berbahasa Malaysia dan sebagainya. Akan tetapi yang paling seronok sekali sebab NGO kita, sukarelawan kita, rakyat Malaysia yang sentiasa prihatin kepada orang lain ini banyak membantu mereka sehingga memudahkan mereka berada di sini. Bukan sahaja mudah berada di sini, mereka hubungi kawan-kawan mereka di sana, jadi ada sedikit peningkatan kehadiran orang-orang Rohingya di sini. Kita sedar bahawa mengikut laporan media-media bahawa orang Rohingya adalah di antara manusia di dunia yang paling teruk menghadapi penderitaan, tekanan dan sebagainya.

Jadi Yang Berhormat, berhubung dengan penderitaan mereka di sana, kita kerajaan prihatin dan saya percaya NGO kita di Malaysia ialah NGO yang bersifat kemanusiaan yang sentiasa memberi bantuan kemanusiaan, sentiasa pada bila-bila masa untuk menolong mana-mana bentuk penderitaan, bencana dan sebagainya. Terima kasih.

**4. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]** minta Perdana Menteri menyatakan, laporan aktiviti pengintipan beberapa buah negara terhadap Malaysia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menolak sebarang bentuk pengintipan dan *surveillance* oleh mana-mana pihak yang menjejaskan kedaulatan negara serta menjejaskan hubungan dua hala. Bahkan dakwaan mengenai aktiviti pengintipan beberapa buah negara terhadap Malaysia, kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri dan agensi-agensi berkaitan membuat pemantauan mengenai perkara ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat bukti kukuh berhubung dengan dakwaan pengintipan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapannya terlalu pendek ya [*Ketawa*] Cuma saya fikir pihak kerajaan mungkin memiliki maklumat yang lebih tetapi mungkin tidak mahu didedahkan di Parlimen ini mungkin kerana atas dasar keselamatan negara.

Cuma saya harap jawapan tidak ada intipan itu saya bimbang takut itu bermaksud kita gagal mengesan intipan tersebut. Bukan bermakna negara-negara asing yang berkuasa besar ini tidak mengintip Malaysia. Kita tahu negara kita ini negara yang ada kemungkinan besar bahawa negara-negara berkuasa besar akan melakukan intipan terhadap keselamatan negara kita.

Isu pengintip negara kuasa besar dunia bukan lagi suatu yang sepatutnya dianggap remeh dan sipi oleh kita. Malah perlu dipandang serius oleh kerajaan kerana ini melibatkan keselamatan negara kita. Selepas pendedahan yang dilakukan oleh Edward Snowden seorang bekas pakar komputer yang pernah berkhidmat dengan CIA dan NASA mendedahkan aktiviti pengintipan agensi keselamatan kebangsaan Amerika terhadap beberapa negara termasuk India, Mexico, Perancis dan juga Indonesia. Malah negara kita Malaysia juga disebut termasuk dalam senarai negara yang di intip oleh negara jiran kita iaitu Singapura. Maka jelas kita sedang berhadapan dengan situasi yang agak kritikal. Seharusnya menyedarkan kita betapa perlunya negara melengkapkan diri dengan kelengkapan pertahanan diri yang ampuh bagi menghadapi serangan intipan negara luar ini.

Saya merujuk kepada tiga isu Tuan Yang di-Pertua. Isu terkini mengenai keselamatan negara yang bagi saya menggambarkan ciri dan tahap keupayaan pertahanan negara yang agak lemah dan mengundang bahaya.

Pertamanya, isu MH370 yang melibatkan radar tentera yang gagal bertindak memintas pesawat yang tidak dikenali apabila pesawat tersebut melalui ruang udara negara kita. Keduanya, isu passport palsu yang mudah melepasi kawalan pegawai keselamatan yang bertugas di KLIA. Isu berkait MH370 ini hanyalah satu contoh kerapuhan ciri keselamatan di pintu masuk utama negara kita.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, isu penculikan pelancong asing yang kita bincang semalam sampai kita bincang mengenai ESSCOM, peranan dia yang gagal. Kemudian Tuan Yang di-Pertua, terakhir sekali negara China telah mengambil langkah drastik untuk mengetatkan lagi ciri keselamatan dalam talian atau *internet security* selepas mendapat laporan aktiviti pengintipan kerajaan terhadap *email server* syarikat komunikasi terbesar Huawei dan juga institusi Kerajaan Negara China.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kecaman antarabangsa oleh kerajaan terhadap mana-mana negara yang melakukan intipan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, apakah langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan terutama yang melibatkan keselamatan dalam talian ataupun *online security* bagi memastikan segala data-data rahsia negara dapat disimpan dengan selamat.

Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, soalan saya panjang sebab jawapan Yang Berhormat Menteri terlalu pendek. Terima kasih [*Ketawa*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuba beri jawapan yang panjang kepada Yang Berhormat. Tujuan saya memberi jawapan pendek untuk membolehkan Yang Berhormat tanya panjang ya [*Ketawa*]

Pertamanya, mengenai MH370 telah pun dijawab. Tiap-tiap hari kita dapat maklumat dari pelbagai pihak termasuk Australia yang sekarang ini menjadi penyelaras kepada usaha mencari dan menyelamatkan. Kemudian passport, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sudah jawab dengan panjang lebar pada hari tersebut berhubung dengan passport. Kemudian mengenai soalan Yang Berhormat tentang sama ada negara kita ini menyediakan ciri-ciri keselamatan supaya kita tidak diserang terutamanya dari segi internet, siber dan sebagainya.

■1100

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun 2006, Dasar Keselamatan Siber Negara ataupun *National Cyber Security Policy* telah digubal sebagai dasar bagi mengurus keselamatan siber di peringkat kebangsaan. NCSP diwujudkan untuk menangani risiko terhadap Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara ataupun Critical National Information Infrastructure yang merangkumi rangkaian-rangkaian sistem maklumat dalam sektor-sektor kritikal negara. Sebanyak sepuluh sektor kritikal negara yang telah dikenal pasti oleh NCSP adalah seperti berikut:

- (i) pertahanan dan keselamatan;
- (ii) perbankan dan kewangan;
- (iii) maklumat dan komunikasi; dan
- (iv) tenaga, pengangkutan, air, perkhidmatan kesihatan kerajaan, perkhidmatan kecemasan dan makanan serta pertanian.

Di bawah sektor ini kita ada agensi-agensi, lebih daripada 200 agensi yang terlibat di bawah sektor ini dan NCSP memberi khidmat dan memastikan supaya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, maklumat kritikal negara ini tidak diterobos oleh mana-mana pihak. Ini adalah usaha kita yang kita akan mempertingkatkan dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan tindakan oleh Edward Snowden, sebagaimana yang telah dimaklumkan kerajaan Amerika sekarang ini sedang membuat kajian dan penyiasatan ke atas perkara ini dan akan memaklumkan kepada Malaysia dan negara-negara terlibat mengenai hasil kajian tersebut. Tindakan sewajarnya akan diambil setelah kajian dibuat. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui agensi-agensi keselamatan dan perisikan bersama negara-negara tertentu akan meneliti perkara ini dari semasa ke semasa. Kerajaan sedang menumpukan kepada tindakan-tindakan perlindungan dan keselamatan ruang siber negara dan keselamatan maklumat digital serta memantapkan keselamatan prasarana digital negara dengan mengambil kira isu-isu keupayaan, teknikal, proses dan juga perundangan.

Seperti Yang Berhormat telah dimaklumkan dari semasa ke semasa bahawa kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang sewajarnya, di antaranya kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri telah menghantar nota bantahan kepada Pejabat Kedutaan Amerika Syarikat dan juga Suruhanjaya Tinggi Australia di Malaysia berhubung dengan dakwaan pengintipan yang



dilakukan oleh negara berkenaan. Kerajaan juga turut memaklumkan bahawa Presiden Amerika Syarikat, Barrack Obama telah mengarahkan satu kajian semula dilakukan terhadap semua kegiatan pengintipan oleh pihak negara yang berkenaan.

Jadi dari segi perlindungan maklumat kritikal, kerajaan telah menggubal seperti yang saya telah sebutkan tadi, Dasar Keselamatan Siber Negara 2006 yang bertujuan untuk melindungi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara. Terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai pengintipan ini. Kita tahu *threat* dimulai ancaman ekonomi, kalau Malaysia ancaman perpaduan yang mana boleh menyebabkan ketidakstabilan negara.

Jadi pengintipan adalah satu aspek yang kita rasa seperti yang dijawab tadi mesti diperkukuhkan dengan pelbagai hala. Saya juga hendak tanya, pengintipan ini untuk mendapatkan maklumat. Apa pula langkah-langkah kerajaan untuk menangani kebocoran maklumat. Dia mengintip mendapat maklumat tetapi apakah langkah untuk mereka-mereka yang membocorkan maklumat atau menyampaikan maklumat-maklumat yang salah kepada pihak-pihak yang tidak sepatutnya. Kita dengar beberapa contoh di Taiwan baru-baru ini, pihak pembangkang pergi ke sana membuat demonstrasi. Itu adalah salah satu bentuk maklumat yang saya rasa salah dan mengelirukan dan ini kesannya lebih dahsyat daripada pengintipan. Jadi saya hendak tanya, apakah langkah-langkah kerajaan di samping mempertingkatkan pengintipan untuk menangani kebocoran maklumat. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Soalan yang baik tetapi agak susah hendak menjawabnya. Akan tetapi dari segi aspek perlindungan maklumat, terutamanya dari segi aset kritikal negara, Malaysia melaksanakan kajian perlindungan ketirisan maklumat elektronik di mana kita mengenal pasti kepada situasi ketirisan maklumat terutamanya dalam pentadbiran perkhidmatan awam. Pada masa ini, rangka Dasar Perlindungan Ketirisan Maklumat Elektronik sedang dilaksanakan. Selain daripada itu, kerajaan melaksanakan Dasar Kriptografi Negara dan sedang digubal dan dalam proses pelaksanaan supaya ia menyumbang kepada usaha ataupun menyumbang kepada sistem kritikal negara yang dikenal pasti.

Yang Berhormat, berhubung dengan pengintipan dan usaha pelbagai pihak untuk menjatuhkan imej negara. Pertama dari segi moral, ia sudah pasti tidak bermoral. Sebab apa, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Kalau sekiranya tempat kita makan, kita berak di tempat itu atau kita mengotorkan tempat tersebut, itu adalah perbuatan yang paling tidak bermoral. Kalau dari segi moral, adalah moral yang paling rendah. Kalau sekiranya kita tidak berpuas hati kepada negara ini ataupun dari segi pentadbiran, kita berbincang. Inilah dia Dewan yang mulia ini. Itu sebab Dewan ini dipanggil, "Dewan yang mulia" walaupun kadang-kadang kita melanggar peraturan, tetapi kita masih berada di tempat yang mulia.

Saya tengok ada di kalangan pembangkang yang bagus-bagus, bukan semua tidak bagus. Ada yang bagus dan sentiasa mengikuti program kerajaan dan apabila mereka pergi ke luar negara bersama dengan kita, mereka bercakap mempertahankan dasar kerajaan, cukup

bagus. Saya sampai berkata, kenapalah tidak masuk dalam kerajaan. Dia tidak hendak masuklah tetapi bukan sekarang, perlahan-lahanlah. Terima kasih.

Jadi itu yang kita mahu sebab negara ini negara kita. Suatu hari mungkin tahun 4000 nanti kalau pembangkang boleh ambil alih, jadi kerajaan ini mereka harus tadbir, mereka mesti tadbir Parlimen yang mulia ini dan sebagainya. Tahun 4000lah ya. Akan tetapi sekarang ini kami memerintah dan kita menghormati negara ini dan kita bersama-sama menjaga. Kalau kita tidak berpuas hati, inilah tempat yang mulia, tempat yang harus kita berbincang bersama.

Akan tetapi bagi mereka yang melanggar undang-undang sama ada undang-undang Akta Rahsia Rasmi dan juga undang-undang yang lain, mereka akan dikenakan tindakan. Kalau mereka hadir di Taiwan ataupun di Indonesia untuk membocorkan rahsia kerajaan, mereka tidak boleh lari daripada undang-undang. Mungkin sekarang sesetengah orang terlampau berani untuk melanggar undang-undang dan mencabar undang-undang dan sebagainya, tetapi dia tidak akan lari daripada undang-undang tersebut dan akhirnya undang-undang itu akan mengejanya. Kita tidak peduli sama ada dia pakai baju apa pun. Pakai baju merah pun kalau dia melanggar undang-undang, tindakan akan diambil kepadanya. Kita tidak kira.

Jadi, mereka yang berbuat demikian- akan tetapi saya sebut tadi dari segi moral. Ini adalah sesiapa yang mencaci negara, menghina negara di luar negara, di depan orang lain, maka moralnya cukup rendah. Kita juga ada mendengar cerita, ini bukan maklumat sepenuhnya, ada orang sanggup mengupah orang untuk memalukan negara, ada. Mereka berbuat sedemikian supaya negara ini nampak leceh. Akan tetapi saya hendak beritahu, kalau negara ini dihina, leceh, leceh, yang akan malu bukan kami, tetapi kita bersama. Ini kerana orang akan melihat kamu daripada Malaysia. Jadi kalau orang pandang rendah kepada kami, kamu juga akan dipandang rendah. Lebih kurang macam itulah.

Jadi Yang Berhormat, yang cuba memperlekehkan Malaysia di luar negara, menjatuhkan imej negara ataupun menyampaikan maklumat dan lain-lain lagi untuk memperlekehkan negara, sebenarnya kita sedang 'meludah ke langit, timpa atas batang hidung sendiri'. Jangan berbuat sedemikian. Terima kasih. Boleh tanya soalan, tidak ada masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, saya terdengar bunyi telefon tadi. Kalau saya tidak salah itu di antara Yang Berhormat Bintulu dengan Yang Berhormat Kubang Pasu [*Ketawa*] Hantar telefon itu ke pejabat saya nanti. Oleh sebab soal ini soal penting, saya membenarkan Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang, tanya soalan dengan baik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Saya ingin bertanya, apakah definisi kebocoran maklumat ini? Adakah apabila ada pendedahan terbaru daripada bekas Timbalan Perdana Menteri terhadap bekas Perdana Menteri yang menyatakan bahawa semasa berlakunya peristiwa Memali, Perdana Menteri sebenarnya

ada di Malaysia. Ini maklumat daripada bekas Timbalan Perdana Menteri yang mengatakan, “*Saya ada maklumat, memang Perdana Menteri masa itu ada di sini, di Malaysia*”. Akan tetapi bekas Perdana Menteri kata tidak ada. Perdana Menteri yang itulah.

Jadi persoalannya, adakah itu termasuk dalam kebocoran maklumat? Kalau kebocoran maklumat, jelas bahawa yang membocorkan itu ialah daripada pemimpin Barisan Nasional juga, daripada kerajaan juga. Jadi minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah setuju ditubuhkan satu RCI untuk menyiasat maklumat baru ini terhadap peristiwa Memali ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, yang itu sudah masuk di bawah bidang kuasa kawan-kawan saya yang lain. Akan tetapi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, apa sahaja maklumat yang dikategorikan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, dan “Bukan Rahsia”. Kalau sekiranya termasuk dalam “Rahsia Besar”, kalau kita pembocor maklumat, maka kita akan melanggar undang-undang Akta Rahsia Rasmi.

Jadi kalau sekiranya dia memikirkan bahawa dia hendak supaya sesuatu tindakan diambil berdasarkan maklumatnya, itu dia tahu- saya percaya kalau bekas Timbalan Perdana Menteri atau bekas Menteri kalau mereka berbuat demikian, mereka tahu risiko yang mereka hadapi. Kalau mereka melanggar Akta Rahsia Rasmi, adalah hukuman-hukumannya, tidak kiralah siapa yang membocorkan rahsia kerajaan. Kita hendak tengok apakah maklumat tersebut termasuk di bawah atau di mana kategori yang dikatakan Akta Rahsia Rasmi.

Dari segi moral sebagai seorang Islam, Rasulullah SAW bersabda... [*Membaca sepotong hadis*] Antara maksudnya, kalau kamu tutup aib saudara kamu di dunia, Allah akan tutup aib kamu di akhirat. Saya ingat kalau hebat macam mana kita sekalipun, sebagai seorang Islam, elakkanlah diri daripada mendedahkan aib dan sebagainya, ataupun perbuatan tersebut yang termasuk dalam fitnah ataupun mengumpat. Itu kita kena pakai sebab undang-undang agama Islam ini setelah Rasulullah SAW wafat, ia tidak berubah. Itulah undang-undang dahulu, kini dan selamanya. Moden macam mana kita belajar jadi *lawyer*, daripada Timbuktukah, ataupun daripada Universiti Malayakah, atau daripada Universiti Islam, undang-undang Islam tidak berubah. Mengaibkan orang, hukumnya berdosa. Kalau sekiranya melibatkan fitnah, dosa besar. Kalau melibatkan mengumpat, Allah akan gantung amalan kita. Perhati-perhatilah, jangan ingat bahawa kebebasan bercakap itu sehingga mengurangkan pahala kita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri sindir bekas Timbalan Perdana Menteri?

**5. Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, adakah kerajaan menyediakan bantuan daripada segi kewangan dan latihan untuk membantu penduduk rumah panjang dalam industri pelancongan Program *Homestay*.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lubok Antu atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ada menyediakan bantuan kewangan dan latihan bagi memajukan *homestay* yang berdaftar dengan kementerian ini. Antara bantuan yang diberikan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi membantu para pengusaha *homestay* rumah panjang yang berdaftar ialah:

- (i) bantuan menaik taraf kemudahan guna sama atau infrastruktur asas di perkampungan *homestay* yang berdaftar untuk keselesaan dan kepuasan para pelancong yang menginap di *homestay*;
- (ii) memberikan kursus-kursus bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengusaha *homestay* seperti kursus berkaitan pengurusan, pemasaran, keusahawanan, kewangan, hospitaliti dan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris;
- (iii) para pengusaha *homestay* juga turut dilatih di bawah program *We Are The Host* atau WATH untuk menarik lebih ramai pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014; dan
- (iv) menyediakan platform promosi di dalam dan di luar negara yang melibatkan pengusaha *homestay*, contohnya penyertaan di *showcase* Satu Daerah Satu Industri atau SDSI yang diadakan setiap tahun anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Program *Travel Malaysia* di Singapura, *roadshow*, promosi *homestay* di Jepun, Australia, Indonesia dan Korea.

Sekian, terima kasih.

**Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak Menteri Pelancongan dan Kebudayaan.

Saya dimaklumkan bahawa pada tahun 2013, Sarawak mencatat jumlah ketibaan pelawat sebanyak 4.2 juta orang yang membawa pendapatan sebanyak RM9.1 juta. Soalan tambahan saya, di kawasan Lubok Antu adalah kawasan *rural*, lebih 90% adalah kawasan Rumah Iban dan lebih 15 rumah panjang telah terlibat dalam industri pelancongan. Akan tetapi, satu, mereka hanya untuk menerima pelancong datang ke rumah panjang, mereka selalulah tidak mendapat pendapatan yang amat lumayan daripada program pelancongan datang ke rumah panjang mereka. Mereka hanyalah untuk sebagai persembahan tarian sahaja yang diberi gaji atau token RM20 satu persembahan.

Jadi satu rumah panjang pun tidak ada diberi latihan seperti yang saya dengar tadi banyak latihan atau kursus-kursus pada rumah panjang. Saya mahu betul-betul mereka, rumah panjang yang terlibat seharusnya diberi latihan sepenuhnya supaya mereka dapat mengendalikan apa-apa industri pelancongan di rumah-rumah panjang dan bukan dieksploitasi

oleh ejen pelancong-pelancong membawa pelancong ke rumah panjang mereka yang hanya menguntungkan mereka atau menguntungkan ejen-ejen yang membawa pelancong ke rumah panjang mereka.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Lubok Antu di atas soalan yang dikemukakan.

Menurut maklumat yang ada dibekalkan yang ada pada saya Yang Berhormat, negeri Sarawak telah mencatatkan, ini untuk *homestay* sahaja Yang Berhormat, telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM1.9 juta yang melibatkan 12,959 pelancong domestik dan 2,989 pelancong asing iaitu lebih kurang 15,948 jumlah pelancong yang datang pada tahun lepas iaitu maklumat yang diambil daripada Januari hingga Disember 2013.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, di negeri Sarawak sebenarnya terdapat 29 buah *cluster homestay* yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang melibatkan penyertaan seramai 437 orang pengusaha yang menawarkan sebanyak 586 buah bilik untuk pelancong. Daripada jumlah tersebut Yang Berhormat, terdapat 13 buah *cluster homestay* rumah panjang yang melibatkan penyertaan seramai 211 orang pengusaha dan menawarkan sebanyak 297 buah bilik untuk pelancong, Yang Berhormat, dan saya difahamkan oleh Kementerian Pelancongan bahawa mereka sedia bekerjasama, Yang Berhormat.

Saya akan maklumkan keresahan Yang Berhormat yang telah disampaikan di Dewan ini untuk diperincikan dan seterusnya diambil tindakan oleh pihak kementerian kerana saya difahamkan juga, sekiranya ada cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan cadangan untuk *homestay* ini kepada pihak kementerian dan taklimat boleh diadakan di kawasan Yang Berhormat. Saya juga akan menyampaikan supaya kursus-kursus dibuat dengan lebih kerap di negeri Sarawak.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lubok Antu.

■1120

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berapa buah rumah panjang di kawasan Lanang mempunyai program *homestay* ini? Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menubuhkan kedai-kedai yang menjual kraf tangan buatan kaum Iban di rumah panjang supaya ia dapat menambahkan pendapatan mereka atau ia juga dapat menjadi produk pelancongan kepada pedagang dan orang awam dari dalam dan luar negara.

Selain itu, di Sibiu juga mempunyai lebih daripada 200 buah rumah panjang. Ia juga mempunyai Pasar Tamu yang terbesar, *Central Market* yang terbesar di Malaysia. Sibiu juga dikenali sebagai *Little Fuzhou*, dan adakah kementerian boleh menjadikan dan mempromosikan Sibiu sebagai destinasi pelancongan pilihan memandangkan bahagian Sibiu mempunyai potensi yang baik dalam industri pelancongan? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang di atas cadangan-cadangan Yang Berhormat. Saya kira ini merupakan cadangan yang baik untuk disampaikan kepada pihak kementerian.

Untuk menjawab mengenai persoalan sama ada, ada *homestay* yang dibangunkan di Lanang. Mengikut rekod ini tidak ada Yang Berhormat tetapi seperti yang saya nyatakan di dalam jawapan saya kepada Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat selaku Wakil Rakyat bolehlah mengemukakan cadangan tersebut, dan saya yakin dan percaya kementerian akan memperincikan dan seterusnya mengambil tindakan. Terima kasih Yang Berhormat.

**6. Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, rasional JKR untuk tidak bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan laluan berbasikal sepanjang 30 kilometer dari Tanjong Tokong ke Balik Pulau di bawah konsep yang dikenali sebagai *Green Road Sharing Concept*.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong, terima kasih di atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini pada tahun 2013 telah menerima kertas cadangan daripada Kerajaan Pulau Pinang mengenai cadangan mewujudkan laluan khas basikal di Jalan Persekutuan 6 atau FT06 dari Tanjong Tokong ke Balik Pulau melalui Batu Ferringhi dan Teluk Bahang sepanjang 30 kilometer.

Berdasarkan penilaian teknikal oleh Ibu Pejabat JKR, Jalan Persekutuan FT06 sedia ada itu tidak mempunyai kelebaran bahu jalan yang memadai untuk berkongsi secara *non exclusive* dengan izin, dengan lorong basikal. Arahan teknik jalan 1986 telah menetapkan kelebaran minimum untuk reka bentuk lorong basikal, motosikal ialah 2.5 meter ya Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, cadangan kerajaan negeri untuk memperuntukkan 1.5 meter melalui daripada 3 meter kelebaran jalan FT06 untuk lorong basikal adalah tidak mematuhi dengan piawaian reka bentuk jalan mengikut Arahan Teknik (Jalan) 1986.

Sehubungan itu, permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan laluan khas basikal secara berkongsi laluan di Jalan Persekutuan FT06 ini tidak dapat diberi pertimbangan atas faktor keselamatan awam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita memang menyedari akan kelemahan atau kekurangan dari segi teknikal bagi laluan tersebut. Akan tetapi memang kegiatan berbasikal perlulah digalakkan termasuk juga mereka yang mengayuh ke tempat bekerja untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. Konsep yang kita cadangkan bukan satu laluan basikal secara *designated*, di mana yang penting adalah keselamatan pengayuh basikal, yang mana dengan laluan yang di cat dengan warna hijau memang dapat meningkatkan kesegaran pengguna jalan raya supaya mereka tidak mendatangkan apa-apa risiko terhadap keselamatan pengguna-pengguna atau pengayuh-pengayuh basikal. Saya berharap cadangan ini dapat diberi pertimbangan selanjutnya walaupun ada kelemahan dari segi teknikal. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong di atas soalan tambahan. Yang Berhormat, jika Kerajaan Negeri Pulau Pinang mahu meneruskan hasrat, kementerian ada membuat beberapa cadangan melalui *correspondent*, dengan izin, dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Izinkan saya juga untuk menyatakan di sini. Pertama, cadangan kita terdapat pelebaran jalan. Seperti Yang Berhormat ketahui FT06 merupakan jalan *single carriageway* yang sebahagian besar *stretch*nya dengan izin, terletak di kawasan yang berbahaya terutama sekali di kawasan Batu Ferringhi dan terdapat cerun-cerun yang sempit dan sebagainya.

Oleh daripada itulah Yang Berhormat, ianya memerlukan pelebaran jalan kepada kawasan-kawasan ini. *Option* yang kedua Yang Berhormat, yang kita cadangkan, yang kita lihat *option* yang jauh lebih murah dan tidak melibatkan isu keselamatan. Contohnya Yang Berhormat, seperti yang kita kemukakan iaitu untuk kerajaan negeri melihat kepada isu mengazetkan masa-masa tertentu bagi membenarkan penggunaan basikal ini pada jalan-jalan tertentu, pada masa-masa yang tertentu.

Sekiranya kerajaan negeri berhasrat untuk menyediakan laluan khas basikal dengan membuat *lane marking* berwarna hijau maka hasrat tersebut hanya boleh dilaksanakan dengan memperuntukannya di bawah seksyen 88 [Akta 333]. Memandangkan ini memperuntukkan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk mengawal selia lalu lintas iaitu basikal dan kuasa untuk melarang apa-apa kelas atau perihal kenderaan atau mana-mana pejalan kaki daripada berada di atas atau berjalan di sepanjang mana-mana bahagian, mana-mana jalan. Oleh itu, kerajaan negeri hendaklah mengemukakan cadangan tersebut kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk dipertimbangkan.

Seterusnya, sekiranya cadangan itu dipertimbangkan oleh Kementerian Pengangkutan maka Kementerian Kerja Raya boleh menyebabkan atau membenarkan isyarat lalu lintas didirikan di laluan tersebut menurut seksyen 77(1) [Akta 333] dan membuat pindaan sewajarnya kepada Kaedah-kaedah Isyarat Lalu Lintas (Saiz, Warna dan Jenis) 1959 terutamanya mengenai *lane marking* yang dicadangkan.

Seterusnya Yang Berhormat, untuk *option* ketiga yang kita cadangkan untuk tidak menggunakan FT06 sama sekali dan pilihlah jalan yang tidak melibatkan isu keselamatan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bersedia untuk mengadakan hari tanpa kenderaan pada setiap hujung minggu di setiap jalan raya di bandar utama di setiap negeri bagi menghidupkan budaya *Green Road Sharing Concept* dan mengurangkan penggunaan kenderaan pada hujung minggu? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor di atas soalan tambahan. Seperti yang saya nyatakan di atas jawapan saya kepada Yang Berhormat Tanjong, memang sebenarnya isu ini Yang Berhormat, sekiranya kerajaan negeri berhasrat untuk melaksanakan perkara ini, mereka hendaklah menyediakan laluan khas

basikal dengan membuat *lane marking*. Hasrat itu Yang Berhormat, hanya boleh dilaksanakan dengan memperuntukkan di bawah seksyen 88 seperti yang saya katakan tadi.

Ini kerana merupakan peruntukan kuasa Menteri Pengangkutan untuk mengawal selia lalu lintas iaitu basikal ataupun motosikal. Ini menjurus kepada hasrat mengadakan *lane* yang hanya diperuntukkan kepada jenis kenderaan tersebut. Saya tidak perlu lagi mengulang Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya nyatakan di atas jawapan kepada Yang Berhormat Tanjong tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sebab-sebabnya sesetengah sekolah menghadapi masalah memohon projek-projek penyelenggaraan kecil dan bekalan meja kerusi daripada PPD sehingga PIBG sekolah kena membuat permohonan daripada wakil rakyat.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Hulu Selangor nyaman berseri,  
Dalamnya Ulu Bernam, Kuala Kubu, Batang Kali,  
Jawapan kepada soalan Yang Berhormat Tebrau akan saya memberi,  
Semoga ianya memenuhi keperluan Yang Berhormat semua sekali.*

■1130

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan ketibaan pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Mamat, Tangkak, Johor. Selamat datang ke Parlimen [Tepuk]. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sememangnya prihatin terhadap keperluan penyelenggaraan dan bekalan perabot di sekolah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, permohonan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi keperluan kerja-kerja penyelenggaraan, membaik pulih bangunan dan kerja tanah untuk sekolah seluruh negara pada tahun 2014 berjumlah RM1.7 bilion.

Namun, peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia hanya sebanyak RM180.54 juta sahaja iaitu hanya 10.62% daripada jumlah keperluan sebenar. Oleh yang demikian, permohonan penyelenggaraan daripada sekolah-sekolah diputuskan berdasarkan kepada kemampuan kewangan yang ada serta tahap kerosakan yang berlaku memandangkan sekolah-sekolah yang berada dalam senarai untuk diselenggarakan adalah terlalu banyak.

Bagi bekalan perabot pula, semua permohonan berkenaan maklumat keperluan kerusi dan meja di sekolah, diselaraskan di peringkat pejabat pendidikan daerah ataupun jabatan pendidikan negeri sebelum dikemukakan kepada kementerian. Agihan adalah berdasarkan keutamaan kritikal dan tertakluk kepada jumlah siling peruntukan yang disediakan pada tahun semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Sila.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]**



**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja. Maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** ...Teknikal sahaja iaitu di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1), saya melihat kepada kertas *Aturan Urusan Mesyuarat* ini, perkara yang kelima (5), di bawah ayat itu, "USD27,000,000,00". Dalam kurungan itu sepatutnya 27 juta tetapi hanya 20 juta ("dua puluh juta sahaja"). Mungkin - saya bimbang kalau tidak dibetulkan akan berterusan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2013**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.33 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan rang undang-undang yang meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 [*Akta 238*] iaitu undang-undang yang mentadbir urusan penyelarasan pencen bagi pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan negeri serta badan berkanun dan kuasa tempatan.

Pindaan undang-undang bagi Akta 238 tersebut adalah bertujuan menggantikan cara penyelarasan pencen sedia ada dengan satu kaedah baru yang lebih baik bagi menjaga kebajikan pesara dan penerima pencen. Kaedah penyelarasan yang dimaksudkan adalah kenaikan pencen sebanyak 2% setiap tahun untuk semua golongan penerima pencen yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Kaedah ini telah memberikan manfaat kepada semua pesara yang bukan sahaja dalam kalangan pesara perkhidmatan awam persekutuan malahan termasuk juga pesara perkhidmatan awam negeri serta perkhidmatan pihak berkuasa berkanun dan tempatan di negeri-negeri. Pencen bagi semua golongan ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, faedah kenaikan pencen 2% yang telah pun dinikmati oleh pesara perkhidmatan awam persekutuan, pesara perkhidmatan awam negeri serta perkhidmatan pihak

berkuasa berkanun dan tempatan di negeri-negeri ini wajar dipanjangkan kepada bekas hakim serta ahli keluarga tanggungan hakim atas prinsip kesamarataan.

Pindaan peruntukan ini perlu bagi pelaksanaan dasar kenaikan tahunan pencen pesara hakim sebanyak 2% setiap tahun yang disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014. Pelaksanaan kenaikan tahunan pencen pesara hakim ini memerlukan pindaan kepada seksyen 15(b) [Aкта 45].

Peningkatan pencen pada kadar 2% setiap tahun ini akan dapat menangani kenaikan kos sara hidup yang berlaku setiap tahun tanpa perlu menunggu semakan gaji hakim yang sedang berkhidmat. Ia bukan sahaja akan dinikmati oleh pesara hakim tetapi juga kepada balu dan tanggungan yang layak apabila pesara hakim tersebut meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, faedah persaraan kepada hakim boleh diberi apabila seseorang hakim yang bersara atau meletak jawatan dalam keadaan seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 8 [Aкта 45] iaitu apabila seseorang:

- (i) bersara daripada jawatan hakim apabila mencapai umur 66 tahun atau sehingga suatu masa kemudiannya tetapi masa itu tidak boleh kemudian dari enam bulan selepas dia mencapai umur itu menurut Perkara 125(1), Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) bersara daripada jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 8A (bersara kerana uzur) atau 8B (bersara kerana sebab khas); dan
- (iii) meletakkan jawatan sebagai hakim selepas mencapai umur 60 tahun.

Sebaliknya bagi hakim yang meletak jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun, mereka tidak layak mendapat pencen dan ganjaran. Keadaan ini memberikan kekangan kepada golongan hakim yang mempunyai masalah kesihatan atau tidak mempunyai keupayaan dari segi fizikal untuk meletak jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun walaupun mereka tidak berupaya untuk melaksanakan beban tugas mereka yang berat sebagai pembuat keputusan bagi kes-kes mahkamah yang sesetengahnya memakan masa sehingga berbulan-bulan lamanya seperti perbicaraan kes-kes jenayah.

Dalam Persidangan Tahunan Majlis Hakim-hakim Malaysia pada 24 hingga 28 Mei 2013 yang lalu yang dihadiri oleh Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, hakim-hakim Mahkamah Rayuan, hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman telah mencadangkan kepada kerajaan supaya hakim yang meletakkan jawatan sebelum umur 60 tahun tetapi telah berkhidmat selama tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak kurang dari lima tahun dibenarkan untuk menikmati faedah persaraan.

Kerajaan menyokong cadangan tersebut dan yakin ia dapat meningkatkan motivasi, prestasi para hakim serta memartabatkan badan kehakiman ke tahap yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, bagi menghargai perkhidmatan seseorang hakim yang meletakkan jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun tetapi telah berkhidmat selama tempoh yang

kesemuanya berjumlah tidak kurang dari lima tahun, adalah wajar golongan ini diberi faedah persaraan iaitu ganjaran dan pencen selepas peletakan jawatan mereka diluluskan Ketua Hakim Negara. Kemudahan yang diberikan ini juga diharapkan dapat membantu pelupusan kes-kes di mahkamah dengan cepat dan teratur serta meningkatkan lagi prestasi badan kehakiman di Malaysia.

Bagi membolehkan pemberian faedah persaraan diberi kepada hakim yang meletak jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun tetapi telah berkhidmat selama tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak kurang dari lima tahun, pindaan kepada seksyen 8(c) [Akta 45] perlu dibuat. Tarikh kuat kuasa bagi seksyen 8(c) ini dicadangkan bermula daripada 1 Julai 2013 bagi meliputi mana-mana kes yang sedemikian dalam tempoh tersebut sehingga rang undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen.

■ **1140**

Dengan adanya peruntukan yang dibuat secara kebelakangan mulai 1 Julai 2013 maka penamatan perkhidmatannya itu boleh disifatkan sebagai suatu persaraan yang melayakkan hakim berkenaan mendapat bayaran faedah persaraan seperti mana yang diliputi di bawah Akta 45. Kos tambahan bagi kes seperti ini belum dapat ditentukan lagi kerana ia bergantung kepada bilangan sebenar kes yang akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu penambahbaikan daripada kerajaan yang prihatin bagi mengenang serta menghargai jasa golongan hakim yang telah memberikan sumbangan bakti kepada negara semasa mereka berkhidmat. Semoga dengan penambahbaikan yang dilakukan ini dapat memberikan satu dorongan kepada golongan ini untuk terus berkhidmat secara produktif dan menyampaikan perkhidmatan dengan lebih cemerlang demi kesejahteraan rakyat. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk bahas. Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**11.41 tgh.**

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2013. Saya meneliti dengan baik Tuan Yang di-Pertua peruntukan-peruntukan dalam pindaan kepada Akta Saraan Hakim tahun 1971. Permintaan dalam rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua adalah permintaan yang kami dalam DAP sokong. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua saraan seorang hakim yang sudah bersara permintaan dalam rang undang-undang ini adalah untuk hakim-hakim itu termasuk Ketua Hakim Negara dan hakim-hakim lain, hakim kanan dan hakim-hakim yang baru dilantik.

Apa yang penting adalah Tuan Yang di-Pertua ini adakah seorang hakim termasuk Ketua Hakim Negara yang telah bersara mengambil satu tindakan yang aktif dalam apa yang boleh dikatakan politik. Dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua apa yang terpakai adalah didoktrinkan *separation of powers* iaitu *the executive, legislative, and the judiciary*, dengan izin, *separation of powers* iaitu satu di antara tiga ini tidak boleh kacau bagi apa-apa yang dibuat oleh sesuatu yang di antara tiga ini.

Dalam Perlembagaan Persekutuan Tuan Yang di-Pertua ada peruntukan yang mempertahankan tindakan hakim-hakim khasnya Tuan Yang di-Pertua saya baca apa yang jadi peruntukan dalam Perkara 127, Perlembagaan Persekutuan, dengan izin, "*The conduct of a judge of the Federal Court, the Court of Appeal or a High Court shall not be discussed in either House of Parliament except on a substantive motion of which notice has been given by not less than one quarter, of the total number of members of that House, and shall not be discussed in the Legislative Assembly of any State*".

Dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, peruntukan 36(8), dengan izin saya baca dalam bahasa Inggeris, "*The conduct or character of the Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, of any of the Rulers of Their Excellencies the Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, of Judges or other persons...*".

*Judges* termasuk hakim-hakim *shall not be discussed at substantive motion more by the purpose* peruntukan dalam Perkara 127, Perlembagaan Persekutuan.

Pertahankan maruah hakim-hakim ada dipertahankan termasuk hakim-hakim yang bersara. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini dan ini tidak terjadi semenjak di mana Tuan Yang di-Pertua ada hakim-hakim yang bersara menyuarakan apa yang menjadi bahan-bahan politik. Bolehkah itu dipertahankan? Itulah soalan yang harus dijawab dalam Dewan yang mulia ini. Kelakuan dua hakim Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini kelakuan hakim yang bersara bekas Ketua Hakim Negara iaitu Abdul Hamid Muhamad.

Saya baca Tuan Yang di-Pertua apa yang ada dalam satu laporan dalam *MalaysiaKini* baru-baru ini khasnya pada 14 Mac tahun ini. Tajuk kepada artikel itu dalam *MalaysiaKini* dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua dengan izin, "*Ex-Chief Justice vows to defend Malay-Muslim Right. Former Chief Justice, Abdul Hamid Mohamad is the first Chief of Perkasa-backed National Unity Front...*" Apa ini?... *Former Chief Justice, Abdul Hamid Mohamad is his first Chief of Perkasa backed National Unity Front.* Perkasa Tuan Yang di-Pertua adalah satu organisasi yang haram. Walaupun haram Tuan Yang di-Pertua, dan itu boleh diketahui Tuan Yang di-Pertua. Dalam apa yang disuarakan oleh ketua kepada parti haram itu iaitu Ibrahim Ali - hasutan.

#### ■1150

Akta Hasutan Tuan Yang di-Pertua, harus digunakan ke atas Ibrahim Ali. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesiapa pun termasuk peguam negara dan pendakwa raya dalam negara ini, tidak berani untuk mengambil tindakan ke atas Ibrahim Ali. Akan tetapi walaupun haram, Perkasa ini, *patron* dengan izin, kepada Perkasa adalah bekas *Prime Minister of this country* iaitu Mahathir Mohamad. Bekas Perdana Menteri jadi *patron* kepada organisasi ini yang

haram. Sekarang ada satu bekas hakim, Ketua Hakim Negara. Saya baca Tuan Yang di-Pertua, isi kandungan dalam artikel ini dalam bahasa Inggeris dengan izin. *“Former Chief Justice Abdul Hamid Mohamad today became the chairman of National Unity Front, a Perkasa-linked umbrella group, and vowed to defend the rights of the Malays and Muslims within the boundaries of law.”* *The right of Malays and Muslims* harus dipertahankan, tidak boleh dinafikan tetapi, *the rights of the non-Malays and non-Muslims*, itu pun harus dipertahankan. Kenapa Tuan Yang di-Pertua, bekas Ketua Hakim Negara ini, Abdul Hamid Mohamad, dia orang waras, kenapa dia hadkan untuk mempertahankan *the rights*, dengan izin, *of the Malays and the Muslims* sahaja?

*“NUF was formed by Perkasa Chief, Ibrahim Ali and some 50 other right-wing NGOs to counter the government’s formation of National Unity Consultative Council. They accused the NUCC of going against the Malay interests, and want to establish Malay benevolent dominance as an answer to the nation unity. At a press conference after its first meeting today, Hamid said, NUF would prepare a memorandum and submit it to Yang di-Pertuan Agong by September on ways to improve the nation unity.”*

Ini adalah kelakuan seorang hakim, Ketua Hakim Negara yang telah bersara. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, lebih jahat, seorang hakim yang sudah bersara iaitu Mohd. Noor Abdullah, seorang hakim Mahkamah Rayuan sebelum dia bersara. Saya baca Tuan Yang di-Pertua apa dalam *Malaysiakini*. *A Malaysiakini tells the truth, unlike the national papers dengan izin. “Ex-Judge warns Chinese of backlash for betrayal”*. Isi kandungan, itu tajuk tadi, *“Former Court of Appeal Judge, Mohd. Noor Abdullah today warned that the Chinese Malaysians must be prepared for a backlash from the Malay community for their betrayal in the recently concluded 13th General Election. The Chinese betrayal towards the Malay’s hand of friendship—that is true because they plotted to seize political power even though they already have economic power. He said to raucous applause at a forum in Kuala Lumpur today- the raucous applause to this rascal.*

*The forum title, “The 13th Post Mortem Muslim Leadership and Survival” was organize by UiTM Malaysia, Alumni Association and Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, that held at The Premiere Hotel. Mohd Noor said, some had dependent the Chinese community by saying they were supposedly mislead by certain leader but this was done in order not to hurt their feeling. Quote, apa yang dikatakan oleh bekas Hakim Mahkamah Rayuan. “For the Malays, the pantang larang (taboo) is to be betrayed, because when they are betrayed, they will react and when they react, their dendam kesumat tidak bersudah-sudah (wrath will be endless).”* Lebih dahsyat daripada Ibrahim Ali. *“When Malays are betrayed, there is a backlash and the Chinese must bear the consequences of a Malay backlash.”*

Apa ini Tuan Yang di-Pertua, yang disuarakan oleh dua hakim? Dua hakim ini yang saya namakan dalam Dewan ini. Saya memberi amaran kepada dua-dua hakim ini... *[Dewan Riu]* Jangan main dengan api... *[Dewan Riu]* Lebih baik Tuan Yang di-Pertua, jika mengadakan satu undang-undang di mana hakim-hakim yang bersara tidak boleh mengambil bahagian dalam politik.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Selaras dengan ini Tuan Yang di-Pertua, hakim-hakim yang bersara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat yang lain diam. Kita teliti, dengar dan kita ada peluang untuk bahas.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini biasa Tuan Yang di-Pertua, ini kelakuan Barisan Nasional, Ahli-ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tidak menunjuk kepada sesiapa. Kepada semua Ahli Dewan.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Pihak yang kacau adalah Barisan Nasional, bukan Pakatan Rakyat... *[Dewan Riu]* Akan tetapi tidak apa, saya ketepikan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Selaras dengan apa yang saya cadang tadi, mengadakan satu undang-undang di mana hakim-hakim yang bersara tidak boleh, dilarang untuk mengambil bahagian dalam politik. Selaras dengan itu Tuan Yang di-Pertua, mengadakan satu undang-undang di mana hakim-hakim yang bersara tidak boleh menjadi peguam. Ini kerana ada satu konvensyen, konvensyen di mana hakim-hakim yang bersara tidak menjadi peguam selepas bersara.

#### ■1200

Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, satu contoh adalah bekas *Lord President* Tun Mohd Salleh Abbas. Apabila dia bersara Tuan Yang di-Pertua, dia menjadi seorang peguam. Ini tidak boleh. Apa teladan dia? Selepas itu ada hakim-hakim lain yang bersara menjadi peguam. Saya cadang, kerana ini adalah satu keperluan besar untuk mengadakan satu undang-undang yang melarang hakim-hakim yang bersara menjadi peguam selepas dia bersara.

Apa yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada rang undang-undang ini, kami dalam DAP sokong. Lebih daripada itu, barangkali gaji-gaji dan kemudahan yang diberi kepada hakim-hakim yang bersara dalam Singapura diikuti, kerana yang menjadi hakim, pencen-pencen dan kemudahan-kemudahan lain yang kini ada dalam negara ini bagi hakim-hakim, bukan yang bersara sahaja tetapi yang aktif, tidak mencukupi. Saya juga cadangkan Tuan Yang di-Pertua, mengadakan satu undang-undang untuk menaikkan gaji-gaji dan kemudahan-kemudahan lain bagi semua hakim dalam negara ini.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### 12.02 tgh.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen mempunyai pembahagian kuasa atau dengan izin, *separation of powers*, membahagikan urusan dalam negara kepada tiga cabang utama iaitu pemerintah (*executive*), perundangan (*legislative*) dan kehakiman (*judiciary*). Pemisahan kuasa ini bertujuan memastikan tidak ada satu badan atau institusi yang mempunyai kuasa mutlak dalam sesebuah negara.

Sehubungan dengan itu, badan kehakiman di Malaysia adalah mahkamah. Menurut Perkara 121(1). Perlembagaan Persekutuan, kuasa kehakiman Persekutuan adalah setakat mana yang ditentukan oleh undang-undang Perlembagaan dan kuasa kehakiman bagi Persekutuan adalah terletak di Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Borneo dan mana-mana mahkamah bawahan yang telah diperuntukkan undang-undang Persekutuan.

Badan kehakiman adalah badan bebas tanpa ada pengaruh dari mana-mana pihak, sekalipun kerajaan yang memerintah. Malah, kedudukan hakim itu sendiri ditentukan oleh Perlembagaan negara yang hanya boleh terlucut melalui tiga cara iaitu meninggal dunia, tidak sihat atau tidak boleh menjalankan fungsi dan telah melakukan jenayah atau melanggar undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kewajipan utama Badan Kehakiman adalah untuk memberikan pengadilan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di mana fungsinya merangkumi untuk mentafsirkan undang-undang, membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan, memelihara hak-hak kewarganegaraan daripada pencabulan pihak kerajaan serta menyelesaikan pertikaian antara individu dengan individu dan individu dengan kerajaan.

Kewajipan ini dilaksanakan oleh barisan hakim yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri setelah dirundingkan dengan Majlis Raja-raja. Pelantikan hakim-hakim adalah bebas dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman atau JAC akan menimbang beberapa kriteria bagi memilih hakim yang bakal dilantik termasuk pencapaian mereka dalam melupuskan kes, kualiti penghakiman, integriti, pengetahuan undang-undang, keupayaan pentadbiran kehakiman dan pembawaan kehakiman. Malaysia mengamalkan sistem pelantikan hakim yang telus dan bebas kerana kebebasan dalam pelantikan hakim amat penting bagi memastikan kebebasan Badan Kehakiman untuk membuat keputusan sentiasa terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Badan Kehakiman di bawah kepimpinan Ketua Hakim Negara, Tun Ariffin Zakaria juga telah memulakan langkah bagi memperkukuh serta memelihara integriti, kecekapan dan kebebasan badan itu. Ia juga meneruskan pembaharuan sedia ada selain memperkenalkan beberapa langkah serta pendekatan baru bagi menaiktarafkan sistem penyampaian dan pelaksanaan keadilan nasional ke peringkat lebih tinggi yang dikenali sebagai Transformasi Badan Kehakiman.

Pihak kehakiman juga menyedari akan masalah kelewatan memberi pengadilan dan sejak tahun 2009, pelbagai reformasi telah dilakukan untuk menambahbaikkan sistem penyampaian serta meningkatkan kualiti keputusan mahkamah. Sistem kehakiman negara telah

bertambah efisien dan telah menyelesaikan banyak kes tertunggak dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Secara statistiknya, pada tahun 2013, Mahkamah Persekutuan telah menyelesaikan 127 daripada 270 kes sivil yang tertunggak dan bagi kes jenayah yang tertunggak, sejumlah 145 kes diselesaikan daripada 616 kes yang tertunggak. Di Mahkamah Rayuan pula, 5,054 kes telah diselesaikan daripada 8,395 kes sivil yang tertunggak. Manakala bagi kes jenayah pula, sejumlah 893 kes telah diselesaikan daripada 1,773 kes. Seterusnya Mahkamah Tinggi di Malaya telah menyelesaikan sejumlah 117,301 kes daripada 167,124 kes sivil yang tertunggak, manakala 4,586 daripada 7,527 kes jenayah yang tertunggak. Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak juga telah menyelesaikan 7,144 kes daripada 9,047 kes sivil yang tertunggak dan bagi kes jenayah pula, sejumlah 638 kes diselesaikan daripada 967 kes yang tertunggak.

Secara umumnya, mahkamah menunjukkan satu prestasi yang membanggakan. Malah, usaha pengurangan kes tertunggak kebelakangan ini juga membolehkan Malaysia mendapat pengiktirafan dengan izin, *Poverty Reduction and Economic Management Sector Unit, East Asia and Pacific Region – The World Bank*. Persidangan perniagaan juga diiktiraf dengan izin, *World Bank Doing Business Report* yang meningkat daripada tangga ke-18 kepada kedudukan ke-12 tahun 2013. Bank Dunia juga melaporkan bahawa di bawah topik dengan izin, *Enforcing Contract* sahaja, Malaysia telah naik daripada ranking ke-60 pada tahun 2011 ke ranking 30 pada tahun 2013. *Enforcing Contract*, dengan izin, menjelaskan kecekapan sistem kehakiman iaitu daripada peringkat wujud pertikaian, mengambil kira masa, kos dan prosedur yang terlibat dari saat plaintif memfailkan tuntutan mahkamah sehingga pembayaran diterima.

Tuan Yang di-Pertua, Badan Kehakiman negara tidak pernah leka atau gagal dalam menjalankan kewajibannya terhadap rakyat dan juga negara. Badan Kehakiman negara sentiasa mendukung dengan izin, prinsip *rule of law* dan memberikan pengadilan tiada berat sebelah atau dengan izin, *without fear or favor*. Seperti yang diterbitkan dalam artikel oleh Persatuan Undang-undang United Kingdom dengan izin, *all of those actively involved within the legal system of the need upholds principal internationally as well as at home for the benefit of the society*.

Kesaksamaan adalah inti pati utama dalam institusi kehakiman yang bukan sahaja penting untuk sesuatu keputusan tetapi juga kepada proses-proses bagaimana keputusan itu dibuat. Seseorang hakim hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan kehakimannya tanpa memihak, berat sebelah atau prejudis.

#### ■1210

Integriti adalah perlu bagi pelaksanaan jawatan kehakiman secara sempurna serta ketatasusilaan dan menzahirkan penzahiran ketatasusilaan adalah sangat perlu bagi pelaksanaan kesemua aktiviti-aktiviti seseorang hakim.

Tuan Yang di-Pertua, melalui cadangan Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2013 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 terdapat dua pindaan penting yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan. Pertama, pindaan seksyen 8 yang mana pada masa kini, kenaikan pencen sebanyak 2% hanya dinikmati oleh semua pesara yang bukan



sahaja dalam kalangan pesara perkhidmatan awam persekutuan, pesara perkhidmatan awam negeri serta perkhidmatan pihak berkuasa berkanun dan tempatan di negeri-negeri dan pencen bagi semua golongan ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Cadangan pindaan adalah kenaikan pencen sebanyak 2% setiap tahun dipanjangkan kepada bekas hakim.

Seterusnya, penggantian seksyen 15B iaitu pada masa kini, faedah persaraan kepada hakim boleh diberikan apabila seseorang hakim yang bersara atau meletakkan jawatan dalam keadaan seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 8 [Akta 45] iaitu apabila seseorang:

- (i) bersara daripada jawatan hakim apabila mencapai umur 66 tahun atau sehingga satu masa kemudian tetapi masa itu tidak boleh kemudian dari enam bulan selepas dia mencapai umur itu;
- (ii) menurut perkara 125 klausa 1 Perlembagaan Persekutuan, bersara daripada jawatan hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 8A yakni bersara kerana uzur atau seksyen 8B yakni bersara kerana sebab khas; dan
- (iii) meletakkan jawatan sebagai hakim selepas mencapai umur 60 tahun.

Pada masa kini, hakim yang meletakkan jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun, mereka tidak layak mendapat pencen dan juga ganjaran. Cadangan pindaan adalah supaya hakim yang meletakkan jawatan sebelum umur 60 tahun tetapi telah berkhidmat selama tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak kurang dari lima tahun dibenarkan untuk menikmati faedah persaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan dan penggantian ini amat baik dan sesuai dilaksanakan pada masa sekarang. Cadangan ini penting untuk memastikan keselamatan pencen terhadap seseorang hakim yang terpaksa meletakkan jawatan sebelum umur 60 tahun kerana masalah sakit dan sebagainya yang tidak dapat dielakkan. Hal ini juga harus dilihat daripada aspek kemanusiaan yang mana adalah tidak wajar pihak kerajaan mengabaikan kebajikan seorang hakim yang telah berkhidmat sebagai hakim dan terpaksa meletakkan jawatan atas sebab yang tidak dapat dielakkan iaitu sakit dan tidak mampu untuk menjalankan tugasnya seperti biasa. Cadangan pindaan untuk memanjangkan kenaikan pencen sebanyak 2% setiap tahun kepada bekas hakim dan cadangan untuk menyelamatkan pencen hakim yang berkhidmat tidak kurang dari lima tahun adalah juga penting supaya seseorang hakim yang bersara atau meletakkan jawatan sebagai hakim tidak kembali untuk amalan undang-undang...

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Atau mengambil jawatan lain yang boleh dikaitkan dengan etika kehakiman. Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan realiti bahawa seseorang hakim yang telah...

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Alor Gajah bangun.

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Alor Gajah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Alor Gajah.

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Adakah Yang Berhormat setuju pihak kerajaan juga harus mengambil kira gaji yang dibayar kepada hakim-hakim di negara serantau, bukan sahaja kita kena bandingkan *Singapore* sahaja di negara serantau? Di samping itu, untuk bayaran pencen dan ganjaran yang dinikmati oleh mereka juga harus dibandingkan. Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Gajah. Saya bersetuju dengan cadangan yang telah disarankan itu kerana sudah sampai masanya kita meletakkan kedudukan kebajikan hakim itu di negara kita setaraf dengan hakim-hakim di negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan realiti bahawa seseorang hakim yang telah bersara atau meletakkan jawatan boleh menjadi aset untuk mana-mana organisasi. Walau bagaimanapun penglibatan seseorang hakim dengan mana-mana entiti akan menimbulkan pelbagai persoalan dan persepsi malah ramai juga akan mempertikaikan keputusan-keputusan yang telah dibuat semasa perkhidmatan beliau sebagai hakim. Lebih-lebih lagi kalau hakim tersebut telah menyertai entiti yang mempunyai perkaitan politik dan seumpamanya atau sekiranya hakim kembali ke mahkamah sebagai penguambela atau peguamcara yang mana wujud persepsi bahawa akan terdapat pengaruhnya secara tidak langsung terhadap keputusan mahkamah dan hal sebegini sering dipertikaikan.

Kod Etika Hakim 2009 di bawah Perkara 125, klausa 3B, Perlembagaan Persekutuan tidak menyentuh mengenai tindakan hakim selepas persaraan atau peletakan jawatan mereka. Maka pada masa kini bekas hakim bebas membuat keputusan tetapi berdasarkan pertimbangan perbadanan etika kehakiman sebelum mereka terlibat dalam sebarang aktiviti selepas perkhidmatan. Kebanyakan masa bekas hakim akan menyertai ke mahkamah atau kembali ke mahkamah atau menjadi dengan izin *arbitrator* atau menyertai firma undang-undang sebagai perunding atau badan-badan berkanun sebagai pengerusi. Tidak dinafikan bekas hakim banyak menyumbang secara intelektual kerana pengalaman dan kepakaran mereka.

Namun ia boleh dilakukan dengan cara lain tetapi tidak dengan kembali ke satu jawatan dalam lingkungan sistem keadilan yang boleh dipertikaikan. Lantas pindaan yang dicadangkan adalah selaras dengan perkara ini yang mana ia dapat dijadikan sebagai satu insentif yang dapat mempengaruhi keputusan hakim supaya terus kekal bebas selepas persaraan atau peletakan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, penulisan bekas hakim Mahkamah Rayuan, Tan Sri V.C. George dalam dengan izin, *Malaysia Judiciary Year Book 2007*, yang menyatakan dalam artikelnya yang bertajuk dengan izin, "*Appearance in Court by the Retired Judges of the Superior Court*" yang menegaskan bahawa tiba masanya semua pihak yang berkepentingan membentuk satu konsensus mengenai prinsip-prinsip etika yang berkaitan dengan isu hakim kembali ke

mahkamah. Perkara ini tidak dapat dinafikan telah menjadi dengan izin, *cause célèbre* terutamanya di Malaysia kerana tiada larangan terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di *United Kingdom*, Majlis Hakim pada bulan Januari 2006 telah sebulat suara menolak cadangan membenarkan bekas hakim yang telah bersara kembali ke amalan undang-undang dan ia perlu dipatuhi oleh semua ahli di semua peringkat kehakiman. Lord Dilhorne telah berkata dengan izin, *“It should be clear, surely to everyone at the Bar that if one accept a judicial appointment, there are obligations attach to it that one cannot return to the Bar and practice as barrister and that having embarked on the judicial career one is in under a moral obligation to do the job and not give it up in a favor of one that appears more attractive”*.

Ini jelas menyatakan bahawa seseorang hakim tidak boleh kembali ke amalan undang-undang. Di Australia, terdapat undang-undang negeri yang memperuntukkan bahawa hakim yang telah bersara akan kehilangan pencen jika beliau kembali untuk amalan seperti seksyen 83 klausa 4 perkara 2 dengan izin, *of Constitution Act 1975 of Victoria, and seksyen 15, klausa 1, of Judges’ Salaries and Pensions Act 1950 of Western Australia...*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** ...Di India, artikel 124, klausa 7 dan 220, Perlembagaan India juga melarang dan tidak membenarkan bekas hakim kembali ke amalan undang-undang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Siput bangun. Ya, sila.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat ini satu prinsip yang begitu menarik yang mana sesiapa yang diberi persaraan ini, *pension* persaraan ini, ia ada juga tanggungjawab, ada kewajipan untuk jangan kacau dalam urusan kerajaan.

Jadi, macam mana dengan kementerian lain, dalam JPA, katakan seorang pengarah, ketua pengarah dalam Kementerian Kesihatan. Bila dia bersara, dia menjadi CEO untuk sebuah sekolah *medical* dan itu akan juga kacau dalam pemantauan, kementerian kena memantau sekolah-sekolah *medical*.

#### ■1220

Akan tetapi bila ketua pengarah menjadi CEO, jadi harus kah ini..

**Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Sekejap, sikit lagi. Adakah konsep ini di mana seorang pegawai tinggi kerajaan bila bersara dia tidak harus melibatkan diri dalam bidang yang harus dipantau oleh kementeriannya. Saya mahu dapat pandangan.

**Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Dalam konteks apa yang saya ingin bahaskan pada pagi ini adalah berkaitan tentang hakim. Perkara tersebut adalah di bawah kaitan sektor yang lain dan sebab itu saya fikir elok kita fokus kepada soal pokok iaitu pindaan rang undang-undang iaitu saraan hakim.

Tuan Yang di-Pertua, di Singapura di bawah seksyen 26(1D) di bawah Akta Profesion Undang-undang Bab 161 melarang seseorang hakim yang telah berkhidmat selama tiga tahun atau lebih untuk kembali ke amalan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara di Singapura. Perkara ini membuktikan bahawa kewajipan seorang hakim untuk mendukung dan melindungi kebebasan dan integriti badan kehakiman tidak terhenti selepas persaraan atau peletakan jawatan.

Malah pelantikan sebagai kehakiman sentiasa dianggap sebagai dengan izin, *farewell to Bar*. Robert Jordan telah menyatakan mengenai jawatan hakim di mana dengan izin '*Duty is heavy as a mountain, death is light as a feather*'. Begitu lah berat kewajipan yang dipikul oleh seseorang hakim dan bukan sahaja semasa dalam perkhidmatan tetapi juga selama-lamanya.

Lantas selaras dengan tuntutan yang amat berat ini adalah amat wajar untuk meluluskan cadangan pindaan untuk memanjangkan kenaikan pensen sebanyak 2% setiap tahun kepada bekas hakim serta cadangan untuk membenarkan faedah persaraan kepada hakim yang telah meletakkan jawatan sebelum umur 60 tahun. Akan tetapi telah berkhidmat selama tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak kurang dari lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya seksyen 30, Akta Profesion Undang-undang diteliti dan dilakukan pindaan sewajarnya terutamanya dalam perkara bekas hakim kembali ke amalan undang-undang. Cadangan saya ini adalah selaras dengan pindaan yang dicadangkan serta selaras dengan transformasi badan kehakiman serta dapat mempertingkatkan lagi martabat dan status institusi kehakiman negara. Pendek kata kejayaan menurunkan kes-kes tertunggak dengan drastik dapat menjadikan Malaysia sebagai contoh ikutan kepada negara-negara *common law* yang lain untuk belajar bagaimana Malaysia melakukannya.

Saya juga berharap sistem kehakiman negara akan terus mencipta satu tahap keyakinan yang tinggi serta memelihara kepastian terhadap integriti sistem kehakiman yang penting untuk menyediakan persekitaran yang lebih stabil kepada pelabur asing dalam pasaran tempatan. Saya juga mengucapkan tahniah kepada semua usaha gigih oleh semua pihak iaitu para hakim dan semua yang terlibat dalam memperkukuhkan serta memelihara integriti, kecekapan dan kebebasan badan kehakiman. Oleh itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

### 12.23 tgh

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Akta Saraan Hakim 1971. Saya ingin memulakan dengan menyatakan bahawa sistem kehakiman adalah satu institusi atau pun sistem yang paling penting dalam negara demokrasi. Ini kerana kehakiman adalah satu dengan izin cabang dalam *branch of the* kerajaan di samping legislatif dan juga eksekutif.

Secara prinsipnya memang kita bersetuju bahawa hakim-hakim seharusnya diberikan satu gaji yang besar dan tinggi begitu juga pencen yang besar. Hal ini kerana apabila seseorang itu ditabalkan jadi hakim, hakikatnya sepatutnya dia mengorbankan banyak perkara. Mengorbankan kebebasannya, mengorbankan sosial *life* nya. Sebab itulah dalam Islam sendiri pun memang diakui bahawa hakim itu mesti diberikan satu ganjaran yang lumayan demi mengelakkan mereka terlibat dengan rasuah dan sebagainya.

Hal ini kerana kita mahu hakim-hakim ini *independent*. Berdasarkan tafsiran yang dibuat oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, *independent of judiciary* dengan izin, adalah merangkumi bahawa hakim ini hendaklah, seorang hakim apabila memutuskan satu kes hanya berdasarkan fakta dan keterangan, bebas daripada sebarang pengaruh daripada benda-benda luar. Malangnya kita membicarakan tentang Akta Saraan Hakim pada pagi ini dalam keadaan sistem kehakiman kita masih lagi belum sepenuhnya bebas daripada 'baggage' yang menimpa badan kehakiman yang sekali gus imej kehakiman negara ini belum betul-betul dapat dipulihkan.

Banyak perkara berlaku yang diketahui oleh umum bagaimana sistem kehakiman kita ini telah *dipromise* integriti mereka, imej mereka, kredibiliti mereka. Apa yang lebih malang lagi walaupun adanya pendedahan-pendedahan mengenai kebobrokan dalam sistem kehakiman, kita melihat reaksi daripada pihak kerajaan malangnya tidak menunjukkan satu keseriusan untuk kita memulihkan balik imej kehakiman.

Saya hendak bagi contoh, kita mesti tidak lupa apabila seorang bekas hakim mendedahkan kepada masyarakat khususnya kepada pengamal-pengamal peguam, pengamal-pengamal undang-undang, yang mendedahkan dalam satu surat, yang asalnya dikatakan surat layang, *poison letters* yang mengandungi 33 muka surat dan dalam surat tersebut mengandungi bukan satu, bukan dua, 112 pertuduhan mengenai rasuah dalam badan kehakiman, salah guna kuasa dalam badan kehakiman dan juga salah laku badan-badan kehakiman yang melibatkan 12 orang hakim. Sebagai *flashback* apabila mula-mula isu ini timbul, Peguam Negara ketika itu Almarhum Mokhtar Abdullah mengatakan kita akan pastikan orang yang terbabit akan diambil tindakan.

Akan tetapi bila diketahui bahawa yang tulis itu adalah hakim sendiri, dikatakan kes itu ditutup. Tidak ada tindakan diambil, tidak ada pendakwaan. Bayangkan dalam sebuah negara, seorang hakim dedahkan 112 pertuduhan melibatkan badan kehakiman, tidak ada pendakwaan, tidak ada pendakwaan! Kenapa Peguam Negara tidak dakwa? Di mana Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional? [*Dewan riu*]. Inilah Ahli Parlimen Barisan Nasional, jauh hendak bercakap, mendesak, kalau betul hendak pulihkan badan kehakiman, kita tahu kes jenayah tidak ada, *we are not bugged by anytime, time 'bar'*.

Saya hendak cabar balik kerajaan melalui Peguam Negara, kalau betul kita hendak pulihkan imej kehakiman, buka balik kes ini, dakwa orang yang dikatakan menuduh bahawa ada 112 tuduhan ke atas badan kehakiman. Kenapa kita takut? Kalau betul kita kata tuduhan itu palsu, tuduhan itu tidak berasas, kenapa tidak dakwa? Kita melihat respons-respons yang diberikan oleh kerajaan apabila ada melibatkan isu kehakiman, dia hanya bersifat *ad hoc*. Kita

juga pernah didedahkan dengan satu peristiwa memalukan, peristiwa yang menjatuhkan lagi badan kehakiman yang melibatkan seorang peguam senior, seorang bekas ketua hakim.

■1230

Kita didedahkan dengan video V.K. Lingam, kerajaan buat suruhanjaya untuk siasat menggunakan wang rakyat untuk siasat apa yang berlaku, akan tetapi sehingga hari ini walaupun Panel Suruhanjaya Diraja dibentuk telah mencadangkan lima orang seharusnya disiasat di bawah Akta Hasutan ataupun Kanun Keseksaan. Bekas Perdana Menteri disarankan untuk disiasat. Ahli Parlimen Putrajaya juga disarankan untuk disiasat. Bekas Ketua Hakim Negara dua orang, Eusoff Chin dan juga Tun Ahmad Fairuz juga dicadangkan untuk disiasat oleh Suruhanjaya Diraja menggunakan wang rakyat dan juga diminta disoal siasat Vincent Tan.

Saya hendak tanya kepada Menteri adakah mereka ini disiasat? Kalau mereka tidak disiasat kenapa tidak siasat? Kalau sudah disiasat apa status penyiasatan. Telah adapun di bawa *judicial review* mahkamah telah putuskan video *correct, correct, correct* adalah *correct...* [Disampuk] Video itu adalah video tulen. Dalam sebuah negara yang bertamadun, negara yang memang hendak menjaga sistem kehakiman, patutnya video begitu sudah cukup untuk kerajaan ini bersaralah jangan jadi kerajaan lagi. Akan tetapi di Malaysia berlakunya tuduhan ke atas badan kehakiman...

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya hendak minta penjelasan dan juga pandangan Yang Berhormat Sepang adakah sistem kehakiman negara terjejas disebabkan keengganan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Muhamad Ariff Mohd Yusof untuk mengecualikan dirinya daripada mendengar rayuan membabitkan kes-kes politik, kerana beliau pernah menjadi calon pilihan raya umum untuk Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada tahun 2004. Beliau juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasa PAS Selangor bagi 2007/2009. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Sebenarnya banyak lagi itu, bukan setakat itu. Beliau juga pernah mewakili PAS dalam kes-kes petisyen pilihan raya bersama saya. Saya boleh senaraikan. Saya hendak katakan inilah sumbangan PAS. Kita menghantar seorang hakim yang berwibawa, berintegriti, diakui oleh semua pengamal undang-undang... [Dewan riuh]

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sokong PAS sendiri bawa, tidak sokong PAS tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh tanya kepada peguam-peguam yang mengendalikan kes hakim yang dikenali sebagai Ariff ini adalah hakim yang berwibawa. Boleh tanya kepada peguam-peguam beliau adalah seorang hakim yang ada integriti yang tinggi. Nampak menunjukkan kerajaan mengambil kira integriti seorang hakim yang pernah terlibat

dengan PAS... *[Dewan riuh]* Akan tetapi apabila hakim terlibat dengan UMNO semua orang pun tengok, "Alamak apalah UMNO ini, tidak ada integritilah".

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hah, macam mana Yang Berhormat Kuala Selangor, hendak lagi? Okey Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Pandangan saya apabila Tuan Haji Ariff meminta supaya dirinya dikecualikan menjadi sebagai hakim dalam kes-kes yang melibatkan isu-isu politik, ini tidak menjejaskan integriti institusi kehakiman. Sebaliknya ianya menunjukkan satu tahap ketelusan yang memang asing bagi UMNO dan Barisan Nasional. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak payah setuju, memang sudah jelas. Akan tetapi Yang Berhormat Kuala Selangor ini walaupun dia seorang yang berkelulusan undang-undang, saya rasalah wallahualam nanti boleh betulkan, dia tidak pernah pergi mahkamah mungkin, ya. Jadi mungkin dia tidak pernah merasai pengalaman. Bercakap undang-undang tanpa kita pernah praktis dalam mahkamah, membicarakan kes mungkin kita tidak akan rasa.

Akan tetapi bagaimanapun terima kasihlah kepada soalan dia. Yes ada lagi? Yang Berhormat Kota Tinggi? Yang Berhormat Kota Tinggikah? Yang Berhormat Jelebu? Ya, ya Yang Berhormat Jelebu. Boleh Yang Berhormat Jelebu, cepat, lima minit.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Sepang berkaitan dengan soal integriti, soal menyatakan hak, kebenaran dan tanggungjawab. Jadi saya imbau kembali di dalam Dewan ini pada 22 Oktober 1997. Yang Berhormat Jelutong ketika itu ada menyatakan minta Yang Berhormat Ketua Pembangkang membersihkan namanya kerana beliau didakwa terlibat dengan kes Sodomi.

Yang Berhormat Jelutong mendakwa mempunyai bukti dan hingga sekarang dia tidak menarik balik kenyataan itu. Jadi minta Yang Berhormat Sepang, bagaimanakah Yang Berhormat Sepang melihat isu ini? Terima kasih

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Inilah pelik Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Ketika Yang Berhormat Jelutong bercakap tidak hendak tanya *[Ketawa]* Dia buat apa pun kita tidak tahu. Apabila Yang Berhormat Sepang datang baru dia hendak tanya *[Dewan riuh]* Ini nampak takut dengan Yang Berhormat Jelutong. Apa punya Ahli Parlimen ini *[Dewan riuh]*

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sudah Yang Berhormat Sepang pandai sangat, jadi hendak tanya Yang Berhormat Sepanglah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada orang dekat sini dia bercakap tidak hendak tanya. Apa punya Yang Berhormat Jelebu ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Yang Berhormat hendak minta penjelasan Yang Berhormat Jelutongkah?

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Sepang pandai, jadi hendak tanya Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Selepas ini boleh pergi kantin tanya dengan Yang Berhormat Jelutong balik.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Sepang pandai boleh jawab.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Sepang pandai, kita tanya Yang Berhormat Sepanglah. Fasal apa Yang Berhormat Sepang tidak jawab!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oh Yang Berhormat Bukit Gelugor ya? *Sorry* bukan Yang Berhormat Jelutong. Masa itu dia Jelutongkan?

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Sepang jawab, jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab apa saya yang jawab? Saya hendak katakan saya hanya jawab kalau kamu jawab soalan saya dulu. Kenapa tidak ada pendakwaan ke atas *Dato' Syed Ahmad Idid*? Kenapa tidak ada pendakwaan kes Tun Dr. Mahathir Mohamad dulu? Kenapa tidak ada pendakwaan ke atas Ahli Parlimen Putrajaya? Kenapa tidak ada pendakwaan ke atas Vincent Tan? Kenapa tidak ada pendakwaan ke atas Tun Mohd Eusoff Chin? Kenapa tidak ada pendakwaan Tun Ahmad Fairuz?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta laluan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, sila.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Hendak saya memberi penjelasan. Dalam tahun 1997 apabila saya jadi wakil untuk Yang Berhormat Jelutong dalam bulan ini, masa itu Ketua Pembangkang adalah dalam Barisan Nasional, memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Ini kerana saya dijumpai oleh beberapa orang yang ada membuat pertuduhan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim. Sebagai tugas saya dalam pembangkang apabila mendapat aduan daripada seseorang, saya ada dalam Dewan ini membuat pertuduhan itu ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad masa itu mempertahankan timbalannya. Menyatakan adalah satu rancangan untuk menjatuhkan maruah timbalannya. Memang pertahankan Yang Berhormat Permatang Pauh masa itu. Lebih daripada itu Peguam Negara ada membuat satu kenyataan umum iaitu tidak ada apa-apa berasas dalam pertuduhan yang sudah dibuat ke atas Yang Berhormat Permatang Pauh pada masa itu.

Ekoran daripada itu kerana Yang Berhormat Permatang Pauh masa itu ada dibersihkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Peguam Negara Mokhtar Abdullah, Allahyarham Mokhtar Abdullah. Ini kerana Yang Berhormat Permatang Pauh ada dibersihkan namanya dibersihkan. Saya menjadi peguam beliau. Itu adalah apa yang benar dan apa yang fakta. Terima kasih Yang Berhormat Sepang.



## ■1240

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Eh, Menteri hendak bangunlah! Bangun, sila. Okey, saya beri laluan kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat tanya tadi apakah benar. Jadi Yang Berhormat Bukit Gelugor jawab ya, benar tepat berhubung dengan kes sodomi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jangan putar belit Menteri.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Boleh Yang Berhormat Batu Pahat campur?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, boleh.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Selama hampir atau sudah beberapa bulan saya di sini sebagai Wakil Rakyat Batu Pahat, saya melihat Barisan Nasional dan UMNO cukup suka bab-bab sodomi dan hal-hal yang seperti itu. Apa yang dia nampak ini orang lain sahaja. Apakah saudara semua bersih sangat? Saya hendak tanya... *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sangkaan jahatlah. Siapa suka?... *[Dewan riuh]* Mana Barisan Nasional suka sodomi?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tiada niat jahat. Duduk!

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saudara bersih sangat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Eh! Pandai sebut bersih atau tidak bersih.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Bersih sangat? Okey, *Insya-Allah* kita akan bincang satu-satu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Floor, floor.* Duduk... *[Dewan riuh]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Soalan saya ringkas sahaja kepada Yang Berhormat Sepang, pagi tadi Yang Berhormat Menteri Arau mengeluarkan hadis dan sebagainya berkenaan dengan mengaibkan orang. Baru sekejap tadi dia dalam lakonan mengaibkan orang. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Inilah yang dikatakan...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Boleh saya minta penjelasan?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Nanti ada masa, duduk dahulu. Jangan putar belit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih. Saya tidak berniat untuk mengaibkan sesiapa. Akan tetapi soalan tadi daripada Yang Berhormat dan saya mengharapakan Yang Berhormat Bukit Gelugor kata no komen, okey. Saya boleh terima yang itu. Akan tetapi bila Yang

Berhormat sebut ya, benar dan tepat, apa makna benar dan tepat itu? Adakah untuk Tun Dr. Mahathir ataupun untuk siapa? Saya tidak mengkhususkan. Kalau saya terlibat dengan benda-benda yang khusus yang melibatkan benda yang mengaibkan orang saya tidak mahu terlibat. Rugi kehidupan macam itu...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, kalau tidak jelas, minta penjelasan. Jangan buat kenyataan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya tidak bercakap, jangan keliru.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jangan buat kenyataan. Tadi buat kenyataan, minta penjelasan. Biar mereka memperjelaskan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini soalan saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oh! Ada lagi?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Soalan saya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor apakah maksud benar dan tepat? Sebenarnya kami semua *confused*. Kami tidak dapat...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Macam itulah, minta penjelasan. Jangan buat kenyataan. Tadi buat kenyataan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Duduklah kamu sebelum kamu didudukkan!

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Menceleh, menceleh!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor minta saya beri peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Arau ini adalah seorang *confuse*.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Barisan Nasional semua *confused*.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya, otak dia saya ingat senget sedikit.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya tidak menyatakan tadi apa yang tadi-pertuduhan ke atas Yang Berhormat Permatang Pauh masa itu adalah benar dan tepat. Saya tidak menggunakan perkataan itu. Apa yang saya ada menjelaskan dalam Dewan tadi adalah walaupun saya sudah buat pertuduhan itu, nama Yang Berhormat Permatang Pauh telah dibersihkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan selepas itu oleh peguam negara.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Jadi apa yang saya memberi sebagai penjelasan. Adakah faham Yang Berhormat Arau?

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya hendak minta pencelahan. Saya hendak minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Perkataan "otak senget" *is unparliamentarily*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya tidak pernah kritik kekurangan yang ada pada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Macam mana pun jangan... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, duduk sekejap. Yang Berhormat yang lain duduk sekejap.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor eloklah ditarik balik perkataan "otak senget" itu.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** ...Tidak ada masalah. Saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang, boleh beri Yang Berhormat Sepang?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Sepang, hendak tanya Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap. Beri saya jawab dahulu. Banyak sangat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini *floor* Yang Berhormat Sepang ya, bukan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Hendak minta Yang Berhormat Sepang. Tuan Yang di-Pertua hendak minta Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, maknanya...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Beri laluan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, nampak betapa teruknya Barisan Nasional apabila Yang Berhormat Bukit Gelugor bercakap tidak berani langsung tanya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey, Yang Berhormat Sepang, saya hendak mencelah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi walau bagaimanapun saya rasa okey...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Duduk. Tadi saya dah bagi peluang banyak. Sabar, sabar. Yang Berhormat Kota Tinggi, duduk.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Lain kalilah, duduk. Lain kalilah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Takutkah Yang Berhormat Kapar? Saya hendak minta, boleh? Dua minit sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Nanti, saya beri.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya hendak tanya Bukit Gelugor ini. Kata Barisan Nasional, saya hendak tanya ini- saya hendak tanya...

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Sepang, boleh Yang Berhormat Sepang?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh sekejap sahaja Yang Berhormat Sepang? Alahai Yang Berhormat Sepang, sekejap sahaja Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dia tidak beri laluan Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Bukit Gelugor kata Yang Berhormat Permatang Pauh sudah dibersihkan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh! Saya tidak beri laluanlah. Faham peraturan tidak?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Itu dahulu. Hendak tanya ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak beri laluan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor tanya, Yang Berhormat Permatang Pauh perlu bertaubat selepas itu. Sila jawab Yang Berhormat Bukit Gelugor apakah yang dimaksudkan Yang Berhormat Permatang Pauh perlu bertaubat?... [Dewan riuh]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini apa fasal ini? Saya yang bercakap, dia tanya Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ini dia cakap tidak ada orang paksa. Dia buat *statement*, Yang Berhormat Permatang Pauh kena bertaubat. Sila jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak katakan bahawa kalau hendak bercakap pun kenalah faham peraturan... [Dewan riuh] Minta penjelasan daripada saya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Sepang ajar saya... Yang Berhormat Sepang yang ajar saya suruh buat macam ini. Yang Berhormat Sepang yang ajar saya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat Kapar selalu sahaja kena. Kalau sana, okey sahaja, tidak adil. Memang tidak adil.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Sepang, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, duduk. Ya, Yang Berhormat Shah Alam duduk dahulu. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar tujukan kepada siapa yang tidak adil itu?... [*Dewan riuh*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya boleh menjelaskan Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak tanya tuju kepada siapa tadi, kepada Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak, bukan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mengatakan bahawa kalau saya mencelah begitu, saya diminta duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Akan tetapi bila di sebelah sana, tidak ada apa-apa *ruling*. Itu yang saya tanya mengapa setiap kali saya dituduh dengan niat jahat dan sebagainya tetapi sebelah sana okey. So, saya minta penjelasan. Betul, saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Okey Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya? Saya duduk?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya cakap Tuan Yang di-Pertua kena *ruling*lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, duduk sekejap. Yang Berhormat sekalian, kita ada peraturan. Sebenarnya sudah beberapa kali Tuan Yang di-Pertua menegur tentang peraturan tetapi kita masih juga langgar peraturan. Bila kawan kita yang lain langgar peraturan, baru kita sedar. Ya, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah katakan tadi bahawa saya sebenarnya memang suka orang bertanya. Tadi saya kata tunggu sekejap, beri saya cakap. Saya akan beri, sudah berapa banyak saya beri? Tidak pernah Yang Berhormat Menteri tanya saya, macam saya pula Menteri, betul atau tidak?... [*Dewan riuh*] Dia tanya soalan... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Nampak? Seorang lagi Menteri. Silakan, Yang Berhormat Menteri saya suka.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Pasir Salak. Sila, sila.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua... Dengar ini baik-baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak mengapa, hendak beri latihan kepada Yang Berhormat Sepang menjadi Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya kenal Yang Berhormat Permatang Pauh lebih lama daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Apabila Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi berkata bahawa Tun Dr. Mahathir mempertahankan Yang Berhormat Permatang Pauh waktu itu, saya juga mempertahankannya. Saya juga mempertahankan dia sejak tahun 1982 lagi. Dia seorang yang baik, seorang yang bersih, pemimpin harapan kepada Islam dan umat Islam juga kepada orang Melayu. *We defended him. All the way we are together with Tun Dr. Mahathir but we changed. Why we change? It is because it beyond our control. He causes the problem to himself. It goes to the court and the courts decide. What can we do?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukup. Kita berhentikanlah isu ini. Kita beralih pada isu yang lain.

#### ■ 1250

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita fokus kepada rang undang-undang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Tidak hendak panjang mengenai perkara ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap. Sebelum saya berhentikan, saya kena jawablah, sebab kalau tidak dikira tidak adil. Saya hendak kata tadi, sebenarnya isu Yang Berhormat Permatang Pauh ini saya rasa yang tadi dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa sekarang ini apabila Dato' Seri Anwar atau pun Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi satu ancaman kepada Barisan Nasional, tiba-tiba pelbagai tuduhan tidak dikenakan. Cuba- katakanlah Yang Berhormat Permatang Pauh diberhentikan jawatannya, dia pun duduk diam-diam. Tidak lawan Barisan Nasional, saya rasa tidak ada pertuduhan. Akan tetapi bila adanya pelawan.

**Seorang Menteri:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh! takkanlah Yang Berhormat Menteri dua kali bangun? Sabarlah... *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi apabila dia mengambil sikap lawan, lawan rasuah, lawah salah guna kuasa, maka kita tahu apa yang dibuat ke atasnya.

Tadi kata Yang Berhormat Menteri bahawa apa kita boleh buat, mahkamah telah tentukan. Kita hendak beritahu di Afrika Selatan dulu pun, Nelson Mandela juga dibicarakan oleh

mahkamah... *[Disampuk]* Dia dibicarakan oleh mahkamah. Dalam negara-negara yang ada mahkamah yang di mana mengamalkan sistem diktator ini, memang orang-orang dibicarakan.

Akan tetapi itu semua dipanggil *show trial*. Perbicaraan wayang. Bicarakan semata-mata hendak tunjukkan, Oh! Kita bicarakan dia. Akan tetapi perbicaraan tidak ikut lunas undang-undang. Tidak ikut prinsip undang-undang. Melanggar semua.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh! Sabarlah Yang Berhormat Menteri. Tukar tempatlah. Saya duduk sana, Yang Berhormat Menteri duduk sini. Saya jadi Menteri pula.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No*, saya perkara ini- sudah duduk lama, dengar putar belit ini.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak dia berhenti sekarang ini.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sebut dekat luarlah. *You* cabar mahkamah di luar.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Tanya soalan boleh Yang Berhormat Sepang?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *You challenge the court outside.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Boleh Yang Berhormat Sepang?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Challenge the court outside.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Boleh Yang Berhormat Sepang? Hendak Tanya Yang Berhormat Sepang, macam mana?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *You dare, you challenge. Don't say it here.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang minta laluan, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *People challenge- if I can...*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Challenge the court outside.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang minta laluan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No, no, no contempt of court.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pasir Salak. cukup.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak ada masalah lah. Kalau ada masalah- ini Yang Berhormat Menteri tidak tahu peraturan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang duduk.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya kita ada peraturan. Oleh sebab itu kata kita peraturan. Tidak adil bagi- Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Challenge the court outside.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang dengan Yang Berhormat Pengerang. Kita ada peraturan. Kita ada peraturan. Yang Berhormat Permatang Pauh tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Pengerang, nanti. Nanti.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Selepas ini boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Selepas ini boleh ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey. Jangan takut Yang Berhormat Pengerang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Permatang Pauh tidak ada di dalam Dewan, dan juga kita ada peraturan, tidak boleh meminta ahli yang lain. Sila. Oleh sebab itu saya nasihatkan jangan panjang-panjang. Beralih kepada isu yang lain. Saya sudah sebut. Saya sudah sebut sebelum tadi. Saya sudah sebut, sila Yang Berhormat Sepang isu yang lain. Saya harap tiada kaitan dengan Yang Berhormat Permatang Pauh lagi ya. Sila. Isu yang lain.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita berkaitan dengan sistem kehakiman ini. Kita jangan...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Jangan lupa hadis nabi... *[Membaca sepotong hadis]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Berucap dalam bahasa Arab]* Hujah ke atas kamu bukan hujah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak kiralah hujah itu pada siapa.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *[Berucap dalam bahasa Arab]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Semua terpakai ini. Ya, sila Yang Berhormat Sepang. Alih pada tajuk yang lain.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak beritahu sistem kehakiman ini, kita bukan hanya setakat ada badan kehakiman. Kita ada hakim, tetapi kita kena lihat proses kehakiman itu. Kalau proses kehakiman itu tidak mendapat kepercayaan rakyat. Sampai ada orang boleh baling kasut kepada hakim...

**Seorang Ahli:** Itu pembangkang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini satu...

**Beberapa Ahli:** Itu pembangkang... *[Dewan riuh]*



**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu hendak tunjukkan persepsi rakyat.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Itu pembangkang bukan rakyat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, kalau dia kata yang baling kasut itu tidak menghormati hakim daripada pembangkang...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Itu pembangkang. Yang menghasut orang suruh buat. Kurang ajar, bukan rakyat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau dikatakan tadi, kalau dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa yang baling kasut itu pembangkang, tidak menghormati mahkamah. Saya hendak tanya pula, bagaimana pula dengan Suruhanjaya Kehakiman yang mengatakan memang ada salah guna kuasa? Bagaimana pula dengan bekas hakim mahkamah ketika memutuskan kes Likas? Datuk Muhammad Kamil Awang yang menyatakan bagaimana dia diarahkan untuk batalkan petisyen? Adakah dia orang PAS, adakah dia orang DAP? Dia bekas hakim...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Duduk.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Bila keputusan *in your favor, court is right*. Adil.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak. Kita tidak ada masalah. Kita pernah kalah, petisyen pilihan raya kita tidak pernah menang. Sekali sahaja kita menang. Akan tetapi kita terima. Akan tetapi yang kita tidak boleh terima bagaimana badan kehakiman, bukan saya kata. Ini sampai ada repot daripada peringkat antarabangsa, *Justice in Jeopardy*. Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian pernah memberikan ucapan mengatakan; "*Saya merasa malu menjadi rakyat Malaysia apabila melihat sistem kehakiman dihancurkan oleh pemerintah*" *[Tepuk]* Ini ucapan daripada Tun Suffian bukan pembangkang.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Pindah pergi Singapura.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Adakah orang hakim mahkamah kata, dulu kereta hakim kita pakai cermin gelap sebab kita takut dengan orang. Akan tetapi sekarang kita malu dengan rakyat kerana sistem kehakiman tidak dihormati. Ini bukan dikatakan oleh pembangkang. Ini dikatakan oleh bekas Hakim Mahkamah Rayuan. Ini menunjukkan bahawa sistem kehakiman kita dikritik oleh Badan Kehakiman sendiri. Jangan salahkan pembangkang. Salahkan diri kamu sendiri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Boleh bercakap?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak boleh.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak boleh... *[Dewan riuh]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Saya minta...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau hendak kita boleh *debate*. Buat siaran langsung di TV, Badan Kehakiman kita *debate* dua...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:**...Adik-beradik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Setiu bangun. Yang Berhormat Setiu bangun.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Adik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Setiu ini bekas hakim mahkamah seksyen. Kes saya sampai sekarang keputusan tidak buat lagi [*Ketawa*]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Hujah, hujah Yang Berhormat Sepang ini- saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak ingatkan sekali lagi, jangan kita memalukan ahli yang lain.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Inilah masalah dia. Peraturan jelas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli Parlimen Setiu. Kita mengejek-ejek. Kita menyindir-sindir.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya salah. Saya salah. Teruskan. Bagi soalan cepat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, soalan saya mudah sahaja. Sekarang ini yang membuat komen adalah bekas hakim. Pertikaian kita sekarang adalah kita hendak pinda Akta Saraan Hakim. Bermakna kalau hujah macam itu, adakah pihak- maknanya Yang Berhormat Sepang tidak bersetuju bahawa pindaan dibuat untuk mendapatkan lima peratus ini? Melibatkan dia orang juga. Ini kerana adanya kepincangan dalam kehakiman, jadi maknanya dia orang ini tidak boleh dapat. Tidak bersetuju dengan pindaankah atau pun kita hendak bawa lari daripada apa yang ditetapkan dalam Perkara 38?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, Yang Berhormat Setiu. Saya hendak ajar sikit. Dalam perbahasan, saya hendak ajar. Mungkin dia keliru. Mungkin dia keliru.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masalah sekarang ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Duduk, duduk. Saya sudah faham. Saya hendak kata...

**Seorang Ahli:** Sombong, sombong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Setiu duduk, duduk. Saya sudah faham.

**Seorang Ahli:** Angkuh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan angkuh. Kita hendak ajar ini tidak salah. Kalau salah kita ajarlah. Dia mungkin salah faham... [*Disampuk*] Beliau mengatakan adakah saya menyokong atau tidak? Pertamanya saya hendak katakan, ini peringkat dasar. Peringkat dasar semua orang tahu kita tidak tertakluk kepada *every wording* dalam akta ini, itu yang pertama. Kedua, di peringkat permulaan saya sudah kata, saya menyokong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya tetapi tidak boleh jauh sangat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Amalan saya minta supaya gaji hakim ini dibayar dengan tinggi bagi mengelakkan rasuah. Akan tetapi dalam masa yang sama, kerana kita hendak jaga, hendak pulihkan imej Badan Kehakiman saya berikan hujah-hujah tadi. Kalau betul kita serius hendak pulih Badan Kehakiman, banyak *baggage* yang berlaku sebelum ini kita betul-betul selesaikan. Persoalannya kenapa 112 tuduhan, 33 muka surat ada seorang hakim tulis tentang tidak ada pendakwaan. Ada didedahkan sahaja-sahaja minta siasat lima orang yang terlibat dalam kes video V.K Lingam tidak ada pendakwaan, tidak ada siasatan. Kita tidak tahu. Masalahnya kita guna wang rakyat. Badan kehakiman ini bukan sahaja mesti hendaklah adil, bukan semestinya adil tetapi bukan semestinya bebas tetapi dilihat bebas, dilihat adil. Ini prinsip.

Sepatutnya rakan saya dia boleh pertahan sebab dia adalah terlibat dalam badan kehakiman. Oleh sebab itu saya hendak katakan kita memang sokong dan memang dalam kebelakangan ini kita sibuk bincang gaji orang lain sahaja. Gaji kita, kita tidak bincang lagi. Akan tetapi saya hendak katakan – Hendak *tone down* sekarang, hendak *tone down*. Kita sibuk bincang hal gaji hakim, gaji orang lain, gaji Ahli Parlimen kita tidak bincang lagi.

*Anyway*, saya hendak katakan pada Yang Berhormat Setiu, apabila kami bangkitkan benda ini kita hendak supaya badan kehakiman ini dipulihkan semula. Oleh sebab kita kena ingat, memang badan kehakiman pada tahun 70-an dulu, kita adalah salah satu badan yang dihormati. *Judgments* yang diberikan oleh hakim-hakim seperti hakim Datuk ‘Yusuf Abd Kadir’, hakim-hakim yang hebat, *legal giant* ini di mana keputusan mereka dihormati di peringkat antarabangsa. Oleh sebab itu kita hendak pulihkan balik. Oleh sebab itulah Tun Suffian pernah mengatakan, apabila kita sudah runtuhkan sistem kehakiman yang telah dibina mungkin 30 tahun, 50 tahun, 100 tahun, kita boleh runtuhkan dalam masa satu hari...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi hendak bina semula, sekejap. Hendak bina semula kita perlukan mungkin 100 tahun. Kita hendak runtuhkan satu hari cukup sudah. Sekarang ini sistem kehakiman sudah runtuh. Hendak bina semula ini susah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tanya peraturan bila Tuan Pengerusi atau Tuan Yang di-Pertua bercakap, kita ada peraturan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta maaf, minta maaf. Okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang hendak sambungkan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak sambung, hendak sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat kita jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat sebagai seorang peguam, ramai di sini yang peguam. Saya pun peguam juga walaupun saya ambil *trustee*. Benda yang dibahaskan ini adalah kehakiman, kita sama-sama di bawah sistem yang sama. Jadi kalau berhujah itu, tolong. Saya mohon supaya *exercise control*. Sila.

**2.32 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin katakan apa yang saya telah utarakan pada pagi tadi adalah perkara-perkara yang telah diketahui umum. Saya tidak mereka-reka apa yang saya katakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat, saya dengar Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat berhujah cara begitu dalam Dewan Rakyat, bolehkah saya sarankan juga kepada Yang Berhormat supaya berhujah begitu kerana saya difahamkan Yang Berhormat adalah *practicing lawyer*. Bolehkah buat begitu juga begitu di mahkamah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh. Saya baru tadi balik mahkamah tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Buat begitu di mahkamah Yang Berhormat. Jadi saya mahu juga rekod itu nanti supaya saya nampak. Jangan buat dua standard Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebenarnya kacau Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak kacau okey sahaja. Saya berucap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah saya kata, kalau kena kacau pun, *exercise control* kerana profesion Yang Berhormat, ramai kita yang pengamalinya. Kadang-kadang sistem itu runtuh kerana kita sendiri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya bercakap dalam nada yang masih lagi boleh dikatakan relaks...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebab Yang Berhormat saya kata, apabila berbahas, saya duduk di sini hati-hati. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ingin mengatakan bahawa badan kehakiman kita seharusnya dipulihkan. Saya tidak mengatakan bahawa apa yang saya katakan ini untuk saya katakan saya tidak menyokong akta ini. Saya daripada awal lagi mengatakan saya amat bersetuju dengan akta ini yang membenarkan kenaikan antaranya saraan hakim ini.

Akan tetapi saya rasa di peringkat dasar ini Tuan Yang di-Pertua, saya berhak untuk membangkitkan tentang perkara-perkara yang telah berlaku dalam badan kehakiman sebab saya telah dicabar tadi, kononnya apabila menyerang badan kehakiman ini kononnya dari pembangkang. Akan tetapi saya telah buktikan bahawa, memang wujudnya di kalangan hakim-

hakim sendiri yang telah pun mendedahkan kebobrokan dalam sistem kehakiman. Oleh sebab itulah saya minta kerajaan supaya bersikap telus sebab kita telah tubuhkan Suruhanjaya Diraja. Oleh sebab itu kita ingin tahu apakah langkah yang telah diambil. Tidakkannya setiap kali kita buat sesuatu siasatan itu, kita setakat buat siasatan selepas itu kita ada *finding*, selepas itu kita diam sahaja. Itu persoalannya.

Ini kerana kita mahu keagungan ataupun kehebatan sistem kehakiman kita yang satu masa dahulu pernah diiktiraf oleh dunia, tiba-tiba sekarang ini menghadapi satu krisis. Oleh sebab itulah kalau kita betul-betul hendak serius mengembalikan imej kehakiman, kita mestilah tunjukkan konsistensi kita, tunjukkan keseriusan kita bahawa kita betul-betul hendak pulihkan imej. Akan tetapi apabila berlaku kes-kes melibatkan ahli-ahli politik, kita lihat kadang-kadang, hakim dilihat di dalam keadaan serba-salah. Jadi kita rasa sebab itulah ada beberapa perkara yang saya ingin cadangkan. Antaranya saya ingin mencadangkan supaya sistem pelantikan *Judicial Commissioner* ataupun Pesuruhjaya Kehakiman, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya hapuskan sistem ini. Ini kerana sistem ini ia akan mengujudkan satu keadaan yang tidak selesa kepada para hakim sendiri sebab ini dianggap sebagai satu sistem seolah-olah hakim ini dilihat, dikawal, *dicontrol*, diperhatikan macam mana dalam keadaan dia semasa sebelum dia dijadikan sebagai hakim penuh, apakah keputusan-keputusan dia.

Berdasarkan pengalaman saya mengendalikan kes-kes yang melibatkan hak asasi manusia, melibatkan parti-parti pembangkang khususnya, saya dapat rasakan betapa pesuruhjaya kehakiman ini kadang-kadang tertekan. Selalunya, mungkin *coincident*, tetapi selalunya selepas Pesuruhjaya Kehakiman memberi satu keputusan yang memihak kepada kerajaan, tidak lamanya naik pangkat. Ini yang berlaku. Saya kata tadi mungkin *coincident*. Akan tetapi persepsi rakyat, itulah yang berlaku. Jadi kalau hendak cepat, buat satu keputusan yang memihak kepada kerajaan. Ini sekali gus pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman ini dilihat tidak membantu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau saya terlampau keras, saya menggunakan peraturan mesyuarat, saya rasa setiap hujah Yang Berhormat saya *stop*. Ini kerana apabila mengatakan begitu, itu sangkaan jahat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan mungkin *coincident*. *I'm trying to qualify...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun begitu Yang Berhormat, itu sebab dalam kita berhujah, kita hati-hati. Ini kerana kalau kita tidak berhati-hati, mungkin perkara yang kita sebut itu mendatangkan banyak keburukan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah. Kadang-kadang saya tidak tahu hendak cakap apa lagi sudah. Semua perkara yang kita cakap macam semua tidak boleh. Ini kerana kita bercakap Tuan Yang di-Pertua, benda yang memang kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Begini Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Saya mahu peguam-peguam yang lain dengar. Orang yang dilantik sebagai hakim itu ada mempunyai

kriteria-kriteria yang tertentu. Umpamanya macam dia praktik beberapa tahun. Semua itu pengamal undang-undang seperti Yang Berhormat dan seperti saya. Kalau mereka juga tunduk kepada kehendak eksekutif, buat apa menjadi hakim? Berhentilah jadi hakim. Itukan Yang Berhormat kerana kita ini semua peguam. Apabila peguam, ada etika tertentu. Jadi, jangan tuduh kerajaan kerana itu sangkaan jahat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tuduh kerajaan. Kalau Tuan Yang di-Pertua betul-betul dengar ucapan saya, saya menyatakan bahawa perlunya ada perubahan. Apa yang saya bangkitkan bahawa sistem pelantikan pesuruhjaya kehakiman ini memang pernah dibangkitkan oleh banyak pihak malahan bekas peguam senior, hakim pun pernah mencadangkan. Saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang apabila kita pergi mahkamah, apabila kita ada kes-kes di dalam kamar hakim, kadang-kadang hakim sendiri bagi tahu kepada kita. Dia kata tolong suarakan, kami tidak boleh suarakan.

■1440

Mungkin Tuan Yang Di-Pertua, saya tak tahulah Tuan Yang di-Pertua ada pengalaman sebagai *litigation lawyer*kah tidak, saya tak pasti, tapi sebagai peguam yang berada dalam *litigation* selama 20 tahun, daripada Mahkamah Majistret sampai *Federal Court*, saya dapat rasakan hakim-hakim ini kadang-kadang mereka tertekan. Apabila naik sahaja Ketua Hakim baru, akan perkenalkan sistem baru. Naik sahaja Ketua Hakim baru, perkenalkan sistem baru... [Disampuk] Tengok, ini macam mana saya nak teruskan? Tuan Yang Di-Pertua, cuba tengok. Saya bercakap... [Disampuk] Saya dah bagi ruang. Saya dah bagi ruang dua kali dah tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, tak apa Yang Berhormat. Tak apa, sila teruskan. Saya cuma ingatkan sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kira itu tapi saya merasakan dah sampai masanya sistem pelantikan sistem kehakiman itu dikaji semula. Saya rasa kalau kita betul nak lantik hakim, lantik terus hakim sebab hakim ini... Sebab itu di Amerika sebagai contoh, apabila seorang hakim dilantik di peringkat federal, dia ada *security of tenure*. Maknanya *is a life appointment*. Tujuannya, supaya ada *security*. Apabila ada *security*, hakim-hakim akan lebih rasa tidak tertekan sebab mereka tahu, walau apa, *what ever decision* yang mereka buat dengan izin, mereka tidak akan menghadapi *repercussion* nya.

Akan tetapi kita pernah, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua mungkin sedar tak sedar, pernah berlaku seorang hakim melepaskan beberapa orang tahanan politik daripada ISA, apabila dia buat keputusan itu, saya dapat maklumat rumah beliau, beliau keluar daripada ofis sahaja, ada polis yang ikut. Tertekan. Hakim ini walaupun dia seorang yang senior tapi *dicold storage* untuk sekian lama. Saya tak nak sebut nama hakim itu sebab memang berlaku. Apabila dia buat satu keputusan, perintahkan habeas corpus ke atas beberapa orang individu tertentu, dia telah dinafikan untuk dinaikkan pangkat. Hakim-hakim yang junior naik pangkat dahulu.

**Seorang Ahli:** Sebut nama dia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Baru-baru ini, ada seorang hakim yang telah bersara bercakap di Majlis Peguam di Pahang, dia mendedahkan bagaimana sistem kehakiman ini perlu diubah. Sebab itu jangan kita tutup mata Tuan Yang di-Pertua, jangan tutup mata... [*Dewan riuh*].

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Nama, nama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau saya beri nama, silap-silap nanti kena tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti. Yang Berhormat, itu sebab Yang Berhormat, apabila kita seorang wakil rakyat bercakap begini, bererti mesti penuh dengan tanggungjawab. Saya sendiri mahu tahu kalau ada dua tiga hakim yang bercakap begitu, dedahkan nama itu. Jangan sembunyi-sembunyi, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** Ya, ya.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Betul Tuan Yang di-Pertua, betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi bermakna supaya kerajaan buat tindakan.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Dedahkan sahaja nama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila dedahkan nama itu, saya sendiri mahu tahu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak dapat jaminan. Kalau saya dedahkan, adakah hakim-hakim ini tidak akan diambil tindakan? Kita tak percayalah dengan kerajaan ini... [*Dewan riuh*]

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Kita Ahli Parlimenlah Yang Berhormat Sepang, kebal kita. Apa perlu takut? Dedah sahaja nama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat yang lain, tenang dahulu Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat Sepang, duduk dulu Yang Berhormat Sepang. Kita bercerita dengan hal serius. Apabila kita bercerita dengan hal serius, apabila kita berhujah secara serius, apa pun risiko dia, demi untuk kepentingan, mesti dedahkan. Sila dedahkan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh hakim yang pernah terlibat itu ialah...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh saya bagi contoh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan campur dengan hal ini. Yang Berhormat Sepang sedang berhujah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, antaranya Datuk Hishamudin Yunus. Dia pernah membebaskan, memberikan perintah habeas corpus ke atas bekas tahanan iaitu Gobalakrishnan, Ghani Harun dan dalam keputusannya, dia telah mengkritik ISA. Dia seorang hakim yang agak senior. Berapa lama dia telah *dicol'd storage*? Jawab! Kenapa dia *dicol'd storage* sedangkan dia seorang hakim yang berwibawa, seorang hakim yang memang ada

integriti? Akan tetapi bila dia membuat keputusan yang dilihat tidak memihak kerajaan, dia telah dinafikan *promotion* untuk sekian lama. Sebab itu, saya dah dedahkan nama.

Saya pernah juga terlibat dalam satu kes di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi, Johor. Saya nak beritahu bagaimana hakim itu telah menyuruh kami *settle* kes itu di luar mahkamah. Saya kata “Yang Arif, kenapa nak suruh kami *settle*?” Dia kata, “Ini kes melibatkan PAS”. Saya kata, “Kenapa melibatkan PAS?” “Oh! Tuan tak tahu”, dia kata. Ini dalam *Chamber*. Saya beritahulah sebab minta beritahu. Dia beritahu dalam *Chamber*. Dia kata, “Tuan tak tahu ada seorang hakim hanya berada dalam ceramah PAS telah dinafikan *promotion*”. Ini dia beritahu saya. Saya nak katakan memang hakim-hakim akan terasa benda ini. Sebab itulah janganlah kita bertindak seolah-olah tidak berlaku. Mungkin kita tak perasan sebab kita duduk di sini tetapi kami sebagai pengamal peguam, pengamal undang-undang, kami tahu apa yang berlaku. Hakim-hakim ini kompelin kepada kita.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh saya bagi lagi satu contoh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Contoh-contoh ini memang berlaku. Oleh kerana dikatakan nak bagi contoh dan nyatakan nama, saya ingin katakan di negeri Perak yang selama saya pun sudah 27 tahun mengamalkan undang-undang, lagi satu contoh. Selepas Yang Arif Hakim James Foong memberikan perintah injunksi terhadap *Bakun project* kerana dikatakan tidak mengikut kehendak EIA yang perlu dibuat, masa itu Yang Arif James Foong merupakan hakim nombor satu di Ipoh, Perak dan Yang Arif Datuk V.H. View merupakan hakim nombor dua di Perak.

Selepas keputusan James Foong menahan projek Bakun dijalankan, beliau di bawah *cold storage* sekian lama sebagai hakim nombor satu sampai bertahun-tahun, kalau tidak melebihi sepuluh tahun. V.H. View sudah naik kepada Mahkamah Rayuan kemudian kepada Mahkamah Persekutuan. Masa V.H. View menjadi hakim Mahkamah Persekutuan, Yang Arif James Foong masih lagi hakim Mahkamah Tinggi.

Dalam satu kes, saya sendiri yang bawa, saya telah membuat satu tindakan terhadap pihak polis yang dikatakan telah melumpuhkan seorang budak Melayu yang muda. Beliau tidak memberikan saya satu tarikh yang singkat untuk *case management* sahaja. Beliau terpaksa memberikan satu tarikh *case management* satu tahun daripada masa kes itu dibawa kepada dia.

Ini menunjukkan bahawa Yang Arif James Foong kerana sudah tertekan, beliau tidak nak mendengar lagi satu kes yang dibawa oleh peguam terhadap pihak kerajaan, ini sebagai satu contoh. Sebab itu kita hendak hakim-hakim kita ini bebas melaksanakan tugas sebagai hakim bebas. Kita nak mempertahankan hakim-hakim kita, kita hendak memartabatkan sistem kehakiman kita supaya ketakutan ini tidak berlaku.

Juga, lagi satu lain-lain perkara yang berlaku yang menjejaskan imej kehakiman dalam masyarakat kita sebab selepas krisis 1987, di negeri Perak memang orang kata bagi satu jamuan makan malam, akan jadi hakim. Secara ringkas, apa yang berlaku selepas krisis tahun 1987, selepas Tun Salleh Abas dan lain-lain hakim yang senior telah melalui tribunal telah dipecat atau lain yang digantung, pihak Majlis Peguam telah membuat keputusan, peguam-peguam tidak akan menerima apa-apa tawaran untuk menjadi hakim.



Oleh yang demikian, ramailah peguam yang memang berpengalaman tidak menerima tawaran untuk menjadi hakim. Apa yang berlaku ialah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, ini *floor* Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Beruas berucap begitu, saya boleh biarkan dia. Pokoknya ada kaitan dengan apa yang disebut tadi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beras]:** Saya akan habiskan. Apa yang berlaku secara ringkas, masa itu ada masih dipraktikkan dengan izin, *setting of the supreme court*. Setiap kali, kerana *Bar Council* sudah boikot pihak kehakiman, setiap peguam yang senior yang memberi jamuan makan malam, apabila hakim-hakim daripada Mahkamah Agung datang ke Ipoh, mereka yang menganjurkan makan malam terus tahun depan akan dijadikan *Judicial Commissioner* kemudian jadi hakim. Selepas dia naik menjadi *Judicial Commissioner* dan hakim, tahun kedua, orang yang menguruskan jamuan makan malam yang kedua juga telah naik menjadi *Judicial Commissioner* kemudian menjadi hakim.

Ini memberi satu gambaran yang tak baik kepada rakyat jelata bahawa hakim ini dilantik mengikut kerana kekariban kepada hakim-hakim Mahkamah Agung yang sedia ada. Ini contoh-contoh. Kita tidak mahu ini berulang lagi. Itu sahaja contoh-contoh yang dapat saya berikan. Kita nak kehakiman kita ini bebas daripada semua jenis cengkaman dan *pressure*, dengan izin, daripada mana-mana pihak. Terima kasih Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas. Saya jadikan sebahagian daripada ucapan saya.

#### ■1450

Saya hendak katakan. Saya hendak *quote* apa yang dikatakan oleh Hakim V.T. Singham. Dia seorang hakim yang senior. Dari seorang hakim yang senior akhirnya dia terpaksa berhenti setakat menjadi Hakim Mahkamah Tinggi. Kes terakhirnya adalah kes yang melibatkan mendiang Kugan. Kita lihat hakim ini seorang hakim yang senior, seorang hakim yang sepatutnya sudah dinaikkan pangkat.

Akan tetapi yang hairannya berapa ramai hakim yang lompat, hakim yang lebih junior boleh naik awal dibandingkan dengan Hakim V.T. Singham ini. Hendak kata hakim ini tidak tulis *judgment*, saya tahu dia antara hakim yang rajin. Saya biasa kalah depan dia tetapi saya merasakan walaupun saya kalah, saya berpuas hati sebab saya diberikan *fair hearing* dan saya juga diberikan satu- paling kurang dia taip *judgement* dan dia beri alasan-alasan yang kita boleh terima. Akan tetapi malangnya hakim seperti ini tidak naik pangkat. Apa dia kata dalam satu majlis selepas empat bulan dia bersara, dalam satu majlis anjuran Majlis Peguam Pahang di Kampus Cawangan Universiti Islam Antarabangsa. Dia menyeru pentadbir perundangan untuk adil kepada hakim dan pegawai mahkamah apabila melibatkan soal kenaikan pangkat kerana ia seharusnya bebas tanpa diskriminasi dan campur tangan pihak berkuasa.

Hakim V.T. Singham juga mengatakan sistem kehakiman hanya akan bebas selepas hakim berhenti daripada menerima habuan kewangan dan pangkat dalam menjalankan tugas mereka. Kebebasan sistem kehakiman akan bergantung kepada integriti seorang hakim. Ini

bukan pembangkang cakap. Bukan Yang Berhormat Permatang Pauh, bukan Yang Berhormat Gelang Patah, bukan Yang Berhormat Sepang. Ini hakim. Dia berada dalam sistem itu. Dia menyatakan- tentu dia ada maklumat. Kalau apa yang dikatakan tidak betul kenapa tidak ada tindakan? Kenapa tidak siasat? Ini yang kita katakan tadi. Kalau betul-betul hendak pulihkan badan kehakiman ada *statement* seperti ini, paling kurang siasat! Ini langsung tidak ada apa-apa tindakan. Selepas itu hendak kata “*Oh! Sistem kehakiman kita bagus*”. Macam mana orang hendak percaya? Orang akan lihat kita ini berpura-pura.

Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak minta kes Likas paling jelas, ada arahan melalui telefon disebut dalam *judgement*. Saya diarahkan untuk batalkan petisyen itu. Daripada siapa arahan itu? Daripada bekas Ketua Hakim Negara! Akan tetapi di mana Ketua Hakim Negara ini, ada disiasat? Ada diambil tindakan? Tidak ada. Dia dua sahaja. Kalau yang buat tuduhan itu tidak betul, boleh dakwa dia. Kalau dia buat tuduhan betul, dakwa orang yang dikenakan tuduhan tetapi dua-dua tidak ada pertuduhan. Siasat pun tidak. So, dalam keadaan begini kita hendak kata sistem kehakiman kita bagus, *we have become a laughing stock*, dengan izin. Orang ketawakan kita. Orang melihat bahawa kita tidak serius dalam hendak memulihkan badan kehakiman. Itu pun kami pembangkang ini, kami masih sokong akta ini sebab kita percaya perlu ada penggemblengan untuk kita pulihkan imej. Ini kerana badan kehakiman ini kalau orang tidak percaya, habis negara kita. Pelabur mungkin akan tidak datang. Macam mana orang hendak percaya kalau dia lihat kehakiman boleh dibeli, pelantikan boleh melalui habuan kewangan. Macam mana orang hendak yakin dengan sistem kehakiman? Yang Berhormat Arau kena faham benda ini.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Sepang, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang pengamal undang-undang tetapi pengalaman saya ketika peristiwa 6 dan 7 Mac, menganggap bahawa peristiwa itu menjadi satu peristiwa titik hitam yang tidak boleh saya lupakan. Ketika itu saya berada di Mahkamah Rayuan. Apabila hakim menolak dokumen-dokumen yang melibatkan *medical report* sebagai contoh, menggesa-gesa membuat keputusan dalam satu jam, memberikan isyarat dalam keadaan hakim sendiri menjadi pendaftar, mengalihkan tarikh sepatutnya didengar kes yang dibuat awal, menyebabkan saya terpanggil untuk berada di mahkamah. Saya lihat sendiri para hakim yang cukup tidak mengizinkan keadilan itu ditegakkan, bila mana hendak dibuat laporan. Dalam masa satu jam membuat keputusan. Ia berlaku dalam satu sejarah yang saya kira begitu maklumat yang saya terima.

Jadi Yang Berhormat Sepang, apakah pandangan Yang Berhormat Sepang kalau kaedah itu diambil? Pendekatan itu dibuktikan oleh mahkamah. Rakyat sudah menampakkan ketidakpercayaan ianya kepada sistem kehakiman negara. Apakah ianya boleh dipulihkan dalam akta ataupun dalam pindaan yang kita hendak buat ini untuk memastikan pendapatan mereka itu setimpal dan seimbang dengan pembayaran yang mereka lakukan? Mohon Yang Berhormat Sepang beri komen.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya daripada Kuala Langat. Yang Berhormat Kuala Langat, saya hendak *refresh* balik, saya hendak *reiterate* balik dengan izin, apa yang dikatakan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian, seorang hakim yang memang dihormati. Walaupun kita tahu semasa beliau menjadi ketua hakim banyak keputusan-keputusan yang tidak memihak kepada pembangkang tetapi integriti dan kredibiliti dia tidak dipersoalkan. Apa dia kata? Dia kata kita boleh hendak bina satu sistem kehakiman ini. *We need* mungkin 1,000 tahun baru...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Dua generasi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dua generasi kata Yang Berhormat Gelang Patah. Akan tetapi untuk hendak runtuhkan *we need only one day*. Sekarang ini kerajaan terpaksa mengaku sebab sepanjang selepas merdeka sampai sekarang tidak pernah ada kerajaan lain. Inilah kerajaannya. Inilah kerajaan di mana sistem kehakiman runtuh dalam masa satu hari. Tidak boleh hendak dinafikan. Oleh sebab itu sekarang ini kita hendak pulihkan balik. Hendak pulihkan mesti ada keseriusan. Paling kurang keseriusan itu kita tunjukkan, yang lama-lama itu kita buka kalau kita rasa tidak- jangan kita ingat apabila kita tidak ambil tindakan oh! Orang lupa. UMNO mungkin lupa tetapi rakyat tidak pernah lupa. Kalau kita betul hendak seriuslah. Kalau tidak mahu, itu terpulang kepada kita. Kalau kita hendak sistem kehakiman kita ini seperti negara-negara *Third World*, terpulanglah.

Saya katakan tadi kita pernah ada satu sejarah mempunyai kehakiman yang hebat. Sebagai seorang peguam saya berasa bangga kalau keputusan Hakim Mahkamah Malaysia di *quote* oleh hakim di *England* dan sebagainya. Kita patut bangga tetapi sekarang ada keputusan hakim yang ditulis oleh peguam. Dalam kes yang melibatkan Murray Hiebert, ini satu sejarah, kita tahu bagaimana. Hakim tidak tulis *judgement* tetapi peguam yang tulis *judgement*... [Disampuk] Apa ini? Semua yang didedahkan ini semua jadi pengetahuan awam tetapi tidak ada tindakan langsung diambil! Asyik-asyik tubuh suruhanjaya, ambil duit rakyat untuk belanjakan. Selepas itu tidak ada ambil tindakan. Sudahlah bazir wang rakyat, selepas itu tidak ambil tindakan. Kalau begini cara kita bertindak, kita tidak layak jadi kerajaan. Oleh sebab itulah saya memohon supaya... [Disampuk] Merekalah. Kita okey.

Saya juga minta supaya- sebab itu saya katakan tadi, saya minta pertamanya pesuruhjaya kehakiman itu kita- proses kenaikan pangkat itu mesti betul-betul telus. Mesti ada satu proses yang betul-betul telus supaya *base on merit* dan bukan *base* kerana dia ada hubungan dan sebagainya. Kadang-kadang hakim yang tidak pernah *write judgement* pun tiba-tiba naik pangkat. Selepas itu pergi mahkamah yang tinggi, tidak buat alasan penghakiman. Ini berlaku. Semua orang tahu.

Jadi saya rasa tidak bercadang untuk bercakap panjang lagi, cuma sebagai penutup saya ingin menyatakan bahawa kita- saya hendak *quote* sebuah hadis Rasulullah SAW bahawa hakim ini ada tiga golongan... [Membaca sepotong hadis] Dua hakim yang akan masuk neraka iaitu hakim yang pertamanya tahu kebenaran tetapi tidak buat keputusan berdasarkan kebenaran. Satu lagi secara mudahnya, hakim yang tidak tahu langsung, tidak tahu undang-

undang, tidak tahu apa-apa, buat keputusan berdasarkan kejahilannya. Sudahlah bodoh, selepas itu tidak yakin pula... [Dewan riu]

Eh! Ini hakim yang umur... [Dewan riu] Yang kamu risau kenapa? Saya tidak sebut nama hakim. Memang hakim bodoh itu wujud. Memang ada hakim yang bodoh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Takkan sampai tahap ini, menghina institusi kehakiman.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Siapa cakap hakim bodoh tidak ada? Bukan hakim di Malaysia. Saya kata hadis... [Dewan riu]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hormatlah sedikit institusi. Takkanlah sampai tahap ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah, saya tarik balik 'bodoh'. Saya kata hakim jahil. UMNO ini kalau bodoh, dia marah. Jahil tidak marah, pada hal maknanya sama sahaja [Ketawa]

Hakim yang dikatakan hakim masuk neraka ialah hakim yang tidak tahu tetapi oleh kerana dia ada hubungan baik kerana dia ada kronisme, dia dilantik sebagai hakim. Dilantik sebagai hakim akhirnya buat keputusan sudah bercelaru. Hakim ini juga kalau dalam hadis, masuk neraka. Hakim yang masuk syurga hanya satu iaitu hakim yang mengetahui kebenaran dan *decide* kes berdasarkan kebenaran sebab itu hakim mestikan *judge a case without fear and favor*, tanpa gentar dan tanpa memihak. Kita tidak ada masalah kalah. Kita biasa kalah. Yang tidak biasa kalah di sebelah sana tetapi kita hanya boleh terima keputusan yang walau kita kalah tetapi betul-betul dibuat dengan penuh integriti.

#### ▪ 1500

Kita tidak boleh terima. Apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, saya rasa tidak perlu kita hendak cakap. Semua orang nampak. Hatta budak-budak pun akan tahu betapa keputusan yang melibatkan Yang Berhormat Permatang Pauh, memang kita rasa satu keputusan yang susah kita hendak terima. Ini kita tahu.

Sebab itulah saya dengan ini menyokong tetapi dalam masa yang sama saya meminta supaya Yang Berhormat Menteri tolong ambil apa yang saya sarankan itu supaya diambil kira dan juga dipertimbangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Pengerang. Selepas Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Permatang Pauh.

#### 3.00 ptg.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Pengerang menyokong kepada Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim 1971. Saya sebenarnya hendak mengambil kesempatan ini. Saya agak terpegunlah dengan perbincangan oleh Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat Bukit Gelugor sebab saya tengok cara mereka sebagai pengamal undang-undang seolah-olah hakim dalam negara kita ini jahat sangat, dahsyat sangat, berat sebelah sangat. Saya hendak cabar mereka. Kalau betul

dalam Malaysia ini hakim kita tidak bagus, kenapa jadi peguam? Berhenti sahajalah jadi peguam. Jadi orang politik sahajalah!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** Eh, duduk, Yang Berhormat Sepang. Saya tanya soalan Yang Berhormat Sepang tidak bagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hari itu saya bagi.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** Duduk Yang Berhormat Sepang! Duduk, duduk. Duduk, Yang Berhormat Sepang! Biar saya cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hari itu saya bagi. Hari itu saya bagi. Apalah! Bagilah!

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** Biar saya cakap. Duduk, Yang Berhormat Sepang! Duduk! Tuan Yang di-Pertua, bagilah peluang saya cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apa. Tidak apa.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** Dia sudah cakap. Satu jam dia cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya bagi Yang Berhormat Menteri lagi.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** Tidak akan tidak boleh cakap! Yang Berhormat Sepang ini, tidak akan Yang Berhormat Sepang seorang boleh cakap. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengerang, duduk. Duduk dulu, Yang Berhormat. Itu sebab tadi sebelum Yang Berhormat Sepang berhujah lebih lanjut, saya sebut, saya kata hati-hati kerana apabila kita sebut kehakiman, kita sebut profesion guaman ini, saya sendiri tersentuh kerana ada etiket tertentu. Jadi Yang Berhormat Pengerang, jika kalau nanti berhujah, *exercise control* sedikit. Begitu juga Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang, yang tadi kita dengar Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Beruas punya hujah. Saya tertarik dengan itu. Apabila ada tuduhan begitu, jangan takut. Keluarkan tuduhan itu jika kita membuat kebaikan. Jangan ada lapis-lapis kerana apabila lapis, seolah-olah tuduhan berniat jahat. Sila, sila Yang Berhormat Pengerang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit boleh, Yang Berhormat Pengerang?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak puji Yang Berhormat Kuala Selangor bila tadi dia bercakap tentang proses kehakiman. Kalau kita tengok dalam negara kita, proses pemilihan kehakiman dalam proses yang ada pada hari ini, dalam perlembagaan yang ternyata menunjukkan bahawa kita mengikut satu proses yang memang telah wujud. Kalau kita berkata dan kita menuduh konon-kononnya ada hakim yang berat sebelah, hakim yang tidak adil, hakim yang telah diarahkan seperti kata Tuan Yang di-Pertua, saya sokong. Cakaplah dalam Parlimen sebab dalam Parlimen ini Dewan yang mana kita cakap, kita tidak kena saman. Kita boleh cakap apa yang kita hendak cakap.

Akan tetapi cabaran saya kepada Yang Berhormat Sepang, terlebih kepada Yang Berhormat Sepang, sahabat saya yang saya cukup sayang ini, Yang Berhormat Sepang, cakap di luar. Kalau Yang Berhormat Sepang berani menuduh konon ada bukti, konon rakyat dengar, cakap di luar. Saya cabar Yang Berhormat Sepang cakap di luar dengan saya di sebelah kalau Yang Berhormat Sepang berani. Dia tidak berani, Tuan Yang di-Pertua. Dia cakap dalam Dewan sahaja. Dia cakap pun gantung-gantung.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** Sebab inilah cara wakil rakyat daripada Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh? Tercabar saya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** *My floor.* Saya sudah cakap. Tanyalah Speaker.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya nak jawab.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** Boleh tidak saya sambung? Saya tidak setuju. Yang Berhormat Sepang sudah cakap satu jam, Yang Berhormat Sepang. Biarlah Barisan Nasional cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya cakap, saya bagi peluang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** Saya ada hak. Saya ada hak. *You have your right, I have my right. This is my floor.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam perkara ini, saya hendak sebut tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor pasal bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Dato' Mohd Noor.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Berjalan keluar Dewan]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. [Pengerang]:** Konon-kononnya, eh, Yang Berhormat Sepang hendak keluar Dewan pula, Yang Berhormat Sepang? Tidak apalah. Tidak apa, tidak apa keluar Dewan. Nanti kita pergi minum kopi. Mantan Hakim Mahkamah Rayuan, Dato' Mohd Noor kononnya dituduh dalam aspek kononnya bercakap atas suara PERKASA. Kononnya bercakap dalam suara yang kononnya sumbang-sumbang. Saya hendak mempertahankan beliau, Tuan Yang di-Pertua. Dato' Mohd Noor tidak bercakap tentang politik.

Apa yang beliau cakap kalau kita tengok daripada laporan akhbar ataupun kita tengok daripada laporan *online*, Dato' Mohd Noor menyebut tentang proses pemilihan hakim. Dato' Mohd Noor memberikan keterangan sebagai bekas hakim. Tidak adanya mana-mana dalam bahasa dengan izin *influence* yang dibuat oleh kerajaan hari ini kepada hakim dalam memutuskan kes Yang Berhormat Permatang Pauh. Itu yang Dato' Mohd Noor cakap. Tidak bererti bila dia bercakap sedemikian, kononnya dia bercakap menyokong politik. Dia bekas hakim. Dia memberitahu tentang proses memilih hakim, proses pelantikan hakim, proses yang mana hakim ini tidak boleh dituduh sebagai berat sebelah.

Ini kerana kalau kita tengok kes Yang Berhormat Permatang Pauh, dalam kes Mahkamah Tinggi, Yang Berhormat Permatang Pauh didapati tidak bersalah. Tidak pula wakil rakyat kata Hakim Mahkamah Tinggi itu salah. Akan tetapi apabila Mahkamah Rayuan berkata bahawa

keputusan itu tidak betul dan Yang Berhormat Permatang Pauh itu salah, kemudian kononnya hakim-hakim Mahkamah Rayuan yang ada tiga orang ini kononnya hakim ini semua berat sebelah. Kononnya hakim inilah diinfluence dalam bahasa dengan izin. Kononnya.

Jadi hakim Dato' Mohd Noor sebagai bekas Hakim Mahkamah Rayuan menerangkan tentang proses pelantikan yang ada dalam Perlembagaan. Bererti Tuan Yang di-Pertua, apa yang beliau itu dia boleh cakap benda yang betul. Kemudian yang dia cakap itu keluar surat khabar. Kalau betullah semua orang marah kepada Dato' Mohd Noor, saya minta Yang Berhormat Bukit Gelugor saman sahajalah Dato' Mohd Noor. Saman sahaja! Saman fitnah, saman malu. Tuduh dia macam-macam. Dato' Mohd Noor berdiri, berani. Saya baru cakap telefon dengan beliau. Saya tanya dia betullah Datuk sebagai bekas hakim buat benda-benda yang boleh dilihat kononnya menggambarkan satu tindakan yang tidak elok bagi bekas hakim. Dia beritahu saya tadi, dia kata dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *anytime* dia boleh datang ke Dewan, ke luar Dewan jumpa dengan Ahli-ahli Parlimen pembangkang. Tidak ada hal untuk menerangkan kebenaran apa yang dia cakap.

Ini kerana dia hendak menerangkan bahawa tidak akanlah Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib dok angkat telefon, telefon tiga orang hakim, *"Hah, masukkan Yang Berhormat Permatang Pauh dalam penjara. Hah, masukkan Yang Berhormat Permatang Pauh. Ramai-ramai penjara."* Eh, senangkan Perdana Menteri hendak telefon Hakim Mahkamah Rayuan. Tiga orang hendak telefon. Tiga-tiga boleh bagi cerita lain. Akan tetapi dalam perkara ini, kalaulah bekas hakim menerangkan tentang proses bahawa tidak adanya unsur yang boleh dilihat sebagai tekanan tersirat ataupun tersurat, bererti Dato' Mohd Noor ini secara tidak langsung membela proses kehakiman, pelantikan hakim dalam negara kita.

Jadi pembelaan ini kita patut puji. Kemudian Yang Berhormat Bukit Gelugor cakap dia kononnya penasihat PERKASA. Ya, dia Penasihat PERKASA Negeri Sembilan. Saya tanya, dia beritahu saya. Sebagai bekas hakim, dia sebagai penasihat menerangkan tentang proses interpretasi undang-undang Perlembagaan berkenaan dengan definisi kaum dalam negara Malaysia. Ini kerana dia telah ditugaskan untuk menerangkan tentang konsep 1Malaysia, 1Malaysia ini ialah konsep yang mana menggambarkan tentang kewujudan pelbagai bangsa dan agama dalam negara Malaysia. Itu dia sebagai bekas hakim menawarkan diri dia. Bukan mengatakan Dato' Mohd Noor masuk PERKASA, penasihat PERKASA bererti bekas hakim itu ialah seorang individu yang rasis. Dia tidak bertemakan kepada rasisme. Dia menerangkan tentang Perlembagaan dalam aspek perkauman.

Jadi bila Yang Berhormat Bukit Gelugor kata kita kena buat undang-undang supaya melarang hakim bercakap selepas pencen. Tidak jadi hakim, tidak boleh bercakap. Saya hendak cakap dekat Yang Berhormat Bukit Gelugorlah. Saya terperanjat hari ini yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor yang mana Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohamad Ariff Mohd Yusof terang-terang calon PAS, terang-terang jawatankuasa dalam PAS, terang-terang hari ini masih menjadi Hakim Mahkamah Rayuan.

Kalau betul Kerajaan Barisan Nasional mengawal hakim, kenapa kita tidak buang Datuk Ariff? Buang sahajalah. Kenapa kita tidak buang? Tidak kita ada kuasa untuk menggunakan proses yang ada untuk buang beliau kerana beliau berbaur PAS, berbaur pembangkang [*Tepuk*] Tidak kami buang. Kami tidak buang. Kita terima. Kita terima sebab kita tidak takut kepada unsur politik mereka. Kita bercakap atas kebenaran. Kalau dia hakim, dia buat kerja yang baik macam Tuan Yang di-Pertua, tidak akan kita hendak marah Tuan Yang di-Pertua? *What is right is right. What is wrong is wrong. Facts speak for itself.* Dalam perkara ini seolah-olah bila hakim itu Barisan Nasional, keputusan hakim semua jahat. Bila hakim itu berbaur PAS, keputusan semua terbaik. Yang lebih rasis dan berat sebelah ialah pembangkang dan bukan Barisan Nasional. Pembangkanglah sebenarnya yang rasis menuduh seolah-olah bila bercakap tentang UMNO dan Barisan Nasional, orang itu kononnya jahat. Kami ini semua jahatkah?

■1510

Kalau kami jahat, kami tidak menang kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab rakyat menilai kami kerana dia tahu kami bekerja [*Tepuk*] Tidak macam itu datang undi sebab menipu rakyat. Hari-hari cerita bohong, hari ini bercakap fasal hakim pun, wah! 112 *point* surat layang. Tuan Yang di-Pertua, siapa boleh bertindak atas surat layang? Surat layang ini hari-hari orang boleh hantar surat layang. *Hand phone* ini Tuan Yang di-Pertua SMS layang pun lagi banyak. Kalau betul hakim itu percaya bahawa 112 *point* itu dia ada buat laporan polis. Laporan kepada Jawatankuasa Pelantikan Hakim dan sebagainya. Macam-macam boleh buat tetapi setakat baling batu sembunyi tangan Yang Berhormat Sepang menuduh seolah-olah, wah! hakim kita ini tidak adil, berat sebelah. Bagi saya ini tindakan dayus. Kalau betul 112 *point* yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang itu ada, kalau betul dari segi fakta buat tindakan. Kita ada *rule of law*, proses undang-undang, kita boleh buat tindakan, kita boleh buat tuntutan, banyak yang boleh kita buat.

Itu sebab bagi saya bercakap atas 112 *point* kononnya kita Barisan Nasional tidak bertindak, kononnya berat sebelah. Bagi saya tidak patut Tuan Yang di-Pertua. Menuduh Kerajaan Barisan Nasional kononnya tidak menghormati dengan izin, *separation of power*. Hari ini kita berada dalam Dewan Parlimen disebabkan oleh sistem *separation of power*. Kita ada eksekutif, kita ada *legislation* dan kita ada *judiciary*. Amerika Syarikat Tuan Yang di-Pertua, *Supreme Court Judges* dilantik *nominated* dengan izin, *by President of United State- appointment* melalui sistem *Senate*. Hakim mereka terang-terang mewakili parti politik, dia lantik, Obama lantik dua, tiga hakim mewakili demokratik parti. Negara yang mengamalkan...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Pengerang boleh mencelah Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Saya hendak cakap tidak ada chance hendak cakap. Negara yang mengamalkan...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *Separation of power* Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Demokrasi di dunia Amerika Syarikat...



**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Pengerang *point separation of power* boleh tidak?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** *Supreme Court Judge* melalui proses yang ditentukan dalam Perlembagaan Amerika Syarikat. Bererti boleh dilantik melalui sistem politik. Presiden Amerika Syarikat boleh melantik sesiapa yang dia berkenan untuk menjadi *Supreme Court Judge*. Tidak ada hal. Kita tidak ada lantikan macam itu, mana ada kita punya lantikan sistem, orang UMNO dilantik, orang PAS dilantik, orang Keadilan dilantik, orang DAP dilantik, tidak. Proses kita proses kehakiman. Kalau dia berbau kepada politik itu hak peribadi.

Akan tetapi yang saya hendak buat analogi ini Tuan Yang di-Pertua ialah Amerika Syarikat. Negara yang mengamalkan demokrasi terbuka. Dalam hal Amerika Syarikat saya hendak tanya pada Menteri hari ini ya. Kepada Menteri Undang-undang, kenapa tidak Peguam Negara jadi Menteri Kabinet, kenapa tidak? Kenapa kita membezakan Peguam Negara dengan Menteri Undang-undang? Kalau kita adalah kerajaan biarlah Peguam Negara itu mewakili wakil rakyat dan juga mewakili lambang kepada parti politik. Saya hendak minta kepada Menteri dalam perkara ini terang-terang kita tengok negara-negara di dunia Amerika Syarikat. *Attorney General* dia orang Kabinet maknanya dia orang kerajaan, orang parti. *United Kingdom* dia punya *Attorney General* pun boleh dilihat sebagai orang parti, maknanya parti *labour* kah ataupun parti konservatif yang menang pilihan raya di *United Kingdom*. Dia berhak melantik *Attorney General* yang pro kepada parti politik.

Mungkin tidak tahulah di sini mana-mana yang ada latar belakang peguam boleh dilantik menjadi *Attorney General* merangkap Menteri Undang-undang seperti Menteri Undang-undang kita pada hari ini. Kalau kita tengok pada negara tidak dibezakan di antara Peguam Negara dengan politik berbau kepada kepimpinan negara pada masa itu. Jadi kenapa di Malaysia kita harus membezakan? Jadi bila kerajaan ataupun melalui *Attorney General* tidak bertindak Peguam Negara kita dituduh Peguam Negara bias dengan izin. Akan tetapi bagi saya kalau dituduhnya Peguam Negara bias tukar, sistem kita hari ini Menteri Undang-undang merangkap Peguam Negara, apa hendak takut.

Jadi saya ucap tahniah kepada kita punya Peguam Negara yang sementara dilantik dalam kes Yang Berhormat Permatang Pauh, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah. Saya cukup kagum sebab dia menggambarkan bahawa kebolehan seorang individu itu dalam proses yang ada dilantik menjadi mewakili negara melalui sistem Peguam Negara. Kita tengok kes Datuk Dr. Cyrus Das pernah dilantik menjadi pendakwa raya yang dilaporkan dalam kes *public prosecutor* melawan Otavio Quotoroci pada tahun 2003. Jadi dalam perkara ini pelantikan ini tidak pernah dilihat sebagai pelantikan yang janggal. Pelantikan ini dilihat sebagai satu pelantikan yang pernah berlaku. Jadi dalam perkara ini saya sebut pada Hakim Mahkamah Rayuan, Dato Arif. Saya punya pandangan peribadi saya bahawa dia berbau PAS tidak dilihat sebagai sesuatu yang mencabar.

Jadi dalam kes ini kita tengok kepada bekas pemimpin kehakiman kita iaitu Tun Salleh Abas dia jadi wakil rakyat selepas itu. Selepas dia menjadi hakim dia menjadi kepimpinan hakim negara dia menjadi wakil rakyat. Kita tidak pernah menghalang. Jadi saya tidak bersetuju kalau Yang Berhormat Bukit Gelugor beritahu di dalam Dewan ini kita perlu menghalang. Hakim manusia biasa Tuan Yang di-Pertua. Hakim mempunyai perasaan, hakim mempunyai sokongan. Kalau dia hendak bercakap selepas dia menjadi hakim itu taraf *prerogatives* dia dengan izin. Macamlah Menteri, macam saya jadi Menteri dahulu sekarang tidak jadi Menteri, saya hendak jadi apa pun saya boleh jadi, tidak ada hal, siapa kata tidak boleh.

Akan tetapi saya agak kagumlah di Selangor GM kepada PKNS lepas sudah tidak ada jawatan PKNS dia jadi CEO kepada syarikat yang terlibat dalam pembangunan di Singapurakah kalau tidak silap yang berbau-bau pada negara luar- dahsyat. Jadi dalam perkara ini tidakkan kita hendak halang bekas hakimkah, bekas Menterikah, bekas doktorkah hendak mencari rezeki, itu hak dia. Jadi kalau dalam permohonan ini yang dibuat rang undang-undang yang dibuat oleh Menteri berkenaan memberi duit pencen dan sebagainya. Kita menyokong kerana kita menerima hakikat ada pula hakim-hakim yang bila dia pencen ataupun bila dia sudah bekerja dia tidak mahu melibatkan diri dalam apa-apa industri. Mungkin dia hendak duduk rumah jaga cucu, jaga anak dan sebagainya, hendak main golf, hak dia. Akan tetapi kepada individu yang lain itu tidak boleh menggambarkan sistem yang mendiskriminasikan individu untuk mencari rezeki.

Kalau individu itu masih berupaya hari ini Tuan Yang di-Pertua walaupun umur pencen 65 tahun banyak orang lagi muda sekarang. Makin tua makin muda, makin tahun ini lebih lagi *advance* teknologi perubahan dan sebagainya dia menjadi muda. Kalau dia memikirkan dia boleh mengajar, dia boleh bercakap, dia boleh bekerja, dia boleh jadi penasihat. Kenapa Dewan Parlimen perlu menghalang? Kenapa kerana dia hakim kita melihat seolah-olah ini satu individu yang begitu dalam keadaan yang penekanan saya kenyataannya seolah-olah jijik dari segi politik, seolah-olah jijik dari segi kejayaan. Bagi saya itu satu kenyataan yang cukup tidak baik. Kita kena memberi mereka peluang. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan tentang proses pemilihan hakim dalam negara kita. Bagaimana proses itu begitu ketat, individu yang disalurkan nama supaya menunjukkan sistem hakim pada hari ini satu sistem yang lebih terbuka.

Jadi dalam perkara itu saya mintalah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor itu perlu kita tolak kerana menggambarkan seolah-olah bila hakim bercakap hakim bercakap sesuatu yang tidak baik. Saya tidak begitu bersetuju...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Silakan.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Berkenaan dengan hak seorang hakim ataupun seorang pegawai tinggi di kementerian lain, ini rezeki saya tidak ada masalah. Akan tetapi bukankah dia penting kita pun timbangkan *balancelah* dengan apa kesan dia atas kapasiti kementerian itu memantau bidang yang berikut. Kita kena *balance*. Kadang-kadang jika dia ambil satu jawatan dalam sektor swasta

mungkin dia boleh *undermine* prestasi kementerian dia sendiri, itulah isu dia. Jadi adakah kita boleh buka luas-luasnya di bilik kerja di mana-mana pun tidak ada halangan ataupun ada halangan. *You* boleh pergi mungkin ajar, *you can give an experience* orang lain tetapi jika kerja *you undermine* kementerian yang dahulu *you* jadi ketua itu, itu kena disekat. Itu soalan saya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Hari ini perbahasan kita berkenaan dengan kehakiman bukan berkenaan dengan individu yang bekerja dengan kerajaan. Akan tetapi saya boleh jawab secara umum menyatakan bahawa kita tidak boleh mengamalkan pendekatan untuk menghalang. Jangan kita ambil analogi bekerja kalau katakan orang itu dia hendak menambah cawangankah dia hendak buat apa pun itu hak dia, kita tidak boleh sebab kita ini negara yang memberikan penghormatan kepada mereka. Jadi saya merasakan bahawa dalam perkara ini terpulanglah. Jadi kalau elemen *tend among to biasness* dengan izin konon-kononnya akan berkelakuan bias dan sebagainya. Bagi saya kita hendak kawal agak susah ya. Kadang-kadang pensyarah pun bila sudah pencen macam-macam yang dia akan buat. Kalau kita tengok pun dalam hal ini, benda ini agak menyeluruh open dengan izin. Jadi saya punya *point* yang paling *last* sekali Tuan Yang di-Pertua. Saya...

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Sila.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Pengerang sekiranya benar campur tangan kerajaan dalam kes-kes yang saya ingin nyatakan ini. Sebagai contoh tarikh 9 Januari 2012 mahkamah telah memutuskan Yang Berhormat Permatang Pauh tidak bersalah meliwat Saiful Bukhari.

#### ■1520

Pada 28 Februari 2012, mahkamah telah memutuskan Yang Berhormat Permatang Pauh menang saman fitnah terhadap Papa Gomo. 25 Februari 2014, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin menang saman fitnah terhadap TV3. 5 Mac 2014, Datuk Husam Musa menang saman terhadap Blogger UMNO, Faisal Rohban kerana artikel fitnah. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut tadi bahawa ini menggambarkan tentang proses kebebasan kehakiman yang berjalan kerana saya yakin kalau kita tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat, kita boleh merayu kepada proses yang ada pada hari ini.

Jadi sebenarnya saya berdiri di sini untuk memberikan kesahihan dan keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan hari ini, Kerajaan Barisan Nasional tidak langsung, kata orang menggambarkan tindakan untuk menghasut ataupun memaksa ataupun dalam bahasa orang putih, *putting undue pressure* dengan izin. Seperti yang dikatakan sahabat saya, Yang Berhormat Kuala Selangor kita juga pernah tengok kes yang mana wakil rakyat pembangkang ataupun individu yang berbaur pembangkang menang kes.

Jadi dalam perkara in, *balancing* itu ada, dengan izin. Jadi ini bermakna tidak boleh kita rata-rata mengikut sedap mulut, celopar, kita main tuduh setakat tuduh. Oleh sebab bagi saya, kalau itu yang kita kata hari ini perbincangan perbahasan tentang hakim sesuatu yang serius Tuan Yang di-Pertua, kalau betul ada hakim yang telah konon Yang Berhormat Beruas kata dipindahkan, diletakkan *cold storage* sebagai hakim nombor satu di Perak, saya sendiri agak terperanjat. Kalau inilah betul, cakap di luar, perlu kita siasat, perlu kerajaan siasat, perlu wujudnya kata orang suruhanjaya diraja dan sebagainya. Oleh sebab jangan sebarang-sebarang cakap, tuduh dalam Dewan Parlimen ini kerana kita ada kebebasan. Oleh sebab kalau kita kata hakim itu kononnya telah mendapat panggilan telefon kerana diarah dan sebagainya, tunjuk bukti. Tunjukkan bukti bahawa ini telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional melalui individu.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya mengambil kesempatan bahawa saya minta tolong kepada sahabat-sahabat saya daripada parti pembangkang- kalau marah nyamuk, jangan bakar kelambu. Oleh sebab dalam perkara ini, *fact is fact, justice delayed, justice denied*. Apa yang penting soal hakim ini boleh membantu hakim supaya lebih proaktif dan kata orang senang melaksanakan tugas.

Jadi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan harapan saya dalam perkara ini, kita mesti bersama-sama sentiasa membela dan saya mencabar kepada pembangkang, kalau berani dia cakap, cakaplah di luar, saya boleh duduk dan berdiri di sebelah dia. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, Yang Berhormat Pengerang menyokong. Terima kasih.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

### 3.22 ptg.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dalam soal ini memang terpanggil untuk sama-sama berbahas dan Ahli-ahli Parlimen daripada UMNO, Barisan Nasional tidak perlu bimbang sebab apa yang saya sebut di sini saya akan sebut di luar *[Tepuk]* Walaupun tidak dilaporkan TV3, memang dilapor. Memang beberapa kali sudah disebut di luar.

Ini prinsipnya, hendak mempertikaikan hak Ahli Parlimen, bahas hakim atau keputusan kehakiman itu tidak munasabah kerana kita punya tanggungjawab dan ini prinsip undang-undang diterima, *trite law*. Kalau Ahli Yang Berhormat yang kononnya peguam sudah lupa mungkin kerana kadang-kadang peguam UMNO ini tidak perlu bekerja banyak, dia pakai kontrak dokumen sahaja. Ada bakun projek, dapat beratus juta, tidak perlu lawan dan itu beza dia.

Akan tetapi kalau Lord Denning, saya hendak *quote* Tuan Yang di-Pertua, "...*the right of every man, in Parliament or out of it, in the Press or over the broadcast, to make fair comment, even outspoken comment, on matters of public interest. Those who comment can deal faithfully with all that is done in a court of justice.*" Apa prinsipnya di sini ialah asalkan hujah itu berasas,

tidak melampau, tidak berunsur fitnah maka kita berhak untuk mempertikai *conduct* hakim. Ini yang disebut. Di dalam dan di luar mahkamah perkara ini bukan baru. Kita hendak kata kesemua hakim tidak layak, tidak benar. Kita hendak mempertahankan seperti mana yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dalam perbahasan bahawa sistem kehakiman ini memang tunggak dan tidak boleh dipertikaikan, *separation of power*, ini dia dari mana, dari pulau mana, dari *Mars*. Perbahasan ini bukan baru.

Saya masih ingat semasa dalam mesyuarat Jemaah Menteri, Datuk N.H. Chan pada masa itu *Court of Appeal* membuat satu kecaman kuat terhadap badan kehakiman dan rumusannya *something is rotten in the house of Denmark*. Itu *quoting Shakespeare*. Akan tetapi *house of Denmark* pada masa itu *Civil Court* di Malaysia. Maka beberapa orang, kami merasakan ini kecaman kuat. Kita selalu memikirkan ahli politik dan Jemaah Menteri tidak perlu campur. Akan tetapi pada masa itu, saya mengambil inisiatif Tuan Yang di-Pertua untuk meletakkan seluruh keputusan *judgment* kehakiman itu di meja setiap menteri untuk menunjukkan bahawa ada kelemahan besar apabila hakim kanan menyerang badan kehakiman kerana terlibat dalam unsur rasuah dalam kes Anwar *versus* Ayer Molek, *Rubber Estate*.

Walaupun akhirnya ini menyebabkan Ketua Hakim Negara pada masa itu, Tun Mohd Eusoff Chin menyerang hakim berkenaan. Akan tetapi kita tahu akhirnya Tun Mohd Eusoff Chin itu terlibat dalam skandal V.K. Lingam, *correct, correct, correct*. Dia bukti. Ini melibatkan Ketua Hakim Negara dan ada orang mengatakan *there is nothing wrong with our system of justice*. Ada baik keputusan, ada yang tidak baik keputusan. *There is something rotten in the system of justice*. Ini yang dipertikaikan.

Siapa yang boleh mempertikaikan keputusan suruhanjaya mengenai V.K. Lingam? Yang masih lagi bebas, tidak ada tindakan. Ada cadangan khusus oleh Mantan Hakim dan jawatankuasa yang tidak ada tindakan. Bagaimana kita hendak mempertahankan tidak ada apa-apa masalah atau kelemahan? Ini saya rasa sesuatu sikap yang keterlaluan, yang tidak mepedulikan tonggak perlembagaan kerana asalkan kedudukan kita terkawal dan dipertahankan.

Banyak kes-kes yang dibawa tetapi yang penting dan kita harus tekankan di sini ialah keyakinan kepada institusi. Perlembagaan memperuntukkan badan kehakiman yang bebas dan apa lagi sandaran seseorang yang tertuduh? Ya, betul orang di sebelah sana fikir mereka itu terlepas kesemuanya kerana dilindungi kuasa tetapi kita belum tentu, kita mungkin dihadapkan di mahkamah. Kata Tun Suffian, mantan Ketua Hakim Negara melihat kepada kepincangan, kebobrokan sistem dan badan kehakiman pada masa itu, apa dia kata? Kalau sayalah dituduh, saya minta elaklah janganlah saya dihadapkan di hadapan hakim-hakim yang ada. Itu kata Mantan Ketua Hakim Negara. Bukan orang politik. Saya tidak tahu. Setakat yang saya tahu dia tidak pernah menganggotai mana-mana parti politik tetapi ini suara dia.

Kenyataan Tuanku Sultan Azlan Shah berulang kali tentang kebimbangan baginda, persepsi terhadap badan kehakiman yang mungkin terjejas. Tuanku Sultan Azlan bekas Ketua Hakim Negara tentunya lebih teliti untuk tidak membuat kenyataan longgar tetapi kalau Tuanku

Sultan Azlan menyatakan tentang kebimbangan kerana menularnya persepsi bahawa badan kehakiman itu kian tercemar, sekurang-kurangnya bagi kita ambillah langkah. Mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi kemudian membicarakan soal beberapa langkah *reform* tentunya kerana kenyataan ini. Berbeza dengan laungan beberapa Ahli Parlimen Barisan Nasional, seolah-olah tidak ada masalah langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi tentang keyakinan masyarakat awam yang bukan baru. Saya akui kerana perkara ini juga dibangkitkan pada masa saya masih dalam kerajaan. Oleh sebab itu saya bawa keputusan Datuk N.H. Chan ke Kabinet yang sebenarnya bukan perkara biasa dilakukan tetapi kerana mereka anggap keteguran itu keras dan ia menyentuh secara tidak langsung kedudukan sistem dan tunggak perlembagaan negara, maka kita hebahkan.

■ 1530

Kemudian, bangkit soal penyingkiran hakim-hakim. Maka ini disebut tentang terhakisnya keyakinan, *public confidence in the judiciary started to slide when the executive comments is attack* pada masa itu terhadap *judiciary*. Jadi bukan perkara yang aneh.

Pada masa dahulu, *executive* sendiri, Perdana Menteri dan juga Menteri menyerang hakim-hakim dan saya sebut tadi tentang Ayer Molek kes ini yang disebut di Mahkamah Rayuan memberi gambaran kes; *“Give the impression to right thinking people that litigants can choose the judge before whom they wish to appear for their case to be adjudicated upon”*. Ini *court of appeal* bukan kenyataan pembangkang.

Walaupun sebelum tadi saya sebut Ketua Hakim Negara pada masa itu Tun Mohd Eusoff Chin kemudian menyanggah keras tetapi kita tahu kewibawaan Tun Mohd Eusoff Chin dalam kes dengan VK Linggam. Sewaktu dia berakhir di mana, bila dia bersara? Dari pintu belakang tanpa jamuan perpisahan hilang begitu sahaja, ada sebabnya. Ini kerana keyakinan tidak ada terhadap kewibawaan-kewibawaan beliau.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, boleh sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Permatang Pauh kerana ada satu artikel yang ditulis oleh Yang Berhormat Permatang Pauh semasa dalam perjalanan ke London baru-baru ini di mana Yang Berhormat Permatang Pauh mengungkapkan kata-kata seorang ambassador ataupun Duta Amerika ke Jepun, Caroline Kennedy.

Yang Berhormat Permatang Pauh mengungkapkan itu di peringkat awal artikelnya dengan menyatakan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *“The bedrock of our democracy is the rule of law and that means we have to have an independent judiciary, judges who can make decisions independent of the political winds that are blowing.”* Jikalau diteliti dari segi sejarah, kes-kes yang membabitkan Yang Berhormat Permatang Pauh kerana saya fikir di pihak kerajaan tadi kita dengar mengatakan terdapat banyak kes yang kononnya ingin melihat bahawa hakim tidak *bias*, mereka yang bukan kerajaan atau pembangkang juga menang.

Akan tetapi kalau diteliti hakim, hakim yang terlibat dengan kes Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri misalnya pada kes terdahulu kita lihat pada tahun 2003. Tiga hakim yang terlibat dalam perbicaraan kes fitnah yang pertama telah dinaikkan pangkat. Dua hakim Mahkamah Tinggi Augustine Paul dan Arifin Jaka adalah antara empat hakim Mahkamah Tinggi yang dinaikkan pangkat menjadi Hakim Mahkamah Rayuan. Hakim Mahkamah Rayuan, Pajan Singh Gill yang menolak permohonan ikat jamin Yang Berhormat Permatang Pauh juga dinaikkan pangkat menjadi hakim di Mahkamah Persekutuan.

Adakah ini senario-senario yang membina bahawa *it is not independent judges that are blowing* yang menunjukkan dari segi persepsi bahawa mahkamah kita bertindak bebas asalkan kes yang membabitkan beberapa tokoh misalnya Yang Berhormat Permatang Pauh yang selalu kita sebutkan *selective prosecution* ataupun *selective judgement*. Itu dilihat cenderung untuk tidak meletakkan agenda ataupun prinsip keadilan itu mengatasi segala-galanya. Mohon penjelasan Yang Berhormat Permatang Pauh?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukannya badan kehakiman, sistem bobrok ini mudah kalau orang itu ahli politik biasa hendak jadi senator serang Anwar Ibrahim [*Tepuk*]

Kalau dia hendak dapat anugerah pun serang Anwar Ibrahim sebab itu kadang-kadang dalam kalangan *backbenchers* terutama saya tidak ada dalam Dewan, berebut untuk menyerang saya, dapat perhatian, naik pangkat [*Tepuk*] Ini bukan satu kalau Tuan Yang di-Pertua kata bagi nama, saya boleh bagi lima, enam kes-kes yang sedemikian... [*Dewan riuh*] Malah, Duta Besar pun boleh, Duta Besar. Orang kecil yang jadi Duta Besar semata-mata kerana hebatnya menyerang Anwar Ibrahim, diucap tahniah serta bobrok orang-orang begitu yang mampu berbuat.

Akan tetapi saya sebut tadi untuk respons kepada rakan saya tadi iaitu tentang apa yang disebut peringatan Tuanku Sultan Azlan Shah. Soal kehadiran hakim dan mahkamah itu tidak memberi makna. *It is their quality, their independent and their powers that matter*. Ini bila Baginda mengaitkan tentang persepsi awam, sebab kata Tuanku, "*Beta mengakui here has been some disquiet about our judiciary over the past few years and in the more recent past. In 2004, I had stated that it grieved me, having been a member of the judiciary, whenever I heard allegations against the judiciary and the erosion of public confidence in the judiciary*" Ketua Hakim Negara dan Sultan Perak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempertahankan seperti mana dilakukan seolah-olah badan kehakiman itu bebas daripada segala celaan tidak benar. Dalam satu sidang Majlis Raja-Raja Melayu, Tuanku bangkit persoalan mempertikaikan calon yang dibawa oleh Perdana Menteri. Pelantikan kenaikan pangkat seorang hakim Mahkamah Rayuan. Saya yang mewakili Perdana Menteri pada masa itu mengatakan, prosesnya itu keputusan Perdana Menteri, minta Tuanku perkenankan. Tuanku pada masa itu jawab, bukan soal proses tetapi soal keterangan dan bukti yang dikemukakan kepada Raja-Raja Melayu tentang hakim berkenaan yang terlibat dengan rasuah besar.

Maka tertangguh keputusan itu, tetapi dalam mesyuarat berikutnya Perdana Menteri masih menegaskan mesti angkat maka naiklah hakim itu menjadi hakim Mahkamah Rayuan dan nasib saya baik pula bahawa saya terpaksa berhadapan dengan beliau dalam kes saya, Mahkamah Rayuan memang *guarantee* kalah punya. Mana hendak boleh jamin bila kes itu sampai dalam keadaan begitu dan kita anggap *administration of justice will not be compromise* tidak mungkin, Tuan Yang di-Pertua.

Baik, bangkit tadi semasa Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua hadir tadi saya dengar di atas, nama saya berulang kali dibangkit, ditanya dan seolah-olah tidak ada kes sanggahan di antara hakim-hakim sebelah sana selepas ini. Ada yang bertanya mana dia bukti 112 kes kecurangan atau kelemahan atau kesalahan hakim-hakim. Ini saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat buat *homework*lah sedikit.

Ini surat hakim, surat hakim, Datuk Syed Ahmad Aidid kepada kerajaan, 112 tuduhan terhadap salah laku tindakan hakim-hakim bukan surat daripada Ahli Parlimen. Soal tutup tidak tutup soal lainlah, sampai lain tentu soal akhlak, soal bayaran RM50,000, RM100,000, jutaan dan sebut nama-nama yang berkaitan, tidak ada tindakan. Kita juga tahu tentang kes Ketua Hakim Negara bercuti dengan peguam V.K. Linggam dan menteri pada masa itu mengakui ada salah laku tetapi tidak ada tindakan. Tadi Yang Berhormat Sepang bangkitkan soal hakim Kamil Ahmad sebab Tuan Yang di-Pertua minta dinamakan dan ini disebut oleh Majlis Peguam bila tindakan diambil begitu rupa dalam kes *Likas a front to judicial integrity and independence all the learned judge and the rule of law*. Akan tetapi ini sejarah seperti mana ada jaminan daripada Mantan Perdana Menteri bahawa perkara ini tidak akan berulang. Akan tetapi seperti mana yang kita tahu, perkara ini berterusan.

#### ■1540

Saya hendak sentuh juga tentang kes yang dibangkitkan. Katanya ada kes saya menang, ada kes saya kalah. Saya tidak peduli kes menang kalah tetapi dalam badan kehakiman itu, mesti tengok fakta dan undang-undang. Bukan orangnya, bukan masalah dia menang dan dia kalah. Saya kebetulan dapat sampaikan kepada Yang Berhormat Arau yang tentunya tidak dapat mengikuti secara terperinci kes terbaru, pada yang lama pun, mengapa seluruh badan perundangan dalam negara, ulama' dalam negara dan luar negara, badan perundangan yang terkenal dan bebas mempertikai, dipertikaikan proses undang-undang dan fakta. Kita harus jawab proses itu dan fakta dan undang-undang. Bukan setakat *we have all the confidants in our judiciary. We have credible judges; we believe a separation of powers*. Cakap apa ini? Lihat kepada fakta.

Saya beritahu umpamanya dalam kes terbaru, tarikhnya 7 April hingga 10 April. Saya umum hendak bertanding Kajang. Pendaftar panggil peguam dalam tempoh segera minta tukar ke minggu depan 6 Mac atau 7 Mac. Peguam kata tidak sempat, tidak boleh, ada kes lain di Johor Bahru, kes bunuh. Pihak yang hadir Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Peguam. Hendak tetapkan tarikh ini bukan kerja hakim, melainkan di dalam *open court*, hanya *registrar*. Akan tetapi untuk kes ini, Hakim Mahkamah Rayuan datang dan bagi jaminan *all other case* kita tolak, *no*



*problem [Tepuk]* Baik, jadi 6 Mac dan 7 Mac sebab penamaan calon 11 Mac. Ini proses undang-undang. Ini tidak boleh dipertikaikan hak ditetapkan tarikh.

Tuan Yang di-Pertua, semua tarikh ditetapkan oleh hakim. Saya telah bertanya kepada pendakwa dan peguam bela. Tidak dalam kes ini, tarikh 7 April hingga 10 April di bawa ke hadapan kerana 11 hari bulan penamaan calon Dewan Undangan Negeri Kajang. Kemudian hendak beritahu ikut proses, boleh pertahankan. Kalau Yang Berhormat Arau kata tidak apa, saya bertanggungjawab kepada Allah SWT, tanggungjawablah tetapi tolong jelaskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kes yang melibatkan pertuduhan terhadap saya dengan semua dokumen dan fakta dan perubatan, semua diketepikan. Fail tebal ini saya telah dengar hujah hendak *over turn High Court decision*, dia boleh buat dalam satu jam. Ini rekod dunia. Okey, kita ada hakim-hakim yang cukup bijak dan berwibawa dan bukan ahli UMNO. Saya tidak tahu dia ahli UMNO atau tidak. Saya tidak mahu menuduh. Ada wawancara, ulang di luar. Enam kali sudah saya berucap di luar. Dia hendak hadap, hadap tetapi yang dia tidak boleh mempertikaikan ialah mengetepikan proses, mengetepikan fakta dan mengetepikan undang-undang. Saya tidak akan hujah soal kes khusus, tetapi saya hendak beritahu tanggungjawab Parlimen untuk tahu bahawa proses diketepikan.

Mengapa dalam kes Anwar hakim boleh kata, "*Ini circumstance yang berbeza*". *It's not individual*. Ini *principal of law* Tuan Yang di-Pertua. Tidak apa, saya ada, saya tahu saya ada sebulan, dua bulan lagi. Kalau begini trendnya pimpinan kerajaan dan badan kehakiman, saya akan jatuhkan hukuman lima tahun minimum. Mungkin Mahkamah Persekutuan akan menambah. Saya bersedia. Saya di London, ada kawan-kawan sana kata "*Anwar, sudah kamu tahu sudah hendak masuk penjara, balik buat apa?*" Saya kata saya ada tugas *[Tepuk]* Kalau mereka zalim begini, kalau mereka ingat zalim begini boleh terus menerus dan mengatakan kami bebas, tidak campur. Takkanlah Perdana Menteri hendak telefon, *you are completely ignorant or naïf or blatant relying to this House [Tepuk]*

Bukan saya cakap, Ketua Hakim Negara dalam kes LIKAS. Hakim beritahu Ketua Hakim telefon dia. *It is evidence in court*. Kemudian datang di sini katakan mana ada, mana mungkin.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak marah, saya *cool*. Pihak yang hendak masuk penjara saya, tetapi kalau inilah cara kita gunakan badan kehakiman secara perkakas dan pencacai kita dan hendak minta saya undur dan duduk di London, dia silap besar. Saya balik dan saya akan lawan habis-habisan *[Tepuk]* Kezaliman begini tidak boleh dibiarkan. Kawan-kawan saya sebelah sana kalau adalah sedikit, secebis rasa untuk pertahankan prinsip undang-undang perlembagaan, keadilan dan katanya akan bertanggungjawab depan Allah SWT, yang saya minta satu sahaja, pastikanlah dalam proses dalam undang-undang, dalam mengikut fakta, ikut. Kalau ikut dan hakim mengatakan buktinya terlalu kukuh tidak boleh jamin, ambil keputusan yang lain, saya tawakal. Akan tetapi kalau proses, fakta dan undang-undang tidak diikuti, jangan guna dan mainkan sentimen seperti ini.

Paling tidak kita baca keputusan badan kehakiman dan juga *respond*. Takkanlah semua pemerhati undang-undang boleh satu pendapat, semua sokong Anwar. Mesti ada alasan dia dan mereka kemukakan hujah. Dalam kes terbaru, Majlis Peguam bagi keterangan yang agak terperinci ikut *sequence* yang belum pernah berlaku. Kita baca, kalau kita tidak setuju kita hujah. Jangan pakai ke tepi dengan angkuh dan sombong. Ya, hari ini kita ada kuasa, esok belum tentu. Kalau kita fikir begitu Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya kalaupun kita benci dengan Anwar, tidak payah zalim dengan dia. Saya tidak boleh merayu orang supaya tidak benci dengan saya, tetapi saya boleh keras pertahankan mesti adil kepada kawan dan kepada lawan.

Ini yang saya pohon kalau membahaskan kerana saya tahu sikap sebahagian daripada hakim. Wataknya, wajahnya, marahnya, sentimen terlalu. Ya, mungkin kerana mereka menganggap kita gunakan berapa orang Ahli Parlimen dari Pakatan Rakyat yang mengkritik dan menyerang hakim. Kalau ini dijadikan hujah untuk balas dendam, maka dia tidak patut jadi hakim.

Tuan Yang di-Pertua menjadi Tuan Yang di-Pertua dengan segala kecaman dan teguran, tetapi duduk kerusi itu mewajibkan Tuan Yang di-Pertua menjadi Tuan Yang di-Pertua yang bebas, apatah lagi seorang hakim. Maka, sementara kami menyokong Rang Undang-undang Saraan Hakim kerana kita anggap ini suatu yang munasabah dan hakim, kami membantah keras tentang apa yang kita sebutkan sebagai *miscarriage of justice*. Saya mahu rekod perkara ini dengan jelas dan ada yang mencabar tadi suruh ulang di luar, kita sudah ulang banyak kali sudah, saya sudah sebut. Malam ini di Klang, *insya-Allah* saya akan ulang dengan lebih keras lagi apa yang saya sebut di Parlimen pada petang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam senarai yang saya diberi, Yang Berhormat Tanjong Karang.

### 3.49 ptg

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan akta ini.

#### ■1550

Saya dengar dengan teliti ucapan daripada Ketua Pembangkang mengenai kes beliau dan pihak sana menuduh *miscarriage of justice*, tidak ada keadilan. Akan tetapi saya lihat macam kes Ketua Pembangkang, kalau saya tak silap, hakim Mahkamah Tinggi yang mendengar kes Ketua Pembangkang, Datuk Zabidi kalau tak silap saya, hakim ini pun pada mulanya, peguam daripada Ketua Pembangkang memohon kepada mahkamah untuk *disqualifiedkan* hakim Mahkamah Tinggi ini. Tiga kali kalau tak silap saya permohonan ini dibuat. Sebab apa? Mungkin pada masa itu ada *suspicious* bahawa hakim ini mungkin hakim yang tak adil, mungkin hakim yang dituduh ada kaitan dengan politik dan sebagainya. Akan tetapi at *the end of the case* ini di Mahkamah Tinggi, kita dapati bahawa hakim yang pada mulanya cuba *didisqualifiedkan* oleh Ketua Pembangkang memberikan *judgement in favour* kepada Ketua Pembangkang.

Jadi saya lihat ada kes-kes yang dikaitkan yang menunjukkan bahawa seolah-olah kehakiman dalam negara kita ini tidak adil. Kalau hendak kira pun, mana...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Boleh sikit? Saya tak berbalah. Boleh sikit sahaja? Tidak hendak berbalah. Hendak jelaskan sikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tanjong Karang menyebut tentang permohonan kita untuk *disqualify* hakim, minta hakim itu undur. Memang benar, berdasarkan keputusan-keputusan pada ketika itu dan kita tidak berubah. Dalam *appeal* kita, kita masih bangkitkan yang sama. Umpamanya, dalam semua kes jenayah, semua keterangan dan bahan bukti diserahkan sebelum kes bermula. Okey? Bila kita pohon, barulah hakim kata, *yes*, kemudian dia kata, *no*. Jadi kita kata, kalau begini cara dia, hakim tidak berlaku adil. Maka kita buat permohonan.

Jadi atas alasan-alasan begitu dan memang kita pertahankan hujah itu. Soal dia buat keputusan akhir, itu soal lain kerana pada hemat kami, kalau dia betul-betul ikut, maka *defence should not had been caught*. Itu pendapat kita tetapi dia berbeza pendapat, soal lain. Soal dia melepaskan, itu betul. Akan tetapi saya hanya hendak menjelaskan pasal Yang Berhormat Tanjong Karang bangkitkan persoalan ini bahawa kita ambil tindakan berdasarkan keputusan yang dia buat pada ketika itu. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Ini soal keraguan. Bila kita ragu pada seseorang, ini akan menimbulkan suatu syak wasangka yang buruk, syak wasangka yang negatif. Nasib baik di Mahkamah Tinggi, hakim tersebut mendapati Ketua Pembangkang tak bersalah. Cubalah kata didapati Ketua Pembangkang bersalah. Sudah pasti, isunya akan diberitahu bahawa hakim ini memang tak adil, sudah tiga kali dah kami memohon supaya hakim ini ditukar kerana alasan-alasan yang telah diberi tadi. Ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, betapa adilnya mahkamah kita. Hanya bergantung pada fakta, dan di dalam proses mahkamah kita, kita ada kes-kes rayuan.

Saya hendak bagi tahu Ketua Pembangkang, kalau hendak kira individu hakim, kes liwat yang pertama, semua orang tahu. Mahkamah Tinggi dapati bersalah, boleh rayu Mahkamah Rayuan. Pergi Mahkamah Rayuan, tiga-tiga hakim Mahkamah Rayuan kata dia bersalah, rayu pula kepada Mahkamah Persekutuan. Daripada hakim Mahkamah Persekutuan, tiga dengar, dua kata tak cukup bukti, maka dibebaskan walaupun satu hakim kata didapati bersalah. Tujuh hakim dengar kes Ketua Pembangkang, dua sahaja kata dia tak bersalah. Lima lagi kata dia bersalah. Itu pun, dia bebas. Adakah ini tidak membuktikan bahawa mahkamah kita ini mahkamah yang adil?

Janganlah bila hakim membebaskan kita, kita kata hakim itu adil, hakim itu baik. Bila hakim mendapati kita bersalah, kita mencari ruang untuk kita hendak menyalahkan sistem kehakiman kita. Ini masalah kita. Kita sendiri yang menghina sistem kehakiman kita. Bagaimana orang lain hendak menghormati sistem kehakiman kita kalau kita sudah tidak percaya kepada sistem kehakiman kita? Saya percaya, negara kita tidak akan aman, orang tidak akan menghormati proses keadilan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, jangan kita ambil satu-satu contoh apabila kena diri kita. Saya ambil satu hakim. Ini hakim tadi yang saya pun dengar, yang bekas. Kalau kita tak adil- saya hendak ulang lagi. Ini hakim yang pernah menjadi calon PAS. Pernah menjadi calon PAS, Penasihat PAS tetapi apabila kes Nizar, isu Menteri Besar dibawa di hadapan beliau, beliau bagi pula alasan, “*Oh, tak boleh dengar kes*”. Betul, kita hormat. Kita hormat pada dialah sebab dia kata dia Penasihat Undang-undang PAS, dia pernah jadi calon PAS. Akan tetapi sebaliknya pula, melibatkan Nizar juga, bila Nizar saman TV3, dia jadi *judge* dalam Mahkamah Rayuan. Mengapa dia tidak mahu *disqualify* diri dia? Adakah ini satu amalan *double standard*?

Jadi kalau kita hendak pergi satu persatu ciri-ciri hakim ini, sampai bila pun kita tak boleh selesai. Jadi kita kena menghormati sistem kita. Jangan kita hendak mengambil kesempatan seolah-olah kita hendak menanam satu budaya- malam ini hendak pergi ke Klang pula lagi hendak berkempen. Kerana apa? Supaya hendak menaikkan semangat rakyat, supaya rakyat tidak percaya kepada sistem kehakiman kita. Ini satu tindakan yang cukup bahaya. Saya pun kalau hendak kira-kira, ragu juga.

Selalulah kita tengok kalau orang biasa, kalau didapati bersalah, kalau *pending case* kepada mahkamah, selalunya pasport dia kena *impound*. Pasport dia itu, apa ini *impound*? Dia tidak, di apa? *[Disampuk]* Ditahan. Akan tetapi pelik yang Ketua Pembangkang ini, tak ada ditahan pun. Tak ada ditahan, tak ada digari. Apa lebihnya Ketua Pembangkang? Kalau hendak kira ancaman yang diberi kepada negara kita, lebih bahaya bila dia tidak *impound* pasport dia, dia pergi luar negara. Kita mempertahankan kehilangan MH370, dia pergi hentam kita menggunakan media-media antarabangsa.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tak, nantilah. Dia ada di sana, jangan jadi peguam bela dia.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya boleh minta laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tak, dengar dulu. Ini, kalau hendak kira keraguan Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak kira keraguan kita, mengapa...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bagi laluanlah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tunggulah, saya akan bagi. Saya akan bagi, tunggu dulu. Tunggu dulu. Hendak bodek hendak jadi Timbalan itu kemudian. Ini kita hendak cerita betul.

Ini kalau hendak kira keraguan Tuan Yang di-Pertua, saya tengok keraguan kita ini kepada kes Ketua Pembangkang ini cukup luar biasa, luar biasa. Kalau ikut peraturan yang saya tahulah, apabila seseorang itu didapati bersalah, kalau dia tak dapat bayar bil, dia kena tahan dalam lokap. Tunggulah sampai hari Isnin. Bila bayar bil, baru boleh lepas. Akan tetapi Ketua Pembangkang dapat istimewa. Bil tunggu hari Isnin, dia boleh bebas. Dia tak boleh tidur dalam lokap. Kalau hendak kirakan keraguan, saya pun terfikir mengapa perkara ini begitu dapat istimewa kepada Ketua Pembangkang?

Kalau hendak kira peguam pun, saya pun ragu juga. Kes liwat yang pertama, Ketua Pembangkang telah mengambil *lawyers*, peguam-peguam yang cukup hebat. Pada masa itu, Raja Abdul Aziz bin Raja Addrusnya, Sulaiman Abdullahnya, Christopher Fernandesnya, Zainol Zakaria nya, Zulkiflee Nordinnya, dia pergi ambil mempertahankannya. Akan tetapi apabila kes liwat yang dua ini, tukar. Saya pun tak tahu, itu hak dia. Akan tetapi kalau kita kata yang kita ambil *lawyer* yang hebat-hebat, tetapi bila masuk kes liwat yang kedua tukar, ambil peguam Karpal Singh yang kita semua tahu bahawa Yang Berhormat Bukit Gelugor *and his family* yang menjadi peguam bela dia, yang kita semua tahu dan tadi juga telah dibangkitkan bahawa beliaulah yang mula-mula di dalam Dewan yang mulia ini membuat tuduhan. Pelik, ini pelik. Ini satu keadaan yang pelik.

Orang yang tuduh kita, dan kita ingat Yang Berhormat Bukit Gelugor juga masa itu bila Ummi Hafilda dengan Azizan ditahan oleh polis kerana terlibat dalam akuan sumpah, siapa yang jadi peguam bela Ummi Hafilda? Siapa yang menjadi peguam Azizan? Inilah Yang Berhormat Bukit Gelugor. Yang Berhormat Bukit Gelugor dalam Dewan pun dia tuduh. Dekat luar pun dia tuduh. Pada masa itu, kita pertahankanlah Timbalan Perdana Menteri kita. Saya pun bangun mempertahankan.

■1600

Ini yang kita kata, bukannya soal...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Tanjong Karang sekarang?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sekarang macam mana?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nantilah, saya belum habis lagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Maksudnya bertahan tidak mengikut fakta.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti saya bagilah, sabar.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bertahan sebab kepartian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okeylah, saya bagi, saya bagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya minta. Pertama sekali terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang. Tadi sebut kes-kes ini yang telah Yang Berhormat Tanjong Karang tunjukkan tadi ialah beliau bertahan kerana kepartian. Beliau tidak *check* fakta. Tidak salah kalau Yang Berhormat Bukit Gelugor pada satu ketika mendapatkan satu maklumat yang dianggap ada keraguan dia bawa. Itu tanggungjawab sebagai pembangkang dan dengan mengetahui kebenaran beliau turun untuk membela hak Yang Berhormat Permatang Pauh.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Apa salahnya? Yang sekarang kita lihat di sebelah sana mereka sokong sebab ini timbalan presiden kita, ini parti kita. Mereka tetap pertahan. Sekarang ini boleh tukar *side* sebab ini hanya isu parti. Akan tetapi saya hendak sebut semula ini bukan isu kepartian.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat hendak minta penjelasan isu yang mana?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Isu yang kita bincang sekarang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, isu yang mana? Yang Berhormat bangun minta penjelasan dengan saya, isu apa yang saya cakap Yang Berhormat minta penjelasan?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Isu yang saya hendak dapat penjelasan ialah...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, isu apa?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Kalau kita anggap ini adalah kehakiman, kita ketepikan prejudis parti kita. Kita jangan kutuk sebab kita bagi penerangan. Bila kita keluar negeri kita bawakan satu isu bukan kerana kita hendak burukkan kerajaan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, faham. Tidak apa, tidak apa. Kalau Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat berhujah. Yang Berhormat minta penjelasan daripada saya. Jadi cukuplah minta penjelasan. Saya pun tidak tahu apa Yang Berhormat hendak. Tidak apa, saya bersetuju, saya sokong. Hari ini saya bersetuju dan bersependapat dengan Yang Berhormat kerana mengenai kehakiman ini tidak boleh dikait parti dan sebagainya. Siapa yang bersalah, bersalahlah. *Nobody above the law*. Itu saya amat bersetuju tetapi hari ini yang menimbulkan keraguan kepada rakyat seolah-olah sistem kehakiman kita ini tidak adil ialah pihak pembangkang.

Yang Berhormat Bukit Gelugor, anakanda dia pun Yang Berhormat Puchong. Tadi Yang Berhormat kata Yang Berhormat Bukit Gelugor pada masa itu bercakap masa itu fakta belum betul. Mungkin lepas itu dia turun ke bawah dia tengok baru dapat fakta yang betul. Ini tadi dia berucap Perkasa. Bagaimana Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh kata Perkasa ini pertubuhan haram? Perkasa ini telah didaftarkan. Nombor pendaftaran Perkasa: 1579-08-WKL. Disahkan pada 12 September 2008... [*Dewan riuh*] Bagaimana seorang peguam yang tadi saya dengar dia bercakap tidak ada siapa pun kacau. Tadi Yang Berhormat Sepang kata orang tidak berani Yang Berhormat Bukit Gelugor. Hendak kacau apa, kita tidak tahu, dia cakap merapu. Dia membohongi Dewan, menyelewengkan Dewan. Dia tidak ada.

Jadi oleh itu bagaimana yang kita katakan kredibiliti ini? Adakah Yang Berhormat Bukit Gelugor menjadi peguam bela kepada Ketua Pembangkang kerana politik ataupun kerana duit, kerana bayaran. Kalau betul dia ada menegakkan keadilan saya hendak kata satu pasukan peguam yang hebat, kes yang pertama. Tidak, saya tidak tahulah sama ada peguam-peguam ini memang sudah tahu apa yang berlaku maka mereka sudah tidak mahu lagi jadi peguam bela. Ini menimbulkan keraguan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, apabila mahkamah mendapati mereka ini bersalah, mereka tentu akan mencari jalan mengatakan kehakiman kita tidak adil. Sebaliknya pula apabila mahkamah mendapati mereka tidak bersalah, mereka diam. Ini ialah keadilan. Parti Keadilan yang kata adil, parti keluarga. Inilah partinya. Bapa keluar, anak masuk pula.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini bukan perbahasan yang sihat kalau sentiasa menghina Ahli-ahli Parlimen yang lain. Yang Berhormat Lembah Pantai di sini sebagai wakil rakyat Lembah Pantai. Yang Berhormat Permatang Pauh di sini sebagai wakil rakyat Permatang Pauh. Kalau hujah macam ini, ini tidak menghormati pengundi-pengundi kita. Saya harap Tuan Yang di-Pertua bagi nasihat.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu jangan hendak cakap fasal politiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sekejap.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sekejap. Yang Berhormat Tanjong Karang duduk sekejap, Yang Berhormat Jelebu duduk. Yang Berhormat Masjid Tanah pun duduk. Itulah pagi tadi dan sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua pun memberikan nasihat yang sama. Jadi, saya tidak perlu ulang-ulang dan saya juga tegur Yang Berhormat Bukit Gelugor supaya berhati-hati mengeluarkan ayat kepada Ahli Yang Berhormat kita yang lain. Saya harap Yang Berhormat Tanjong Karang pun berbuat demikian. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Saya tidak ada cakap. Secara kebetulan kes ini melibatkan Ketua Pembangkang. Kalau hendak kata tidak adil kita pemimpin UMNO ramai yang kena tahan. Bekas Menteri Besar Selangor hari ini masih lagi dalam kes rayuan. Bekas Ahli Parlimen Sabak Bernam, di Selangor sahaja Ketua UMNO Bahagian Pandan. Kita tidak ada masalah. Kita biar mahkamah yang menentukan. Tidak bolehlah bila pemimpin kita ditahan, didakwa ada satu matlamat politik konon kita takut kepada kepimpinan. Itu tidak betul. Kalau dia tidak bersalah tidak akan kita hendak ambil tindakan.

Saya hendak balik kepada Yang Berhormat Batu tadi. Saya tidak kata, kalau hendak kira menghina pengundi. Tadi Yang Berhormat Batu sebut apa tadi? Fasal pengundi, tidak menghormati pengundi. Yang Berhormat Batu cakap tadi. Betul? Apa Yang Berhormat sebut tadi, tidak menghormati pengundi itu?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Maksud saya ialah kita tidak boleh memperlekehkan Yang Berhormat Permatang Pauh atau Yang Berhormat Lembah Pantai. Mereka masuk sini sebagai Ahli Parlimen yang dipilih oleh pengundi-pengundi mereka. Tadi yang disindir itu ini anaklah, bapalah, itu tidak *unparliamentarily*. Itu bukan *behavior* yang sepatutnya berlaku dalam Dewan ini... *[Dewan riuh]* Itu yang saya sebut. Bukan saya hendak- saya anggap kita kena hormat satu sama lain kerana kita adalah wakil rakyat...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Kepada pengundi kita dan kita semua rakyat Malaysia, yang memilih kita dalam Dewan ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ada *point*. Okey, faham. Saya bersetuju kita kena menghormati pengundi kita. Kita jangan menganiaya pengundi kita. Akan tetapi saya tengok contoh yang diberi oleh PKR yang tidak pernah menghormati pengundi. Yang Berhormat Permatang Pauh dahulu letak jawatan bagi kepada suaminya bertanding, itu menghina pengundi namanya. PRK Kajang tidak ada mati, tidak ada sakit tidak sampai setahun jadi wakil rakyat suruh letak jawatan kerana Ketua Pembangkang hendak jadi Menteri Besar Selangor, itu bukan menghina pengundi? Itu bukan menghina pengundi? Itu lebih dahsyat, menghina demokrasi Yang Berhormat. Yang Berhormat sebab itu...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau itu menghina pengundi, janganlah kita memperlekehkan kebijaksanaan pengundi Kajang. Mereka sokong, mereka mengundi, memberi mandat kembali kepada ADUN kita. Itu adakah kita kata orang-orang Kajang ini bodoh kah atau apa?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, saya bagi Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Balingian juga sama. Kita tidak kata ini menghina pengundi, tidak menghormati demonstrasi bila Barisan Nasional hendak susun Ketua Menteri baru. Itu hak Barisan Nasional. Barisan Nasional boleh, berhak untuk lakukan begitu. Tidak salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bercakap pun tidak boleh. Dia kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sebab itu saya kata kita ada peraturan. Kalau yang sedang berbahas dan Ahli yang lain hendak minta penjelasan kita ada peraturan. Kalau yang berbahas itu mengalah, duduk dan Tuan Yang di-Pertua panggil barulah kita berucap. Kita berucap dalam keadaan tertib, beradab dan *insya-Allah* kita dalam keadaan aman. Sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Saya bersetuju. Masalahnya yang buat kecoh sebelah sana tidak mahu ikut peraturan. Jadi bila dia tidak ikut peraturan, bila tindakan diambil kepada mereka dia kata tidak adil. Ini yang tidak betul. Saya hendak bagi Yang Berhormat Jelebu tadi.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang ketika Yang Berhormat Permatang Pauh berhujah sebentar tadi ada



menyatakan, memberi gambaran seolah-olah mahkamah ini tidak memberi keadilan kepada beliau. Seolah-olah begitu. Jadi, saya hendak tanya atau meminta Yang Berhormat Tanjong Karang menjelaskan analogi ini khususnya dalam kes yang ada kaitan dengan Pilihan Raya Kecil Kajang.

■1610

Yang pertama, Yang Berhormat Permatang Pauh tahu dakwaan beliau, dakwaan liwat beliau terhadap Saiful dipindahkan ke Mahkamah Tinggi sejak 3 Februari 2010. Kemudian pendakwa raya membuat rayuan keputusan Mahkamah Tinggi itu pada 20 Januari 2012. Jadi, seterusnya Yang Berhormat Permatang Pauh sudah maklum bahawa prosiding rayuan akan didengar pada 6 dan 7 Mac 2014.

**Seorang Ahli:** *[Bersin]*

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Itu tidak masuk dalam teks ucapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tetapi dicatatkan.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Jadi Yang Berhormat Permatang Pauh sudah tahu bahawa kes prosiding rayuan itu akan didengar pada 6 dan 7 Mac 2014. Jadi maknanya kes Kajang cuma timbul hujung Januari ataupun bulan Februari 2014. Jadi ini pilihan siapa? Tarikh pilihan raya kecil ataupun pembubaran ataupun peletakan jawatan di Kajang itu? Ini dalam kawalan Yang Berhormat Permatang Pauh tetapi kenapa dia pilih tarikh yang berkenaan untuk meminta pengosongan kerusi. Boleh minta Yang Berhormat Tanjong Karang jelaskan isu ini.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau boleh, boleh dapat sekali. Saya pun hendak cakap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh sedikit tentang apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Jelebu yang mana waktu saya berada di Kajang, saya lalu dekat satu sekumpulan manusia yang sedang berkempen agaknya. Saya terdengar bahawa penceramah pada malam itu, dia menyatakan bahawa sistem kehakiman negara kita tidak adil merujuk kepada kes Ketua Pembangkang dan ini dilihat sebagai satu perkara yang sangat serius yang mana diceritakan betapa bobrohnya sistem kehakiman negara kita dan dia menyentuh tentang kenapa secara tergesa-gesa dilakukan kes ini dan dibuat selepas 5.30 petang.

Perbicaraan itu dibuat selepas jam 5.30 petang dan soalan saya hendak tanya pada Yang Berhormat Tanjong Karang adakah ini satu kebiasaan yang mana kes-kes, mahkamah mendengar kes selepas jam 5.30 petang. Setahu saya ada kes-kes yang dirujuk. Ada lebih sudah pukul 6.00, pukul 7.00 pun ada. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Ini ialah hujah dia kempen. Dia hendak menipu rakyat, hendak menggambarkan seolah-olah mahkamah kita tidak adil. Banyak kes sampai pukul 8.00 malam pun ada, hakim membuat keputusan tapi tidak adalah dia heboh di dalam surat khabar sebab yang kena itu rakyat marhaen, orang biasa. Itu saya kata apa istimewanya Ketua Pembangkang ini, yang menimbulkan keraguan kita passport pun tidak

ditahan. Boleh pula lepas sebelum bil dibayar. Kalau ini cara mahkamah, mahkamah sudah *create* satu *precedent*. Jangan pilih kasihlah. Esok kalau rakyat marhaen pun salah, kena ikut juga. Ambil tindakan, tidak payah gari. Apa kelebihan? Kalau hendak kira, hendak kena, kalau lah kata tidak puas hati dengan mahkamah ini, kita pun boleh cakap. Akan tetapi, sebab kita ini menghormati kehakiman, proses dia dan kita ada meja bulat, tidak puas Mahkamah Rendah, pergilah kepada Mahkamah Rayuan.

Kalau kata kena suruh siasat hakim, kita pun boleh suruh siasat hakim. Banyak juga. Yang saya kata kes yang berkaitan dengan calon PAS sebentar tadi, kalau kita suruh siasat, kita boleh siasat juga. Mengapa bila melibatkan Nizar, dia boleh tolak pada mula, sekarang hendak, bila melibatkan TV3 pula dia tidak mahu *disqualified* diri dia. Jadi kalau hendak dipersoalkan satu persatu, sampai bila pun kita tidak akan mendapat satu keadilan. Sebab keadilan ini bagi yang kita tengok, kalau dia bicara, dia menang, dia kata adillah mahkamah. Tapi kalau dia bicara, dia kalah, lebih-lebih lagi kalau dia tidak bersalah, dia kata mahkamah tidak adil.

Jadi sebab itu cara dan tindakan pembangkang cuba menjatuhkan sistem mahkamah, sistem kehakiman kita ini mesti kerajaan pandang serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kapar bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti dulu, saya belum jawab yang itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum bagi laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Jelebu saya belum jawab lagi. Tadi baru cakap yang Yang Berhormat Masjid Tanah. Yang itu yang ditanya tadi. Saya pun hendak minta Yang Berhormat Menteri jawab. Saya pun tidak tahu betul ke tidak betul yang tadi Ketua Pembangkang kata tarikhnya telah ditetapkan 7 April. Tiba-tiba dibawa ke depan. Saya pun tidak tahu betul, tidak betul. Ini hendak kena jelaskan sama ada perkara ini betul ataupun tidak sebab yang terlibat pada masa itu ialah hakim, selepas itu peguam bela dia dan juga pendakwa raya. Siapa yang memohon kes tersebut? Yang ini hendak kena dijelaskan. Kalau tidak inilah modal mereka. Di mana-mana juga kempen, dia kata mahkamah tetapkan sudah April tetapi tiba-tiba bila pilihan raya kecil Kajang dipinda lebih awal supaya Yang Berhormat Permatang Pauh tidak boleh bertanding. Saya hendak Yang Berhormat Menteri. Biar Yang Berhormat Menteri jawab. Sebagai pihak kerajaan, dia mesti mendapat maklumat yang betul.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jelebu, mereka yang menentukan medan pertempuran di Kajang, kalau tahu kes itu sudah dekat hendak dengar, mengapa suruh ADUN Kajang letak jawatan lebih awal? Selesaikanlah kes mahkamah dulu. Bila kes mahkamah sudah selesai, barulah suruh ADUN Kajang ini letak jawatan. Kasihan bekas ADUN ini, tidak sampai setahun menjadi ADUN disuruh letak jawatan. Ini Ketua Pembangkang kan dia cukup *powerful*. Dia boleh arah siapa-siapa pun boleh letak jawatan begitu. Itu kuasa dia. Mengapa hendak

suruh diletak lebih awal? Jadi ini pun keraguan. Kalau hendak dikira keraguan ini pun menimbulkan keraguan kepada kami. Apakah kerana perkara memang dirancang?

Adakah Pilihan Raya Kecil Kajang ini ada kaitan hendak jadi Menteri Besar ataupun hendak dikaitkan dengan kes mahkamah? Ini pun kalau kita hendak persoalkan, kita juga boleh persoalkan keraguan ini.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab pernah berlaku pada tahun 2008 kalau saya tidak silap waktu kes ini mula didengar di Mahkamah Tinggi....

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Laluan Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Bekas Ketua Pembangkang, Wan Azizah dia letak jawatan sebagai ahli Parlimen Permatang Pauh pada masa itu ada kaitan dengan kes di Mahkamah Tinggi. Kali ini bila pergi ke Mahkamah Rayuan, sudah Kajang pula menjadi mangsanya.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi kita pun menimbulkan keraguan sama ada kes mahkamah ini hendak dikaitkan dengan pilihan raya supaya antarabangsa boleh melihat sekiranya dia bertanding, kemudian dia didapati bersalah oleh mahkamah, dia akan spin isu ini sampai antarabangsa lihat, mahkamah rakyat mendapati dia tidak bersalah. Menang besar dalam pilihan raya kecil. Mahkamah kerajaan, mahkamah sistem kehakiman kerajaan tidak adil menghukum dia. Mungkin ini juga satu agenda dia. Kita yang boleh tahu ialah Ketua Pembangkang itu sendiri. Dia yang tahu tetapi secara logiknya kalau betul-betul ikhlas, tidak mahu kaitkan kes mahkamah dengan pilihan kecil hendak jadi Menteri Besar Selangor, sebab apa yang suruh awal-awal letak jawatan? Tunggulah kes selesai dulu. Ada empat tahun lagi, Menteri Besar Selangor pun tidak lari. Dia pun tidak mahu letak jawatan. Sebab apa *time* kesnya hendak disebut di mahkamah, dia hendak adakan pilihan raya kecil? Sekarang ini hendak kaitkan pula isu, "*Wah tengok ini kerajaan, mahkamah sengaja menyusun supaya beliau tidak layak menjadi calon.*"

Ini yang dikatakan taktik kotor pembangkang yang sengaja hendak mencari salah kerajaan dengan niat supaya rakyat ditipu dan rakyat lain membenci kerajaan dan yang paling penting ialah sistem kehakiman. Jangan sesekali kita menghina sistem kehakiman kita. Kalau tidak percaya dengan sistem kehakiman kita, tidak payah buat rayuan ke Mahkamah Persekutuan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Pasir Puteh, yang mana satu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Kapar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tanjong Karang. Persoalan saya ada dua isu. Yang pertama sekali adalah walaupun insan biasa ataupun Ketua Pembangkang, keadilan tetap keadilan. Institusi kehakiman tetap institusi kehakiman. Mengapa insan yang bernama Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam kes bahagian kedua ini tiba-tiba perlu digesa-gesakan? 6 hari bulan, 7 hari bulan dan terus ada keputusan. Macam yang diterangkan oleh Ketua Pembangkang tadi dalam masa sejam keputusan telah dilakukan. Mengapa tergesa-gesa? Itu persoalan pertama.

Yang kedua sebagai seorang peguam, Yang Berhormat Tanjong Karang pun tahu etika pemakaian di dalam mahkamah dan sebagainya. Kalau yang *over time* tadi biasanya ada dan sebagainya tapi etika pakaian ini penting. Di salah satu tahap di Mahkamah Persekutuan, walaupun peguam bela tidak memakai jubah yang sepatutnya dipakai, kes dijalankan. Ini melanggar adat dan etika pemakaian dalam kamar mahkamah. Apa pendapat dan penjelasan untuk bahagian yang ini Yang Berhormat Tanjong Karang? Terima kasih.

■1620

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini biar hakim menjawablah. Janganlah bawa ke Dewan ini. Kalau kata pasal pakaian tidak sesuai, *let the* hakim yang tentukan. Yang Berhormat bangkit yang saya kata sebab apa tidak boleh tangguh. Ini perkara biasa mahkamah sampai tengah malam. Kawan saya dia jadi timbalan pendakwa raya dia beritahu saya, esok hendak Raya Cina, dia hendak cuti. Dia kata dia tidak sempat sampai pukul 10 dia kena tunggu dekat mahkamah untuk mendengar kehakiman. Ini ialah proses biasa. Tinggal lagi proses ini mungkin tidak dihebohkan kerana yang berhadapan dengan mahkamah ini ialah rakyat biasa, rakyat marhaen. Akan tetapi apabila Ketua Pembangkang yang kena, ini yang diheboh-hebohkan. Ini yang memberikan gambaran seolah-olah mahkamah kita tidak adil. Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat kita elok balik kepada tajuk rang undang-undang kita.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Setuju atau tidak Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa isu kes Yang Berhormat Permatang Pauh ini adalah isu yang terlalu panjang, terlalu meleret dan membuang masa sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itulah saya kata elok kita balik kepada persaraan hakim ini.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Walau bagaimanapun saya hendak tanya. Kalaulah kita laksanakan undang-undang Islam daripada awal atau prinsip. Tidak laksanakan undang-undang Islam tetapi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Puteh saya kata kita tumpu kepada rang undang-undang ...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Betul, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Puteh beritahu kita sudah jauh. Jadi tidak payah Yang Berhormat Pasir Puteh tanya pasal itu lagi. Kita buat saraan hakim.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ya ini berkaitan sedikit. Jadi kembali kepada kehakiman itu dan persetujuan saya tentang ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya kita tegur orang lain tetapi kita buat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tidak, ini *simple* sahaja. Soalan saya ada dua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Simple* atau tidak *simple*, ia juga melilau jauh.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tidak jauh, dekat sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi kata jauh. Saya tegur jauh, kata dekat pula. Mana satu ini?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Maaf Tuan Yang di-Pertua. Baik saya masuk kepada perkara kedua. Tentang kehakiman ini, kita ketahui bahawa ia adalah institusi yang paling penting dalam pemerintahan negara yang mesti kita yakini dan kita mesti meyakinkan rakyat dan juga masyarakat bukan hanya negara kita tetapi di luar juga untuk memandang kepada negara kita bahawa sistem kehakiman kita adalah baik, adil dan melaksanakan undang-undang tanpa memilih bulu.

Jadi apa yang kita dengar setakat ini ialah banyak tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa sistem kehakiman kita ini ada masalah dengan hujah yang bermacam-macam. Kita mesti berusaha untuk memperbaiki sistem ini. Bagi saya yang paling penting sekali ialah pelantikan hakim itu sendiri. Orang-orang yang betul-betul layak untuk memegang tugas ini dan kalaulah pemilihan ini tidak tepat maka hakim ini sudah pasti tidak akan menjadi hakim yang boleh melaksanakan keadilan bahkan ia akan menjadi seorang hakim yang akan mengikut arahan orang atau menghukum tanpa nas yang betul.

Inilah yang kita lihat sebenarnya di antara hakim-hakim ada yang berlaku adil dan ada yang tidak berlaku adil. Pemilihan inilah masalahnya. Jadi bagi kita orang biasa ini, kita menerima sahaja hukuman itu, mudah sahaja. Kalau saya menerima hukuman daripada hakim yang saya rasa tidak adil, saya rasa dia tidak adil. Kemudian kita berserah kepada Allah dan Allah akan hukum dia. Kita tidak ada masalah, kita akan terima sahaja. Itulah konsepnya tetapi sebagai kerajaan, apakah peranan kita untuk memilih hakim ini. Adakah betul-betul mengikut kriteria hakim yang baik atau tidak?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul, saya setuju. Oleh sebab itu, kita kata ialah keadilan. Saya setuju sangat apa Yang Berhormat cakap tetapi yang menggembar-gemburkan dan menjatuhkan imej kehakiman kita ini siapa. Nasib baik Yang Berhormat Pasir Puteh, nasib baik kes Presiden PAS disaman oleh bekas calon PKR. Maka Hakim Mahkamah

Majistret menjatuhkan hukuman Presiden PAS kena denda RM2 juta, kalau saya tidak silap. Mengapa diam? Tadi bising.

Cubalah kata kes itu dibawa oleh calon Barisan Nasional, saya percaya itulah akan jadi isu topik utama kempen-kempen PAS seluruh negara. Lihat kata dia, Presiden PAS disaman oleh bekas calon Barisan Nasional sampai dihukum RM2 juta. Akan tetapi nasib baik kes itu dibawa oleh calon PKR. Tidak ada pula PAS kata mahkamah tidak adil.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Celahan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak ada pula. Sabar dahulu. Saya bagi, *you don't worry*, saya bagi. Ya, ini sebagai contoh. Ini ialah soal keadilan. [Disampuk] Contoh apa? Ini contoh yang menyebabkan kita menjadi kelam kabut mengatakan kita tidak adil ialah pihak pembangkang.

Apabila pemimpin mereka dihukum, dijadikan isu politik. Saya hendak beritahu kita menghormati kalau dalam UMNO, kalau kita menghormati keputusan mahkamah saya beritahu. Saya orang Selangor, ada tiga ketua bahagian UMNO Selangor terpaksa digantung. Keputusan belum lagi dibuat mahkamah tetapi oleh kerana UMNO ini menghormati prinsip keadilan walaupun belum didapati bersalah, asal mana-mana sahaja pemimpin kena dakwa di mahkamah, dia kena letak jawatan dan jawatannya digantung. Ada tiga Ketua UMNO Bahagian. Kita tidak ada pun protes, kita hormati. Ada juga keputusan yang saya kata tadi ketiga-tiga kes sekarang ini semua ini didapati ketua-ketua bahagian bersalah. Kita tidak pun mengatakan hakim itu tidak adil.

Akan tetapi cubalah kena kepada pemimpin mereka, saya pasti mereka akan buat *road show*, mereka akan buat kempen, mereka akan buat demonstrasi. Ini yang menyebabkan orang lain tidak menghormati dengan sistem kita. Baik, di dalam Dewan ini kita pun dengar sudah banyak ucapan-ucapan yang disampaikan oleh pembangkang yang sengaja mencari salah hakim. Kalau kata Yang Berhormat Pasir Puteh kata kita tidak adil, kalau kita tidak adil dalam sistem pemilihan hakim ini, bekas calon PAS Yang Berhormat tentu bekas calon PAS, penasihat undang-undang PAS, jawatankuasa PAS pun boleh jadi hakim. Itu tidak adil lagi kah? Jadi menunjukkan kita jangan persoalkan ini semua. Ini bukan kerja kita. Biarlah, kita ada kriteria kita, ada sistem kita.

Tadi Ketua Pembangkang pun ada sebut tadi bagaimana ciri-ciri untuk memilih hakim, hendak naik pangkat hakim, kita juga sekarang ini ada jawatankuasa lain pula untuk menilai hakim. Ketua Hakim Negara yang baru ini telah pun membuat kenyataan berbagai-bagai syarat yang dikenakan. Jadi itu sebab dalam Peraturan Mesyuarat kita pun supaya kita menghormati hakim, kita tidak boleh menyentuh sifat-sifat hakim, kewibawaan hakim dalam peraturan mesyuarat kita. Akan tetapi mungkin hari ini sebab sudah kena Akta Hakim ini, kita pun mahu tidak mahu, kita kena bercakap juga.

Jadi oleh sebab itu saya kata dalam Malaysia ini, kalau kita menghormati peraturan, tahu menghormati sistem kita, kita akan hidup dengan aman. Ini masalah pembangkang hendak tukar sistem semua. Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rujuk kepada kenyataan Yang Berhormat yang saya pasti sebagai seorang peguam tahu tentang badan-badan antarabangsa yang kita guna pakai laporan mereka dan juga peranan mereka. Dua badan antarabangsa yang saya ingin sebut di sini. Pertama, *The International Court of Justice* di mana telah memutuskan antara pertembungan Malaysia dan Indonesia bahawa Pulau Sipadan itu milik kita. Kerajaan kita terima, kerajaan kita sambut baik.

Pada masa yang sama mungkin kalau soal kes mana-mana pimpinan termasuk Yang Berhormat Permatang Pauh, sebelah sana akan menyatakan ini hanyalah propaganda. Saya hendak jelaskan bahawa ada satu lagi badan antarabangsa dijemput khas, diperakui oleh kerajaan kita iaitu *International Commission of Jurists* yang telah membuat laporan panjang. Pertama, kes Yang Berhormat Permatang Pauh tahun 2001, pendakwaan pertama. Kedua, pendakwaan yang terbaru yang dibawa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri.

Jadi saya hendak tanyakan, apakah komen Yang Berhormat apabila wujud laporan yang konkrit badan antarabangsa yang mendapat pengiktirafan oleh kerajaan kita sendiri mengatakan tempangnya, ada salah guna kuasa pimpinan eksekutif iaitu Kerajaan Pusat dalam keputusan kes mahkamah yang berkait dengan Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya mohon maklum balas, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasihlah. Kita hendak dengar laporan *international* atau laporan mahkamah kita? Ini sahaja masalah kita. Ada pihak pembangkang...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sedikit Yang Berhormat. Kerana apa? Saya hendak sebut dua sekali ya. Kalau benar itu prinsip Yang Berhormat pegang maka kita harus kembalikan Pulau Sipadan kerana kita tidak mahu ambil keputusan satu lagi badan antarabangsa *International Court of Justice*. Jadi saya minta prinsip yang sama diaplikasikan. Tidak boleh satu badan kita tolak, satu badan kita terima. Itu sahaja, terima kasih.

■1630

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sedikit. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang, adakah Yang Berhormat Tanjong Karang bersetuju disebabkan sistem kehakiman kita yang baik, Malaysia telah mendapat pengiktirafan. Sebagai contoh, sebagaimana saya sebutkan pada pagi tadi, dalam *World Bank Doing Business Report*, kedudukan Malaysia telah naik dari tangga 18 ke tangga 12 pada tahun 2013.

Di samping itu juga, dalam laporan Bank Dunia melaporkan dalam konteks *enforcing contract* Malaysia telah naik dari tangga ke-60 pada tahun 2011 ke tangga 30 pada tahun 2013 dalam konteks pengiktirafan dalam sistem kehakiman kita. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ingat Yang Berhormat Lembah Pantai punya soalan itu tadi telah pun dijawab. Kita kena tengok dalam konteks mana. Kalau kita

dalam konteks pembangkang, hendak mencari salah kerajaan, masalah sistem kita, pasti dia akan ambil laporan *international*. Akan tetapi dalam masa yang sama, laporan antarabangsa juga memberi pengiktirafan kepada sistem kehakiman kita. Jadi, kita hendak kena tengok ini yang dikatakan adil Yang Berhormat Pasir Puteh kata tidak adil tadi. Adil ini amat sensitif.

Kalau misal contohlah, ini contoh yang kalau kita beristeri dua, satu badan besar, satu badan kurus. Kalau hendak kira adil, kena kira adil yang badan besar – Tuan Yang di-Pertua, dia faham. Tuan Yang di-Pertua tahu erti adil. Kalau kata hendak adil, hendak beli baju kurung, mesti ada enam meter. Itu adil. Enam meter, tidak kira yang nombor satu ini gemukkah, kuruskah, tetap enam meter. Yang muda ini kuruskah, gemukkah, tetap enam meter. Itu kalau hendak kira adil, mesti sama-sama.

Akan tetapi kalau kita buat macam itu, tidak akan berlaku adil. Ia akan berlaku pembaziran. Yang besar itu dia perlulah enam meter. Kalau yang kurus macam Yang Berhormat Lembah Pantai ini dia kurus *slim*, tidak akan hendak beri enam meter. Itu akan berlaku pembaziran. Jadi, soal adil ini kalau kita bincang sampai esok pun tidak habis. Pokok pangkalnya ialah kita kena menghormati sistem kita. Sistem mahkamah kita sudah ada, kita kena hormat.

Saya amat bersetuju tadi dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor dari pagi tadi bahawa bekas-bekas hakim ini kalau boleh janganlah jadi peguam bela. Ia tidak berapa cantik. Kalau dia dahulu Hakim Mahkamah Tinggikah, Mahkamah Rayuan tiba-tiba dia masuk ke mahkamah sebagai peguam, dia hendak tunduk hormat kepada hakim *junior* daripada dia. Jadi saya ingat eloklah kerajaan membuat satu peraturan dan undang-undang supaya bekas-bekas hakim ini kita pun sudah beri naikkan lagi saraan hakim ini, kita menghormati jasa-jasa mereka, kita amat menyokong akta ini.

Akan tetapi dalam masa yang sama, saya tidak bersetuju dengan apa Yang Berhormat Bukit Gelugor cakap hakim Dato' Mohd Noor dia sebut banyak kali tadi. Dia kata hakim Dato' Mohd Noor ini "*Racist, mempertahankan hak Melayu. Mengapa tidak mahu mempertahankan hak bukan Melayu?*". Saya hendak tanya Yang Berhormat Bukit Gelugor peguam sebelah sana, sebab dalam perlembagaan kita – dia bercakap dalam konteks Perlembagaan Negara.

Saya tahu, saya pun pernah dengar ceramah dia. Apakah perkauman yang dicakapkan? Dia cakap cuma hak keistimewaan orang Melayu. Adakah itu satu perkauman? Tidak tahu mana boleh cakap soal kedudukan agama Islam. Itu agama Islam dia kata mesti lebih tinggi, tidak boleh sama dengan agama-agama lain dan disebut perkara itu. Adakah ini juga dikatakan satu ucapan yang hanya untuk orang Islam? Dia cakap benda yang betul mengikut – tidak ada sebut politik langsung. Dia menterjemahkan dan memberi tafsiran kepada artikel-artikel yang ada kaitan dengan hak orang Islam, dengan hak orang Melayu dalam masa yang sama beliau juga mengingatkan kita, hak-hak orang bukan Melayu. Hak-hak mereka dari segi perlembagaan. Adakah salah kalau Dato' Mohd Noor cakap macam ini?

Akan tetapi cuba Dato' Mohd Noor ini cakap sebelah pembangkang. Bantai UMNO rasuah, UMNO tidak betul, Oh! Saya ingat mereka akan julang Dato' Mohd Noor ini, akan jemput dalam ceramah-ceramah mereka. Ini namanya tidak adil. Bila bekas hakim – ada juga bekas



hakim menjadi calon sebelah sana, bekas Ketua Hakim Negara kalau saya tidak silap. Pernah sebelah sana.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kita tidak ada pun heboh. Kita terima dia bertanding pun kita terima. Itu yang dikatakan adil. Janganlah bila bekas hakim ataupun mana-mana orang memberikan kenyataan menyokong sebelah sana, maka itu adil. Bila sokong sebelah Barisan Nasional, ini tidak adil. Begitu juga dengan laporan Yang Berhormat Lembah Pantai cakapkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Batu bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bila tengok laporan itu, boleh jadi poin kepada mereka, itu laporan betul. Bila laporan yang memuji Malaysia, laporan itu tidak betul. Mana boleh adil benda seperti ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu bangun.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh ini sedikit?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya pun hendak habis dah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita tidak mempertikaikan hak seorang bekas hakim hendak *join* apa-apa pertubuhan termasuk PERKASA. Itu adalah hak perlembagaan beliau. Akan tetapi saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang apabila seorang hakim yang mempertahankan semangat Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyatakan, "*Hanya orang Melayu sahaja yang mempertahankan dan memperjuangkan kemerdekaan. Orang-orang bukan Melayu tidak pernah terlibat dalam memperjuangkan kemerdekaan. Itulah sebab mereka tidak berhak untuk memiliki Tanah Melayu*". Bila dia kata, "*Mereka tidak berhak untuk adu kerana mereka tidak menyumbang kepada perjuangan kemerdekaan*".

Ini saya agak bukan isu sama ada pandangan peribadi sebab kalau seorang hakim berucap begitu. Apakah pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang? Adakah ini mencerminkan sejarah yang sebenar atau Yang Berhormat Tanjong Karang juga bersetuju dengan pandangan ini? Ini kita anggap bahayanya kalau ada seseorang itu yang faham undang-undang menyebarkan satu maklumat yang akan memecahbelahkan masyarakat. Pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Itu sebab Yang Berhormat hendak kena dengar ucapan beliau sampai habis. Janganlah baca apa yang disiarkan oleh Malaysiakini atau untuk apa yang ada siar tentulah Yang Berhormat akan salah faham. Saya dengar ceramah dia. Betullah apa yang dia cakap. Mula-mula yang melawan *Malayan Union* siapa? Siapa yang mula-mula melawan *Malayan Union*? Yang Berhormat kena faham apa matlamat *Malayan Union*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Berilah saya habis cakap dahulu. Yang mula-mula melawan *Malayan Union* ialah orang-orang Melayu. Itu sebab kalau Yang Berhormat pergi ke Arkib Negara, Yang Berhormat tengok poster-poster pelekat yang macam Yang Berhormat bangkitkan semalam itu yang dalam Dewan, pergi tengok di Arkib Negara, apa ia tulis di situ? Ia tulis di situ '*Malaya for Malays*'. Pergi tengoklah. Tulisan jawi ada, tulisan rumi pun ada. Ia kata '*Malaya for Malays*'. Pada masa itu sebab apa? Sebab *Malayan Union* hendak diwujudkan akan menyebabkan kehilangan Raja-Raja Melayu, hendak beri warganegara secara *jus soli* kepada bukan Melayu, orang Melayu memanglah tidak bersetuju pada ketika itu.

Akan tetapi apabila kita UMNO sudah berjaya melawan *Malayan Union*, maka kita memandang jauh ke hadapan, kita pun sanggup berunding dengan bukan Melayu, MCA, MIC, DAP tidak ada semasa itu sebab sistem kita semasa itu, saya akan beritahu bahawa kita juga ada prinsip-prinsip yang kita mempertahankan hak Melayu dan juga Islam. Dalam masa yang sama, orang Melayu juga dia pun bersetuju beri kepada bukan Melayu ini warganegara. Inilah *social contract*. Apa salah? Itu ialah sejarah. Hanya hari ini ialah...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apabila ada pembangkang macam DAP hendak memperjuangkan kesamarataan. Tidak bolehlah kesamarataan. Kita memperjuangkan keadilan sosial, bukannya kesamarataan. Tidak boleh sebab kita dalam perlembagaan ada, hak keistimewaan Melayu ada, hak orang-orang Islam pun ada, askar Melayu hanya untuk orang Melayu dalam Artikel 8. Tidak bolehlah hendak kata semua sama. Ini Yang Berhormat hendak kena faham dia punya ceramah. Adakah merupakan satu kesalahan kalau kita bercakap daripada segi fakta dan juga apa yang ada di dalam perlembagaan kita.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya tidak anggap kita mempertikaikan peranan UMNO dalam menentang *Malayan Union*. Saya agak isu ini ialah *Malayan Union* hanya merupakan satu permulaan perjuangan untuk kemerdekaan yang semua puak yang menentang *Malayan Union* itu, bukan semua yang bersetuju dengan kemerdekaan. Kalau kita *check* balik fakta pada waktu itu, ada sebahagian daripada kumpulan-kumpulan yang tidak begitu nasionalis yang percaya bahawa mereka cuma hendak autonomi sahaja.

#### ■1640

Mereka menentang *Malayan Union* tetapi sokong kepada jajahan British untuk berterusan kerana mereka anggap ini belum lagi bersedia untuk menghadapi musuh di luar secara berdikari. Juga ada kumpulan-kumpulan yang bukan Melayu, mereka memperjuangkan kemerdekaan. Itulah sebab kalau seseorang hakim atau bekas hakim menyatakan yang menyumbang untuk mempertahankan dan memperjuangkan kemerdekaan ini dengan ukuran peranan di *Malayan Union* ini, ini adalah sangat *misleading*. Itu tidak benar kerana yang berterusan dengan perjuangan ini banyak lagi kumpulan-kumpulan termasuk MCA, MIC dan juga golongan-golongan kiri, mereka memainkan peranan untuk memperjuangkan kemerdekaan.

Walaupun dengan perlembagaan yang ada di Malaysia ini kita tidak pernah kata hak yang kita nikmati di dalam negara ini bergantung kepada sumbangan kita terhadap kemerdekaan.

Kita bagi kewarganegaraan kepada orang Myanmar yang duduk di sini, orangnya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Adakah kita mahu menafikan mereka untuk menikmati hak kewarganegaraan kerana mereka tidak pernah menyumbang untuk kemerdekaan. Pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, lepas ini gulung ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak gulung sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah jauh sangat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak gulung tapi saya ingat Yang Berhormat Batu tolong baca *Hansard*, ucapan Tan Cheng Lock dan ucapan Tun Sambanthan dalam Dewan yang mulia ini. Kalau tidak ada, saya boleh bagi. Yang Berhormat baca, apa ucapan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila gulung.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Oleh sebab mereka yang tahu. Ini hendak cakap fasal sejarah, saya boleh debat. Soal sejarah ini yang menyebabkan Tuan Yang di-Pertua, yang negara kita jadi kelam kabut ini. Ini sebab jelas menunjukkan mereka tidak faham sejarah yang betul. Bila mereka tidak faham sejarah dan mereka tidak tahu asal usul mereka. Amat bahaya.

Oleh sebab itu dalam negara maju, rakyat wajib belajar sejarah supaya mereka faham. Betul lah, ada juga kumpulan Melayu hendak tubuhkan Malaysia Raya, hendak *join* dengan Indonesia untuk mencapai kemerdekaan, ada juga, pejuang macam ini, ada, saya kata. Masa itu UMNO. Masa itu PAS pun tidak ada lagi. PAS ditubuhkan di bawah ketiak UMNO, bila tahun Haji Ahmad Fuad Hassan kalah bertanding ketua UMNO, dia lawan presiden UMNO, dia kalah dengan Tunku Abdul Rahman. Dia keluar, dia tubuh PAS, kalau hendak kira sejarah.

Jadi Yang Berhormat tidak tahu sejarah, sebab itulah Yang Berhormat menyokong kuat perjuangan sebelah sana sebab tidak tahu sejarah dan Yang Berhormat tidak tahu sejarah, Yang Berhormat hendak memutar belitkan sejarah. Jadi ini perangai pembangkang.

Saya hendak beritahu, saya hendak minta Dewan ini untuk timbang supaya Yang Berhormat Bukit Gelugor tarik balik tuduh kata PERKASA itu pertubuhan haram. Bagaimana dia boleh kata PERKASA pertubuhan haram? Ini Peraturan 36(9). *[Di sampuk]*. Ya, tidak mengapalah saya rasa saya sudah beritahu. Bayangkan bagaimana seorang orang lama yang begitu hebat boleh membohongi Dewan, menyelewengkan Dewan. Ini dalam Dewan, nasib baik saya faham. Kalau saya tidak tahu, kalau pergi kempen dekat luar, itu yang rakyat percaya.

Mereka ini penuh dengan pembohongan dan dusta menipu rakyat. Terima kasih, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**Ya, sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

#### 4.43 ptg

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Sebelum saya masuk topik-topik yang terkena, saya hendak bagi pandangan saya mengenai penghakiman dan hakim-hakim dalam negara ini, sedikit pandangan.

Saya hendak mula dengan apa yang dikatakan oleh *Shakespeare* lebih kurang 500 tahun dulu, "*Something is rotten in the state of Denmark.*" Di mana di negara ini sendiri beberapa tahun dulu N.H. Chan telah semasa itu dia menjadi *Court of Appeal Judge* dalam kes Ayer Molek Rubber Company Limited *against* Insas Berhad mengatakan ada undur-unsur korupsi yang terlibat dan ada hakim-hakim yang terlibat. Dia adalah satu di antara hakim di negara ini yang kerap kali menulis dan telah menulis beberapa buku.

Saya hendak kod sedikit dari seorang pengkritik mengenai buku tersebut iaitu *Judging the Judges* oleh Bob Moles. Ini adalah pandangan beliau dengan izin, "*In this book Justice Chan is clearly disturbed by a number of important recent cases which he believes to have been wrongly decided. Some of them involve decisions of his as either a High Court or Court of Appeal judge which have been overturned. In what follows, I have not included all of the adjectives which his Honour has used to describe the conduct of his former judicial colleagues, but I have included sufficient of them to indicate to the reader the tone of his concerns. This is an important critique by a recent and very senior judge in Malaysia. One which has important implications for the Rule of Law.*"

Ini adalah sedikit pandangan saya kerana kita dengar sebelah sana di mana mengatakan bila kita mengkritik apa yang dibuat oleh hakim atau kelakuan beliau, nampak gayanya kita tidak boleh langsung sentuh kepada hakim-hakim atau apa yang mereka buat. Itu lah sebab ialah bila hakim sendiri kritik kepada hakim yang lain, kita tahu bahawa situasi ini adalah berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak, saya terima baik kepada rang undang-undang ini tetapi saya hendak tanya di klausa 4 di mana satu sistem yang baru dikenakan, yang dicadangkan adalah di mana setiap tahun sebanyak 2% amaun saraan akan dinaikkan kepada hakim-hakim yang bersara. Ini bagus. Akan tetapi apakah rasional dan *realisticness* kita tetapkan kepada 2%? Siapa yang membuat penggajian ini? Kalau kita tengok di United Kingdom Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di mana ada satu *judicial and pension scheme* yang telah dibuat pada tahun 2012. Di mana banyak unsur-unsur mengenai kenaikan gaji, kenaikan saraan dan perkara berkaitan dengan hakim telah diambil kira.

Saya difahamkan ini kerap kali dibuat, di mana ada satu komiti yang tertentu di mana pengajian di buat sedalam-dalamnya mengenai hakim-hakim, kedudukan mereka di masyarakat

dan kenaikan gaji dan sebagainya. Kenapa 2% yang dinyatakan di sana? Dan bukan satu amaun yang lebih di sana. Ini kerana saya khuatir, kalau kita tengok situasi inflasi tahun dulu dan setakat tahun ini sampai sekarang, ada lebih kurang di antara lingkungan 3.5% ke 4%. Akan tetapi persepsi dan realiti *on the ground* adalah bukan 4%, mungkin 8% atau 10%. Kenapa ia terikat kepada 2% kenaikan saraan setiap tahun? Ini adalah pandangan.

Saya ada bercakap dengan hakim-hakim di mana mereka juga hairan dengan jadual yang dikenakan ini. Nampaknya tidak setempat dengan amaun yang patut diberi. Adakah kerajaan sudi kalau atau berfikir bahawa satu komiti patut disiapkan supaya menganalisis dalam hal ini supaya gaji yang berpatutan dapat – gaji saraan hakim-hakim yang bersara, amaun yang berpatutan perlu diberi.

Di negara United Kingdom dan Australia Tuan Yang di-Pertua, setiap tiga tahun ada perubahan gaji dan saraan hidup mereka dan ini lebih baik di negara-negara lain. Gaji yang diterima oleh hakim-hakim kita adalah bukan lumayan. Ramai di antara kalau kita tahu, mesti tahu antara peguam-peguam yang telah bertugas di *private* sebagai peguam-peguam yang mendapat pendapatan yang lumayan hampir lah RM100,000 hingga RM200,000 sebulan. Akan tetapi oleh kerana mereka ingin memberi masa dan berkhidmat sebagai hakim, mengambil jawatan tersebut.

Akan tetapi kita juga perlu seimbang dengan, supaya mengelak situasi korupsi dan *a special lifestyle* mereka perlu kita memberi seimbang pendapatan yang seimbang kepada mereka. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya apakah kerajaan sedar bahawa ada cadangan bahawa gaji mereka perlu ada *tax free, 100% tax free* supaya menggalakkan, kita dapatkan hakim-hakim yang terbaik di negara ini.

Kalau kita banding kepada negara Singapura dan negara-negara yang lain, gaji kerja mereka sangat berbeza dengan *the basic salary* kepada hakim-hakim di negara ini. Juga kepada hakim-hakim di negara lain, ada beberapa insentif yang diberi bila mereka melepaskan kerja sebagai hakim.

#### ■ 1650

Di antaranya di Amerika Tuan Yang di-Pertua, adalah mereka boleh mendapat satu pejabat di Supreme Court Judges di Amerika. Mereka ada pejabat selama-lamanya di tempat di mana mereka bersara. Boleh menggunakan pejabat itu untuk menjalankan tugas sebagai penulis atau memberi pandangan kepada kes-kes *law*.

Malaysia adalah satu di antara negara Tuan Yang di-Pertua di mana hakim-hakim yang bersara tidak banyak kurang terlibat dalam kerja-kerja berkaitan dengan penghakiman, *arbitration*, menulis buku- buku atau pandangan-pandangan mereka. Ini adalah satu di antara negara di mana bila hakim bersara, dia terlibat dalam *business, public listed company* dan terlibat dengan syarikat-syarikat yang besar yang membayar gaji lumayan. Macam mana ini boleh jadi?

Satu di antaranya Tuan Yang di-Pertua adalah bekas Hakim Besar Malaysia, Tun Zaki Azmi yang telah bersara pada tahun 2011. Beliau dengan seorang peguam Hafarizam Harun yang terlibat dengan kes di negeri Perak, bila mengguling Kerajaan Negeri Perak, dia telah

dianugerahkan kontrak Kinrara-Damansara Expressway (KIDEX) *route project*. Saya difahamkan amaunnya adalah lebih kurang RM3 bilion. Tiba-tiba seorang hakim yang bersara boleh terlibat, ada kebolehan yang luar biasa. Ada kebolehan sangat mahir untuk membuat *route construction*. Mendapat kontrak-kontrak selepas beliau bersara.

Kita semua tahu bahawa syarikat yang mendapat itu adalah di mana isteri Bekas Hakim Besar menjadi *shareholder* di sana. Bukankah ini sangat mencurigakan, masyarakat sangat rasa tidak puas hati. Ini kerana macam mana seorang hakim boleh terlibat dalam *business* selepas sahaja meletak jawatan sebagai hakim. Bersara, terlibat dan ini semua diberi – ini adalah sumbangan kepada *sacrifices* mereka supaya satu cara atau soal lain terlibat untuk menolong persepsi di antara masyarakat adalah hakim-hakim ini menolong, memberi *decisions* yang baik kepada pihak-pihak tertentu.

Ini adalah satu perkara yang patut kita elak. Kita patut mengelak supaya mereka tidak diberi. Saya sebelum ini ada Ahli Parlimen di sebelah sana mengatakan apakah sebab kita tidak boleh membenarkan hakim-hakim yang bersara untuk bertugas sebagai seorang peguam dan sebagainya. dikatakan bahawa: “*Kita tidak boleh ikat mereka*”. Akan tetapi sebenarnya ada beberapa asas-asas yang tertentu. Satu di antaranya adalah kalau dia Hakim Besar atau Hakim Mahkamah Persekutuan dia menjalankan tugas sebagai peguam, ini sangat menyusahkan hakim-hakim di High Court, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan di mana tidak seimbang. *He was higher than the judges. Very uncomfortable*. Itu adalah sebab saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua. Saya lagi ingat Justice Pei Su Chin. Bila dia dilantik sebagai Judicial Commissioner pada tahun 1984 dari Ipoh. Dia diberitahu saya, dia ada satu surat yang dibuat di antara beliau dengan Lord President mengatakan bahawa jika dia bersara (*retire*) sebagai seorang hakim, dia tidak akan terlibat sebagai seorang peguam.

Walaupun kita tidak ada akta-akta tentang itu, tetapi dari segi *convinces* sebagainya, hakim-hakim sebenarnya patut digalakkan tidak terlibat sebagai hakim, konsultan dan sebagainya tidak datang ke mahkamah, itu cerita lain. Itu satunya.

Nombor dua, kita patut memberi galakan kepada hakim-hakim atau sekurang-kurangnya bagi tahu kepada mereka pergilah tulis buku undang-undang, tulis *paper* undang-undang, *give written inputs, the growth of the law*, itu yang mereka pakar. Itulah sebab mereka dilantik sebagai hakim dan sebagainya. Tiba-tiba selepas mereka bersara, dia menjadi ambil *business* berbilion-bilion ringgit, semua kroni ahli politik. Inilah yang patut kita elakkan. Tidak boleh kita kata tidak ada, tidak tahu dan sebagainya.

Bekas Hakim Besar, Tun Zaki Azmi adalah satu di antara contoh yang tidak baik langsung ditunjukkan di negara ini. Semasa dia menjadi Hakim Besar, rang undang-undang dibawa supaya dalam tempoh – walaupun dia tidak habis lima tahun, dia diberi ganjaran dan diberi elaun tertentu. Pada masa itu kita cakap bahawa itu adalah kerana Tun Zaki Azmi. Ini adalah untuk mengelak dan memberi satu keutamaan kepada beliau. Ini sangat aneh Tuan Yang di-Pertua kerana hanya di negara ini...

Kalau kita tengok di negara India, Australia dan New Zealand hakim-hakim yang bersara apa yang mereka buat? Mereka pergi ke universiti-universiti untuk mengajar mahasiswa, memberi pandangan, terlibat dalam *arbitration*, dalam menulis buku-buku dan terlibat dalam memberi pandangan mereka. Akan tetapi bukan di sini. Apa sangat aneh di negara ini. Selepas bersara atau semasa di hendak bersara (*retire*) kita sudah tahu bahawa semestinya kerana dia berkelakuan baik, *good boy when you are in judicial service* maka dia di anugerah kontrak-kontrak, dapat macam-macam keuntungan yang tertentu. Ini adalah satu perkara yang kita perlu ingat kerana ini adalah terlibat dengan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Tan Sri Zaki dilantik sebagai Ketua Hakim Negara, satu di antara perkara dia telah sendiri kata. Dia kata macam ini Tuan Yang di-Pertua, *it's on record*. "...I suspect the two High Court Judges are corrupted and they retired". Semasa dia menjadi Hakim Besar tidak ada apa-apa tindakan susulan diambil terhadap kedua-dua hakim tersebut hingga hari ini. Ini adalah perbuatan Hakim Besar Negara, *chief justice of this country* mengatakan sedemikian. Katakan sedemikian tetapi tidak ambil apa-apa tindakan.

Semua sistem dan semua hal-hal korupsi berkaitan dengan itu *swap under the carpet*. Tidak ada apa-apa dibuat. Ini adalah perkara yang perlu disiasat. Saya tahu *strictly* bukan ada kena mengena dengan perkara yang dibahaskan hari ini. Akan tetapi ini adalah persaraan *benefit* mereka dan perlu diambil kira. Jangan kita mengelak dari penglibatan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua kita nampak kebelakangan ini bahawa ramai di antara Judicial Commissioner (Pesuruhjaya Hakim) kontrak-kontrak mereka tidak di *renew* atau saya difahamkan ada hakim-hakim sebelum habis kontrak empat tahun atau dua tahun ditukar ke tempat-tempat jauh dari tempat mereka berasal atau dari Ipoh ke Sandakan, Kuala Lumpur ke tempat lain. Ini adalah untuk memaksa mereka *resign* dari *service*. Akan tetapi kita perlu fikir di UK baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, dalam satu kes O'Brien against Minister of Justice pada tahun dulu di mana bila di sana sistem *recorder*. Di mana dia adalah *part time* hakim. Tidak ada apa-apa *benefit* yang tertentu yang telah diberi mengikut Akta Undang-undang Saraan.

Akan tetapi oleh sebab perkara itu telah dibawa ke Employment Tribunal di UK dan Employment Tribunal telah membuat keputusan bahawa seorang *recorder* Tuan Yang di-Pertua adalah High Court Judges atau ..... Judges yang seimbang dengan High Court Judge dia pun patut mendapat pencen. Itu adalah pandangan Employment Tribunal, selepas itu di *appeal* ke Mahkamah Tinggi dan keputusan telah dibuat di mana dia terikat. Kerajaan mengaku bahawa *part time judges* yang dikatakan itu patut diberi manfaat-manfaat yang sama seperti hakim-hakim yang bekerja *full time*.

Saya cadangkan kepada kerajaan, kita juga perlu fikir setiap kali kita kata *security of tenure*, *permanent security of tenure* kepada hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan mahkamah yang lain.

#### ■1700

Akan tetapi kepada Pesuruhjaya Tinggi, tidak ada sedemikian. Mereka hanya diberi kontrak-kontrak dua tahun atau empat tahun dan kita semua tahu sebelum ini ada beberapa

orang berdebat mengatakan bahawa kesusahan seorang *Judicial Commissioner* apabila menjalankan tugas di mana dia *tractor nor undermined* dalam kes. Saya sendiri ada berdepan dengan beberapa orang Pesuruhjaya Tinggi sendiri dan mereka ada kata itu adalah sedemikian adalah betul. Mereka juga ada mohon kepada saya supaya jangan menjalankan kes, kalau boleh memohon penangguhan supaya ini adalah sangat kontroversial.

Saya hanya seorang *Judicial Commissioner* dan akan jadi sesuatu yang tidak mungkin akan dinaikkan pangkat dan sebagainya. Apa yang mustahak adalah saraan yang di depan kita hari ini. Kenapa *Judicial Commissioner* tidak diambil kira? Adakah *law officer* ataupun pihak-pihak berkaitan tahu mengenai kes yang baru-baru ini, pada tahun dahulu di bulan Ogos di mana keputusan telah dibuat di UK? Bagaimana kita boleh menolong dan *too be fair to the Judicial Commissioner* yang ramai di antara mereka yang pernah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Sesyen ataupun *prior practice*?

Walaupun ada kontrak dua tahun dan selepas itu disambung kepada empat tahun dan sebagainya yang tidak *diconfirmkan* sebagai hakim, adakah saraan juga akan diberi kepada mereka atau sekurang-kurangnya kerajaan akan meneliti dalam perkara ini, memandangkan *a new development of law* dalam *employment* di dalam negara UK di mana *common law* itu ada berkaitan, yang mungkin *will be possessive* yang mungkin bila kita membawa rang undang-undang ini nampaknya kita terlupa atau terlepas pandangan kepada satu perkara yang mustahak di mana sumbangan mereka pun banyak. Mereka pun berkhidmat dan ramai di antaranya adalah Hakim Mahkamah Sesyen dahulu yang telah menjadi Pesuruhjaya Tinggi dengan berharapan untuk menjadi hakim tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, tidak dapat dilantik. Maka, adakah ini boleh diambil kira dan bolehkah ia dipanjangkan manfaat-manfaat ini *or benefits* ini kepada *Judicial Commissioners*?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin mengatakan mengenai *fast track system* yang telah diimplementasikan di mahkamah-mahkamah kita dalam beberapa tahun dahulu. Ada beberapa *key performance index*. Nampaknya kita telah bahas banyak kali mengenai perkara ini dahulu di mana kita telah memperingatkan kerajaan dan juga pegawai-pegawai penghakiman bahawa *only statistic itself will not dispense justice, substantive justice is to be dispense* dan kita perlu ambil kira bahawa kes perlu dijalankan dan mendengar, beri masa kepada pihak-pihak untuk menghujah, *debate* dan sebagainya.

Satu di antara perkara yang saya rasa yang telah bertukar dalam beberapa kebelakangan ini, saya rasa itu adalah tidak baik. Ia adalah tidak ada nilai lagi mengenai *advocacy* dalam mahkamah di mana nampaknya semuanya dibuat bagi *submission in writing* atau *submission* bertulis. Semua, *even cross examination* pun saya baru-baru hadir dan hakim kata, "*Maybe you can do outline cross examination*" Bermakna kepada *outline cross examination and chief* di mana jawapan-jawapan diberi, maka *you* boleh buat *outline cross examination*. *There is no more elements of surprises*, kebolehan *advocacy* digunakan terpaksa sedalam-dalamnya dalam mahkamah. Ini pun perlu diambil kira. Saya harap jangan kita berikan *photo pilot*



Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan. Itu perlu terlibat. *They must be more rooms for everybody to play.* Lebih-lebih lagi dengan hakim-hakim.

Saya juga hendak tanya, apakah kerajaan sedar bahawa bila sesuatu rayuan dibuat dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan, ia mengambil banyak masa. Ada kes-kes lebih dari satu tahun atau dua tahun dan apa yang dibuat supaya kes ini boleh ditetapkan dengan seberapa yang boleh. So sekarang ini, berapa keskah yang tertunggak di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan? Saya difahamkan di Mahkamah Tinggi, semua kes yang difailkan perlu dihabiskan dalam tempoh sembilan bulan dari tarikh ia difailkan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 15 tahun dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ada tanya di mana Jabatan Penghakiman telah berusaha kuat dan memberi kontrak yang besar untuk membuat satu Mahkamah Tinggi di Teluk Intan. Semasa itu saya menjadi Ahli Parlimen Teluk Intan. Pada masa itu saya kata, *it is a white elephant*. Ia seperti tiada guna untuk membina Mahkamah Tinggi di Teluk Intan tetapi saya lagi ingat masa itu Yang Berhormat Menteri menjawab mengatakan, *you do not know*, kita adalah kerajaan yang *very farsighted*. Kita tahu apa yang diperlukan oleh rakyat, maka Mahkamah Tinggi dibina. Walaupun tidak digunakan dia kata. *It is more*, lebih kurang 12 tahun ke 13 tahun yang lalu.

Sampai sekarang Tuan Yang di-Pertua, mahkamah itu tidak digunakan. *It is become more than white elephant*. Siapa yang boleh disalahkan dalam hal ini? Adakah *action* diambil atau apa-apa tindakan diambil? Sekarang mahkamah itu telah diubahsuai dan digunakan sebagai Mahkamah Sesyen. Ini adalah satu di antara mahkamah yang dibina yang kita tahu di kawasan saya pada masa itu. Sekarang baru-baru ini kita dengar di Kuantan Tuan Yang di-Pertua, dekat dengan kawasan Yang Berhormat Kuantan di mana- oleh kerana Kompleks Mahkamah lambat dibina, lebih kurang 18 bulan, anggaran bayaran telah naik lebih kurang RM50 juta dan sebagainya. Macam mana ini? Apa jadi kepada *defect liability period*? Apa terjadi kepada- apa *action* diambil kepada kontraktor-kontraktor? Ini adalah satu di antara perkara yang diambil kira.

Dalam sistem yang kita ada Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kita ada CCTV di semua mahkamah-mahkamah. Saya baru-baru ini ada di Mahkamah Kampar untuk membuat *inquest* kerana keluarga itu memohon *services* saya. Selepas kes itu mula, saya mohon kepada majistret yang hari itu datang dari Ipoh untuk CCTV *recording*. Dia kata CCTV di mahkamah ini tidak berfungsi berbulan-bulan. Saya difahamkan ini bukan sahaja di Mahkamah Kampar tetapi di merata-rata tempat. Semua sistem ini tidak berfungsi. Apa yang terjadi kepada perkara tersebut dan berapa yang kita telah biayai dan apa yang telah kita pelajari supaya mengatasi dan membawa satu sistem yang baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu. Ramai lagi ya. Ya, Yang Berhormat Setiu.

**5.08 ptg.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

Dua perkara yang penting adalah pindaan kepada seksyen 8(c) iaitu fasal 3 dan juga seksyen 15B yang baru iaitu fasal 4. Jadi faktor dan juga keperluan meminda Akta Saraan Hakim adalah jelas bahawa pindaan ini perlu dilakukan sebagai langkah kerajaan dalam membantu bekas-bekas hakim untuk berdepan dengan kenaikan kos sara hidup yang sekarang agak tinggi dan selain menghargai jasa dan peranan mereka yang telah berkhidmat untuk rakyat.

Begitu juga dengan penyelarasan kenaikan pensen ini bagi penjawat awam telah diadakan sebelum ini sebanyak 2% pada tahun 2013 yang telah diadakan. Manakala pindaan kepada Akta Saraan Hakim 1971 juga telah diluluskan pada tahun 2011 yang membolehkan empat orang hakim yang paling kanan iaitu *top four*, dengan izin, berkhidmat dalam tempoh yang lebih pendek untuk mendapat bayaran pensen penuh. Mengikut nisbah seorang hakim sekarang ini berkhidmat untuk *rationya* lebih kurang RM500,000 bagi setiap seorang hakim.

**■1710**

Begitu juga dengan bebanan tugas. Bebanan tugas hakim ini semakin meningkat dan juga mencabar. Serta keperluan rakyat harus diutamakan melebihi keperluan sendiri dalam menegakkan keadilan. Hakim juga bukan sahaja dijangka untuk bekerja pada waktu bekerja sahaja, tetapi juga bekerja selepas itu. Kadang-kadang hujung minggu juga perlu bekerja. Tugas dan urusan penghakiman termasuklah membaca rekod rayuan dan sebagainya, dan juga rekod perbicaraan sehingga kadang-kadang penyelidikan dan juga membuat keputusan harus dilakukan sendiri daripada awal sehingga ke akhir kes.

Saya hendak sentuh sedikit bahawa pendapatan hakim ini lebih kurang RM400,000 setahun berbanding dengan peguam. Peguam ini lebih daripada RM1 juta kadang-kadang, yang berkualiti lah, yang tidak berkualiti pun ada. Setahun.

Saya juga ingin sentuh berkenaan dengan walaupun gaji dinaikkan, saraan dinaikkan dua peratus, tetapi kesian juga kepada kita ini, Ahli Parlimen ini. Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara tidak dinaikkan. Sebab, kita tidak termasuk dalam kumpulan yang menerima kenaikan pensen dalam pegawai kerajaan. Jadi kita tidak termasuk. Kita tidak subjek kepada GO. Jadi pindaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Puchong bangun.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh beri laluan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini fakta, bagi ini tidak ada – sekejap ya. Okey, tidak apa.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Setiu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiu, saya dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Setiu. Sebagai seorang bekas Hakim Mahkamah Sesyen, saya cukup setuju Yang Berhormat. Saya rasa bahawa kadar gaji yang diberikan kepada hakim-hakim kita di semua peringkat iaitu daripada Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan perlu ditingkatkan.

Adakah keadaan ini juga sama dengan pegawai-pegawai kehakiman yang lain, misalnya dalam Jabatan Peguam Negara? Saya hendak tahu daripada perspektif seorang hakim. Apakah kita lihat kepada skala seperti di negara Singapura atau pun adakah skala-skala lain di tempat dunia ini yang seharusnya kita dalam negara ini lihat untuk kita dapat mempertingkatkan skala gaji? Ini kerana, itu penting, Kalau kita hendak ada hakim, saya rasa saya cukup setuju kerja hakim ini tidak senang, memang banyak tekanan yang dibawa khususnya seorang yang perlu meleraikan masalah orang lain, bukan senang. Jadi saya faham. Adakah sebarang cadangan daripada Yang Berhormat Setiu yang boleh kemungkinan kita bersama-sama kemukakan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan? Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puchong. Akan tetapi masalahnya sekarang, pegawai perundangan dan kehakiman ini ia terletak di bawah sebagai pegawai kerajaan biasa. Cuma sebagai profesional, itu sahaja. Jadi maknanya kalau dinaikkan pada hakim yang di bawah *standard order*, maknanya jabatan lain juga kita perlu naikkan. Ini kerana hakim Mahkamah Tinggi sehingga ke Ketua Hakim, ia terletak di bawah Wang Disatukan. Jadi berbeza. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita bersetujulah, saya bersetuju supaya dikaji balik gaji dan juga pencen kepada pegawai-pegawai kerajaan terutama kepada pegawai perundangan dan juga kehakiman.

Saya teruskan sedikit dengan kerja sebagai hakim ini. Okey, sebelum itu saya pergi ini dulu ya. Bahawa pelantikan hakim tadi telah disebut adalah tertakluk kepada Suruhanjaya Pelantikan Hakim, dan ia ada kriteria ia sendiri yang disebut oleh – apa tadi? Iaitu calon yang layak jika memenuhi Perkara 1, 2, 3 iaitu warganegara dan juga beramal sepuluh tahun sebagai peguam. Jadi peguam yang ada dekat sini pun berpeluang untuk dipilih menjadi hakim.

Suruhanjaya dalam memilih calon juga mengambil kira antara lain bahawa integriti, juga telah disebut, kompeten, pengalaman dan dia juga adil dan moral yang baik. Itu kriteria yang diambil kira. Juga, boleh membuat keputusan dengan baik dan berupaya untuk membuat penghakiman dalam masa yang ditetapkan, dan mempunyai *skill* yang baik dalam penulisan berkenaan dengan undang-undang itu sendiri. Sudah pastinya kriteria lain tidak gila, kesihatan fizikal dan juga mental.

Harus diingat juga, suruhanjaya ini dianggotai oleh empat, *top four* tadi dan juga lantikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pelantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini termasuk bekas-bekas hakim, yang ada sekarang ini Tan Sri Haidar, Datuk Tee Ah Seng, Datuk Sulong Matjeraie dan juga Selventhiranathan. Ini adalah bekas-bekas hakim. Jadi, tidak

akan ada timbul sebarang keraguanlah tentang pelantikan kerana mereka akan melihat kepada semua kriteria yang telah dinyatakan.

Selain itu, hakim-hakim Mahkamah Tinggi ini juga dia tertakluk kepada Kod Etika Hakim. Bermakna, apa-apa tingkah laku dan sebagainya, dia berdasarkan dan pedomannya adalah kepada Kod Etika Hakim itu sendiri.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan kerja saya sebelum ini sebagai hakim walaupun bukan hakim Mahkamah Tinggi, tapi cara kerja adalah sama. Di mana saya kena mendengar semua keterangan saksi-saksi, mendengar semua hujah peguam dan juga membuat keputusan berdasarkan fakta-fakta dan undang-undang yang dibentangkan. Dalam kes jenayah, semua peguam tahulah ya. Kalau yang bukan peguam, saya hendak beritahu bahawa kita kena lihat apa prima facienya dan mengikut prima facie yang terbaru adalah *credible evidence*. Maknanya atas percaya atau tidak hakim itu kepada saksi-saksi. Dalam kes sivil pula, atasimbangan kebarangkalian. Maknanya, betulkah salah, betulkah salah. Maknanya kita kena tentukan. Susahnya sebagai hakim. Peguam tidak apa, dia dah ada apa yang dia hendak cakap tentang anak guam dia sendiri.

Selepas itu pula, hakim kena buat pendapat fakta dan sebagainya, kerana inferens yang kena buat, hanya satu inferens sahaja, baru betul. Kalau inferens itu lebih daripada satu, sudah menjadi tidak betul. Akan direverse oleh mahkamah yang lebih tinggi. Selepas itu juga, kena tulis alasan penghakiman, kadang-kadang sehingga tengah malam. Saya sendiri pernah menjadi hakim dan terpaksa kadang-kadang isteri ditinggal-tinggalkan sementara. Malam, sehingga ke pagi pun ada. Jadi, susah jugalah kerja ini ya. Tidak sesenang yang disangka.

Selain itu juga, kita juga mendapat cabaran dari segi – kerana hendak buat keputusan pun macam-macam. Ada yang bomohnya, beras kunyit ditaburnya di hadapan pintu masuk kita, ada. Ada juga yang – orang lain tidak bau. Dengan coloknya, colok Arab itu. Saya berbau dengan coloknya. Bomoh di rata-rata tempat ya, bukan KLIA sahaja.

#### ■1720

Selain itu juga, ada juga cabaran lain, masalah penyokong-penyokong kepada seseorang. Pernah berlaku di mahkamah Kuala Lumpur, menunggu keputusan Ketua Pembangkang berkumpul sejak pagi, sebelum dan sesudah subuh. Tidak tahu kenapa kumpul, barangkali kita boleh buat satu andaian, kalau tidak menang kita buat satu demonstrasi, kemungkinan besar. Itu andaian sahaja. Mungkin tujuannya juga untuk menakutkan hakim, dia menang kes sebab itu kes di Mahkamah Tinggi menang mungkin.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan kes yang dipertikaikan, kes Ketua Pembangkang kita. Saya ingin menyentuh soal Presiden Majlis Peguam ada menyifatkan bahawa hukuman penjara lima tahun oleh Mahkamah Rayuan ke atas Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai tidak wajar kerana perbuatan tersebut dilakukan atas dasar suka sama suka antara dua orang dewasa. Jadi, apa tafsirannya? Ada positifnya dan negatifnya barangkali kepada pihak yang terlibat. Pertama, isu hukuman itu dijadikan modal...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Penjelasan. Itu bukan apa yang dinyatakan oleh Majlis Peguam. Yang dikatakan kalau Yang Berhormat Permatang Pauh itu salah, satu lagi pihak mesti didakwa juga, bukan dikatakan secara fakta. Jadi, tidak boleh memberikan ucapan yang tidak tepat di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Beruas, minta laluan dan kebenaran dari saya lain kali ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Maaf. Lain kali akan minta laluan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tahu, ini hasil bacaan saya daripada media tempatan. Jadi apa yang dikatakan... maknanya begitulah. Ada berlakulah, maksud saya ada berlaku. Hendak tahu apa yang berlaku?... *[Disampuk]* Berlaku kejadian *sodomy*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita beralih ke isu lain.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa yang saya hendak katakan bahawa isu hukuman ini dijadikan modal, modal politik untuk meraih simpati. Akan timbullah, telah timbulnya tuduhan-tuduhan seperti biasa bahawa ianya adalah konspirasi dan juga kezaliman terhadap Ketua Pembangkang. Inilah masalah dia. Akan tetapi masalah yang timbul, apa yang dikatakan tidak di saman pun, Majlis Peguam tidak di saman. Persoalannya sekarang, adakah kerana Majlis Peguam ini bermula daripada S. Ambiga sendiri sebagai rakan sekutu kepada pembangkang terutama PKR.

Pihak lagi satu, pihak PAS sendiri, berdiam diri kerana biasanya kalau hukuman yang berkenaan dengan sesuatu syarak makna biasanya bisinglah tetapi mungkin kerana politik dan sebagainya, takut PRK Kajang kalah, inilah cara yang dibuat, berdiam diri sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Setiu boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang bangun.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ada masakah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masih ada masa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada, ada. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kawan saya yang saya kenal sudah lama iaitu Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu mengatakan PAS berdiam diri, tidak betul.

Pertama, saya hendak kata, kalau kes melibatkan Yang Berhormat Permatang Pauh ini jangan kita melihat hanya kes ini, kita melihat daripada siri. Kes Yang Berhormat Permatang Pauh bukan bermula pada tahun ini sahaja. Kita kena lihat daripada awal lagi, selepas beliau dibuang daripada Kabinet itu sampailah sekarang ia adalah satu siri dengan izin *persecution* ke atas Yang Berhormat Permatang Pauh. Oleh sebab itu kalau kita melihat kes ini secara terpisah, memang kita rasa apa ini? Akan tetapi kalau kita lihat keseluruhan perbicaraan daripada awal itu,

mana-mana orang yang berfikiran munasabah dia akan mengatakan memang ada satu *prosecution*, itu pertama.

Yang keduanya, mengatakan PAS berdiam diri, tidak betul. Kita berapa kali sudah menyatakan. Kalau betul Yang Berhormat Permatang Pauh dikatakan melakukan kesalahan liwat dan sebagainya, kita ada undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan, saya telah bahaskan. Kita ada Akta Kesalahan Jenayah Syariah yang memperuntukkan tentang liwat. PAS menyatakan kenapakah Yang Berhormat Permatang Pauh tidak dibawa tindakan di bawah Mahkamah Syariah? Kalau ada pertuduhan yang bercanggah dengan undang-undang Islam, sebagai contoh apabila Saiful mengatakan dia diliwat, dari segi perundangan Islam, dia termasuk dalam kesalahan *qazaf* dan ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak ingatkan kes ini dalam rayuan lagi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang *qazaf* tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, kes Yang Berhormat Permatang Pauh ini cukup.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab dia bertanya kenapa PAS? Saya berhak untuk jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu, saya sudah tegur ikut peraturan mesyuarat, tidak perlu kita panjang-panjang kes ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak katakan bahawa kenapakah dalam keadaan ada akta berkaitan dengan *qazaf*, kenapakah kita buat, kita tuduh seseorang itu tanpa ikut hukuman Islam, kenapakah orang yang tuduh itu tidak didakwa di bawah Mahkamah Syariah di bawah kesalahan *qazaf*. Jadi saya minta Yang Berhormat Setiu bagi penjelasan. Jangan buat tuduhan membabi buta ya, terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tidak membuat tuduhan membabi buta. Saya soal pasal kenyataan oleh Presiden Majlis Peguam. Itu sahaja. Jadi apa yang dinyatakan itu tidak ada tindakan dibuat walaupun benda itu dinyatakan dengan jelas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak apa, saya jawab dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, nanti beri balik.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi, kes kenapa tidak dibawa ke Mahkamah Syariah ini dan juga dari segi *qazaf*nya itu kena tanya Menteri, Menteri kena jawab sebab saya bukan Menteri. Dia tanya kenapa tidak bawa?... *[Disampuk]* Macam mana saya hendak jawab, sudah dia tidak bawa... *[Disampuk]* Itu masalah dia. Kalau sebagai hakim pun saya tidak boleh hendak arahkan orang bawakan depan saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapa UMNO berdiam diri? Tadi kata... Kenapa UMNO berdiam diri?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Berdiam diri dari segi apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapa hakim tidak mahu bercakap?...  
[*Dewan riuh*]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sekarang masalahnya, saya hanya bertanya satu perkara sahaja. Kenapa PAS tidak bising berkenaan dengan pernyataan oleh Presiden. Itu sahaja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiu. Saya tengok Yang Berhormat Sepang ini peguam tetapi peguam jenis apa pun tidak tahu, haprak punya peguamkah? [*Ketawa*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okeylah, Okey, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tarik balik dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tarik baliklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tahu pun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau tidak haprak pun, dia peguam kurang cerdik. Peguam kurang cerdik duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu pagi tadi pun sudah tegur.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** "Haprak" saya tarik balik tetapi jadi kurang cerdik itu sahaja. Okey, peguam kurang cerdik duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu salah dari segi bahasa. Mana boleh peguam kurang cerdik?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak kata Yang Berhormat bodoh...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat punya bahasa salah, peguam kurang cerdik- apa ini?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak kata Yang Berhormat bodoh. Saya kata Yang Berhormat kurang cerdik, itu pun salah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Cakap, *grammar* pun...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Berilah saya hendak tanya. Sebab apa saya kata demikian? Dia peguam. Hak untuk mendakwa ini, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat setuju tidak dengan saya, bahawa hak untuk mendakwa ini kalau dalam Mahkamah Sivil hak Peguam Negara. Kalau hendak pergi ke Mahkamah Syariah itu hak Mahkamah Syariah. Apa yang hendak dipersoalkan tindakan ini? Kes ini sudah masuk ke Mahkamah Sivil, biarlah Mahkamah Sivil dengarkan kes ini. Itu yang saya

kata, mengapa bila kes Yang Berhormat Permatang Pauh ini semua hendak *double standard*? Yang Berhormat pernah menjadi hakim di Mahkamah Sesyen, adakah baru pertama kali kes liwat ini didakwa di dalam negara kita?

Adakah hanya satu kes Ketua Pembangkang sahaja? Ada tidak kes-kes lain yang rakyat-rakyat marhaen ini? Saya baca surat khabar guru pun ada kena, pegawai-pegawai ada ramai kena. Mengapa tidak mahu hebohnya? Apa yang istimewa sangat Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini? Sampaikan Yang Berhormat Sepang pun saya kata peguam yang kurang cerdik. Yang Berhormat peguam, tahu prosedur. Adakah pergi tanya Yang Berhormat Setiu macam itu? Itu yang saya kata dia peguam kurang cerdik. Yang Berhormat Setuju tidak? Ini hak yang ditentukan, kalau di Mahkamah Sivil, Peguam Negara, kalau Mahkamah Syariah, ada dia punya pendakwa Mahkamah Syariah. Itu yang sepatutnya Yang Berhormat tanya. Bukannya tanya kepada Yang Berhormat Setiu, apa kena-mengena dengan UMNO? Ini Yang Berhormat tidak faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya faham sangat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tanya Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat duduklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau hendak lawan boleh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh lawan. Tadi saya cakap tidak bangun, saya tunggu. Saya berucap tadi, saya tunggu Yang Berhormat bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Cakap pun tidak pandai, hendak cakap...  
*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya bersetuju 100% dengan Yang Berhormat Tanjong Karang dengan hak untuk mendakwa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, panjang lagikah?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sedikit, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau panjang lagi, kita sambung besok.

**Beberapa Ahli:** Sambung esok.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Boleh, boleh. Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Mesyuarat kita sehingga jam 10 pagi hari esok, terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]***